

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Khamis, 11 Oktober 2001
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah syarikat yang diluluskan untuk disenaraikan di BSKL selepas negara menghadapi kegawatan ekonomi dan dari jumlah tersebut, berapakah syarikat yang mencatat kekurangan langganan dan yang harganya jatuh lebih rendah dari harga Saham Terbitan Awam Permulaan (IPO); dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani masalah ini dan langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk lebih meyakinkan pelabur memasuki pasaran dalam BSKL.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Selepas negara menghadapi kegawatan ekonomi mulai pertengahan tahun 1997 sebanyak 153 syarikat telah diluluskan untuk disenaraikan di BSKL sehingga 2 Oktober 2001. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 25 syarikat mengalami kekurangan langganan semasa terbitan awam permulaan (IPO) dan sebanyak 121 syarikat mengalami kejatuhan harga di mana harga sahamnya lebih rendah daripada IPO.
- (b) Bagi mengembalikan keyakinan pelabur terhadap pasaran saham tempatan, beberapa langkah jangka pendek dan

jangka panjang telah diambil oleh kerajaan. Antaranya seperti berikut:

- (i) menstabilkan nilai Ringgit bagi memudahkan perancangan dalam perniagaan dan keputusan pelaburan;
- (ii) mengukuhkan asas ekonomi bagi menangani kelemahan yang ada dalam sistem ekonomi;
- (iii) meningkatkan tahap tadbir urus korporat dan ketelusan dalam pasaran saham;
- (iv) menstrukturkan semula syarikat-syarikat korporat yang bermasalah;
- (v) mempertingkatkan kecekapan pengawalseliaan pasaran saham; dan
- (vi) menguruskan persepsi pelabur terhadap pasaran saham dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang tepat dan terkini.

Kerajaan berkeyakinan langkah-langkah yang diambil di atas mampu membantu pasaran saham negara, mengurangkan kesan negatif dari kegawatan ekonomi serta peristiwa serangan ke atas Amerika Syarikat. Dalam pada itu, pelan induk pasaran modal juga mengandungi cadangan-cadangan yang boleh membantu pasaran saham untuk menghadapi kesan negatif pasaran dan beberapa cadangan dalam pelan induk ini sedang dilaksanakan oleh kerajaan.

Di samping itu, langkah-langkah baru yang bersesuaian akan juga dikenal pasti dan untuk pelaksanaan, tumpuan akan diberi kepada meningkatkan kecairan pasaran dan pembangunan prasarana. Langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan ini adalah selari dengan dasar-dasar ekonomi yang telah dan akan diperkenalkan oleh kerajaan sebagai persediaan menghadapi keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu sekarang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah di atas program-program yang diatur oleh kementerian untuk memulihkan lagi keyakinan terutamanya kepada pelabur-pelabur yang mana akibat daripada kemerosotan baru-baru ini banyak pelabur telah mengalami kerugian yang agak besar dan juga banyak ahli korporat yang sudah tidak bermaya lagi pada masa sekarang.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, selain daripada langkah-langkah yang telah dinyatakan tadi, saya ingin bertanya, apakah harapan dan keyakinan yang boleh kita berikan kepada pasaran saham buat masa sekarang di dalam keadaan suasana ekonomi yang tidak menentu pada hari ini akibat daripada kejadian-kejadian yang berlaku baru-baru ini. Dan juga, apakah faktor-faktor dan juga petanda-petanda yang mana dapat kita lihat buat masa sekarang iaitu untuk mengukuhkan lagi keyakinan kita khususnya kepada prestasi ekonomi negara pada masa depan. Sekian, terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat di atas pertanyaan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, walaupun dunia sedang bergelut dengan kesan kelembapan ekonomi dan ini diburukkan lagi oleh insiden 11 September 2001 dan serangan Amerika terhadap Afghanistan, kita wajar bersyukur kerana masih boleh meletakkan harapan yang tinggi terhadap prestasi bursa saham kita. Ini berdasarkan kepada beberapa faktor.

Yang pertama, dengan pengurusan ekonomi yang berhemah dan bijak, fundamental ekonomi negara masih terus kukuh dan mantap dan insya-Allah, kita akan dapat mengelakkan diri dari kemelesetan seperti yang berlaku di kebanyakan negara-negara termasuk Singapura, Jepun dan lain-lain. Ini adalah hasil daripada langkah bijak, pantas dan drastik yang diambil oleh kerajaan kita.

Yang kedua, keyakinan para pelabur termasuk pelabur asing terus kukuh terhadap pasaran saham kita, lebih-lebih lagi selepas tindakan kerajaan menstrukturkan semula beberapa syarikat besar yang dibebani oleh hutang dan ketidaktelusan pengurusan. Langkah ini disambut baik oleh para pelabur sama ada dalam ataupun luar negara sebagai satu langkah yang dialu-alukan, sebagai satu usaha untuk pembersihan (*clean up*) oleh syarikat-syarikat tersebut.

Dengan sebab itu kita lihat sebelum berlaku peristiwa 11 September 2001, pengukuhan pasaran saham kita adalah jelas apabila Indeks Komposit mencecah 700 mata dan volume yang diurusniagakan adalah agak besar dan *turn over*, dengan izin, harian mencecah lebih daripada setengah bilion. Ini merupakan tanda-tanda bahawa terdapatnya pemulihan keyakinan para pelabur sama ada luar atau luar negara terhadap pasaran saham kita. Seorang penganalisis ekonomi mengatakan, dengan izin, "*Malaysia is better placed than many other countries to weather the ill winds that are blowing anew.*"

Ini adalah pengiktirafan daripada penganalisis ekonomi dunia bahawa ekonomi negara kita berada pada satu asas yang mantap dan kukuh. Malah selepas berlakunya serangan terhadap WTC di New York pada 11 September 2001, Indeks Komposit BSKL hanya jatuh 10.9% sahaja berbanding dengan kejatuhan Dow Jones 16%, Singapura 15.8%, Bangkok 16.1%, Manila 12.9%, Seoul 11.2%, Tapei 12.9%. Ini menunjukkan bahawa BSKL mempunyai satu ketahanannya tersendiri dan boleh berhadapan dengan cabaran-cabaran luar ataupun dalam negara kita.

Di samping itu, FDI masih terus mengalir masuk. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri semalam dalam tempoh lapan bulan, kemasukan FDI ada RM13.8 bilion, menunjukkan bahawa keyakinan para pelabur terhadap kita adalah masih kukuh dan tidak begitu berganjak dengan teruknya akibat daripada apa yang berlaku di dunia sekarang ini. Di samping itu, rizab negara terus kukuh kepada RM113 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, corporate governance negara kita juga diiktiraf oleh dunia. Baru-baru ini kita diletakkan atas daripada Singapura, Hong Kong dan lain-lain negara di rantau ini, dan ini menunjukkan bahawa kesemuanya ini adalah petanda-petanda dan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa pasaran saham kita terus berada di atas asas yang kukuh dan apa yang berlaku sekarang ini adalah oleh faktor luaran yang di luar daripada kawalan kita. Misalnya Afghanistan diserang, WTC diserang, itu adalah faktor luaran yang luar daripada kawalan kita tetapi fundamental ekonomi dalaman, keyakinan domestik dan luaran terus kukuh. Saya rasa apabila keadaan ekonomi semakin pulih tahun hadapan dan dunia semakin aman maka kelebihan BSKL kita akan lebih terserlah dan akan lebih dapat kita pastikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang dapat menerangkan keadaan yang terkini tentang ekonomi negara dan tentang pasaran BSKL. Tadi Yang Berhormat telah menyebutkan beberapa langkah perlu diambil untuk meyakinkan lagi pasaran BSKL di negara kita dan salah satunya ialah untuk menstrukturkan semula dalam Lembaga Pengarah Syarikat tersebut.

Jadi, saya nampak baru-baru ini banyak syarikat besar ada menjalani proses untuk menstruktur semula dalam Lembaga Pengarah syarikat mereka. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan lebih jelas lagi sebab-

sebab penstrukturan semula ini dan apakah kesan yang baik selepas penstrukturan semula dalam Lembaga Pengarah Syarikat-syarikat tersebut? Sekian, terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kluang dan sebahagian daripada soalan itu telah pun saya jawab dalam soalan pertama saya tadi.

Untuk memberi penerangan yang lebih lanjut kepada Yang Berhormat bahawa memang benar bahawa kerajaan sekarang sedang melaksanakan proses penstrukturan beberapa syarikat besar atau konglomerat negara kita. Dan seperti yang saya sebutkan tindakan ini dialu-alukan sebagai satu program pembersihan atau cleaning up syarikat-syarikat tersebut seperti yang saya katakan yang kebanyakannya dibebani oleh hutang yang besar dan juga tidak ketelusan pengurusan.

Apabila kerajaan struktur semula ini contohnya seperti Renong, seperti MRCB, UEM dan beberapa yang lain. Lembaga Pengarahnya dan pengurusnya ditukar baru dan struktur keseluruhannya dirombak semula, maka ini memberikan keyakinan kepada para pelabur luar dan dalam tentang ketelusan kerajaan dalam perkara ini. Ertinya mereka memerhatikan kerajaan kita adalah telus dan sentiasa sahaja memperbaiki keadaan daripada kurang baik kepada yang lebih baik, maka komen-komen daripada luar mengatakan bahawa Malaysia sedang menjalani satu proses yang benar dan betul dari segi transparency - dengan izin - dari segi ketelusan, dari segi corporate governance, maka inilah yang boleh menarik keyakinan para pelabur sama ada dalam ataupun luar negeri. Terima kasih.

2. **Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor [Machang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah benar Pertubuhan St. John Ambulance Malaysia tidak dibenarkan mempunyai cawangan di sekolah-sekolah di Kelantan dan jika benar apakah sebabnya ia tidak dibenarkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini sepatutnya ditujukan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan bukan ditujukan kepada kementerian.

Walau bagaimanapun, saya cuba jawab soalan ini kerana sudah pun ditanya. Sebenarnya Kementerian Pendidikan tidak pernah menghalang penubuhan cawangan pasukan St. John Ambulance Malaysia di mana-mana sekolah termasuk

di negeri Kelantan. Kegiatan sukarela seperti ini adalah sebahagian daripada kegiatan ko-kurikulum sekolah yang perlu digalakkan di kalangan pelajar.

Walau bagaimanapun, ingin saya nyatakan juga kepada Yang Berhormat bagi Machang bahawa buat masa ini terdapat empat buah sekolah yang mana pasukan St. John Ambulance tidak begitu aktif. Misalnya, seperti sekolah rendah terdapat lima buah pada asalnya mempunyai pertubuhan St. John Ambulance. Tetapi satu buah telah keluar pada tahun 2001 kerana tidak ada guru. Jumlah sekarang terdapat empat buah di mana anggotanya terdiri daripada murid-murid tadi, lelaki 125 orang; perempuan 225 orang. Manakala sekolah menengah kita terdapat 23 buah sekolah asal yang mempunyai pasukan St. John, tiga sudah keluar pada tahun 2001.

Daripada 20 buah sekolah ini terdapat lelaki 830 orang dan perempuan 957 orang. Cuma apa yang timbul baru-baru ini ialah kerana isu mengenai dengan sebuah sekolah telah meletup kerana tidak ada guru untuk menguruskannya. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor: Tuan Yang di-Pertua, tadi Dato' Setiausaha Parlimen, Kementerian Pendidikan mengatakan bahawa soalan ini diarahkan kepada kerajaan negeri. Adakah dasar Kementerian Pendidikan ini membenarkan kerajaan negeri campur tangan dalam hal-hal ko-kurikulum?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Itu tidak pernah kerana isu ini diwujudkan berdasarkan laporan surat khabar menyatakan mengapa St. John Ambulance ditutup.

Jadi, tidak dapat maklumat pada ketika itu sama ada ia ditutup, tetapi memang kita tidak membenarkan pihak kerajaan negeri untuk mencampuri dalam soal-soal ini. Cuma kerana pendidikan adalah bidang pihak Kementerian Pendidikan Kerajaan Pusat. Cuma apa yang timbul baru-baru ini ialah mengenai dengan penutupan St. John Ambulance di Sekolah Yayasan Islam Kelantan.

Jadi, kita belum dapat maklumat apakah sebab-sebabnya. Walau bagaimanapun, apa yang kita telah pantau kita dapati bahawa sekolah-sekolah tadi ada di antara mereka telah pun menukar kepada pasukan Bulan Sabit Merah sebab itu saya kira antara mereka tidak begitu aktif dan akhirnya terpaksa ditunda buat masa-masa yang akan datang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Adakah Yang Berhormat bersetuju baru-baru ini ada satu kenyataan akhbar yang dibuat oleh salah seorang pegawai di

Pulau Pinang iaitu salah seorang kakitangan St. John Ambulance yang membuat kenyataan seolah-olah memberi gambaran kepada rakyat bahawasanya Kerajaan Kelantanlah yang menghalang daripada sekolah-sekolah untuk menubuhkan pertubuhan St. John Ambulance ini?

Hasil daripada itu menyebabkan ramai di kalangan pelajar-pelajar sekolah di luar negeri juga menerima gambaran bahawasanya Kerajaan Kelantan ini tidak memberi kerjasama ataupun tidak merestui penubuhan pertubuhan St. John Ambulance ini. Saya minta kepada pihak Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan hari ini cuba nyatakan sejauh manakah peranan Kerajaan Pusat untuk membantu pertubuhan St. John Ambulance ini supaya ianya boleh bersaing dengan Palang Merah yang menjadi pilihan kepada pelajar-pelajar sekolah sekarang ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya kira ada dua perkara yang hendak ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu mengenai dengan kenyataan salah seorang ketua pasukan St. John Ambulance terhadap Kerajaan Kelantan. Saya rasa itu harus boleh diselesaikan oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan. Kita tidak ada masuk campur tangan dengan apa yang telah digambarkan oleh pihak yang berkenaan. Boleh jadi, kemungkinan saya rasa ada sedikit sensational di situ mengatakan bahawa kerana lambangnya dan ada yang mengatakan dia berpusat di Britain dan sebagainya. Itu soal yang lain.

Jadi, daripada pihak kita Kerajaan Pusat kita tidak pernah pun menutup dan kita senantiasia prihatin dan memberi galakan. Perkara kedua mengenai dengan saingan antara Bulan Sabit Merah dengan St. John Ambulance memang itu adalah pilihan penuntut-penuntut tadi sama ada mereka mahu menyertai pasukan St. John Ambulance ataupun mereka hendak memasuki Pasukan Bulan Sabit Merah.

Seperti mana yang saya dapat laporan di Sekolah Menengah Sains Machang misalnya didapati laporan yang kami terima daripada guru besar tersebut ialah kerana murid-murid di situ tidak berminat. Mereka lebih berminat untuk menyertai Pasukan Pertahanan Awam. Kita ada banyak pasukan beruniform di sekolah-sekolah dan ini harus kita galakkan. Oleh yang demikian, saya kira ia masih juga bergantung kepada guru-guru yang terlatih untuk mengendalikan pasukan tersebut. Kedua ialah mengikut minat murid-murid tadi. Terima kasih.

3. **Puan P. Komala Devi [Kapar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kemungkinan berlakunya *acts of terrorism (aksi keganasan)* dalam negara ini dan

langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan trend ini tidak berlaku di Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kapar dan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut:

	<u>Ahli Yang Berhormat</u>	<u>Tarikh</u>
(i)	Yang Berhormat bagi Rompin	15 Oktober 2001;
(ii)	Yang Berhormat bagi Shah Alam	15 Oktober 2001;
(iii)	Yang Berhormat bagi Gombak	15 Oktober 2001;
(iv)	Yang Berhormat bagi Parit Buntar	16 Oktober 2001;
(v)	Yang Berhormat bagi Alor Gajah	18 Oktober 2001;
(vi)	Yang Berhormat bagi Sungai Benut	29 Oktober 2001;
(vii)	Yang Berhormat bagi Setiu	29 Oktober 2001;
(viii)	Yang Berhormat bagi Bintulu	29 Oktober 2001;
(ix)	Yang Berhormat bagi Batang Lupar	30 Oktober 2001;
(x)	Yang Berhormat bagi Pasir Puteh	29 dan 30 Oktober 2001;
(xi)	Yang Berhormat bagi Sibul	1 November 2001;
(xii)	Yang Berhormat bagi Bagan Datok	1 November 2001;
(xiii)	Yang Berhormat bagi Batu Pahat	5 November 2001;
(xiv)	Yang Berhormat bagi Tuaran	5 November 2001;
(xv)	Yang Berhormat bagi Jeli	6 November 2001;
(xvi)	Yang Berhormat bagi Kemaman	13 November 2001;
(xvii)	Yang Berhormat bagi Kuala Krai	21 November 2001;
(xviii)	Yang Berhormat bagi Batu	21 November 2001;
(xix)	Yang Berhormat bagi Lumut	26 November 2001;
(xx)	Yang Berhormat bagi Tanjong Aru	26 November 2001;
(xxi)	Yang Berhormat bagi Bentong	27 November 2001;
(xxii)	Yang Berhormat bagi Wangsa Maju	27 November 2001;
(xxiii)	Yang Berhormat bagi Arau	27 November 2001;
(xxiv)	Yang Berhormat bagi Kinabatangan	29 November 2001;
(xxv)	Yang Berhormat bagi Kuala Selangor	6 Disember 2001; dan

(xxvi) Yang Berhormat bagi Serdang 6 Disember 2001.

Oleh kerana soalan-soalannya yang dibangkitkan adalah sama atau hampir sama dan berkaitan antara satu sama lain iaitu mengenai keganasan dan Kumpulan Militan Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, semua 28.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ya, semua boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 28, baik. *[Ketawa]*

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ya. Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Ahli Dewan yang mulia ini selain ancaman komunis yang telah ditumpaskan Malaysia telah menghadapi ancaman daripada beberapa kumpulan militan yang ingin menumbangkan kerajaan secara kekerasan.

Sejak tahun 1967 tidak kurang 10 gerakan sulit yang berjuang secara militan dan menggunakan pendekatan revolusi untuk mengambil alih tampuk pemerintahan. Antaranya termasuklah:

- (i) Tentera Sabirullah pada tahun 1967;
- (ii) Kumpulan Rohaniah pada tahun 1971;
- (iii) Koperasi Angkatan Revolusi Islam pada tahun 1974;
- (iv) Kumpulan Kripto pada tahun 1977;
- (v) Kumpulan Muhamad Nasir Ismail pada tahun 1980;
- (vi) Kumpulan Jundullah pada tahun 1987; dan
- (vii) Kumpulan Al-Mau'nah pada tahun 2000.

Walau bagaimanapun, kesemua kumpulan tersebut telah dapat ditumpaskan dan anasir-anasir terlibat diambil tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960 dan undang-undang peruntukan jenayah yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu keselamatan yang melibatkan aktiviti keganasan adalah Kumpulan Militan Malaysia (KMM). Kumpulan ini merupakan sebuah gerakan sulit yang ditubuhkan pada 12 Oktober 1995 oleh Zainon Ismail iaitu seorang bekas pejuang Mujahidin Afghanistan.

Pada awal tahun 1999 kumpulan ini telah diambil alih oleh Nik Adli Abdul Aziz sehinggalah sekarang. Sesungguhnya kumpulan ini telah melaksanakan seruan jihad di negara ini secara menyeleweng dari ajaran Islam dan berselindung atas nama mujahidin. Namun apa yang sebenarnya terjadi ialah kumpulan ini telah melakukan jenayah-jenayah berat sehingga boleh mengancam keselamatan negara. Oleh yang demikian, kumpulan ini lebih sesuai dipanggil sebagai Kumpulan Militan

Malaysia dan bukanlah Kumpulan Mujahidin Malaysia kerana mereka sanggup melakukan perkara jenayah seperti membunuh dan merompak.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan kini telah mengenal pasti penglibatan sebilangan rakyat yang terlibat dengan aktiviti Kumpulan Militan Malaysia. Kebanyakan mereka merupakan bekas penuntut Malaysia di Pakistan yang sebilangan besar pernah juga mendapat latihan dan berjuang membantu mujahidin di Pakistan. Kumpulan Militan Malaysia dikesan mempunyai rangkaian di beberapa buah negeri seperti Terengganu, Perak, Kelantan, Kedah, Johor dan Selangor di mana sebilangan besar anggotanya merupakan ahli atau penyokong sebuah parti pembangkang.

Di samping itu KMM turut menjalin hubungan dengan kumpulan radikal Islam di Indonesia yang bekerjasama memberi usrah yang berbentuk jihad dan mati syahid kepada pengikut Kumpulan Militan Malaysia di negara ini terutama di kawasan Puchong, Selangor. Di samping KMM turut terlibat menghantar anggotanya berjuang di Ambon untuk menentang puak Kristian di sana. Sehingga kini pihak kerajaan masih menyiasat sekiranya terdapat golongan-golongan lain yang turut melibatkan diri dalam kegiatan Kumpulan Militan Malaysia.

Sehingga kini kerajaan telah menangkap seramai 19 orang anasir kumpulan ini termasuk seorang penduduk tetap warganegara Indonesia. Dari jumlah tersebut 15 orang telah dikenakan pemulihan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 3 orang akan didakwa di mahkamah manakala seorang telah meninggal ketika di dalam reman akibat cedera parah semasa melakukan rompakan di Southern Bank.

Berdasarkan pengalaman negara ini menangani kumpulan radikal dan militan, pemantauan di peringkat awal dan langkah pencegahan awal yang diambil ke atas individu-individu yang dikenal pasti terlibat adalah pendekatan paling efektif dan berkesan.

Justeru itu kerajaan telah menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menangani perkara ini bagi memastikan keselamatan negara tetap terjamin. Namun tindakan kerajaan ini sering disalah mengerti dan menuduh kerajaan mengambil tindakan tidak adil dan sewenang-wenangnya. Kerajaan yakin bahawa gerakan kumpulan ini dapat dihapuskan dengan kerjasama dan kesedaran semua lapisan rakyat. Bagi tujuan tersebut penjelasan dan penerangan kepada rakyat akan diperluaskan bagi menimbulkan kesedaran kepada mereka bahawa kegiatan yang melampau dan melanggar undang-undang akan mendatangkan ancaman kepada

keselamatan negara kita. Peranan semua pihak dalam perkara ini amat diperlukan bagi terus memelihara kestabilan dan kemakmuran di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius ancaman dan implikasi keselamatan yang mungkin tercetus akibat aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kumpulan Militan Malaysia. Kejadian seperti membunuh, percubaan membunuh, merosakkan kuil, merompak bank dan menyerang balai polis untuk merompak senjata jika tidak segera dibendung boleh menimbulkan huru-hara.

Sungguhpun wujud aktiviti-aktiviti Kumpulan Militan Malaysia seperti saya sebutkan tadi, kerajaan tetap pasti bahawa negara ini masih selamat dari tindak tanduk kumpulan sebegini. Sebagai sebuah negara merdeka, kedaulatan undang-undang perlu sentiasa dijunjung dan kumpulan tertentu tidak berhak membuat keputusan sendiri dengan membelakangkan undang-undang. Untuk itu kerajaan terpaksa bertindak tegas terhadap individu yang terlibat sebelum kejadian ini menjadi lebih besar dan sukar pula dikawal. Sehingga kini pihak polis masih terus memburu saki baki anggota KMM yang masih bebas termasuk bekerjasama dengan negara jiran dan agensi perisikan antarabangsa bagi melumpuhkan terus aktiviti keganasan dan militan di negara ini.

Berkenaan Kertas Putih, kerajaan sedang mengkaji kesesuaian untuk mengeluarkan Kertas Putih mengenai Kumpulan Al-Ma'unah, Kumpulan Militan Malaysia dan peristiwa Kampung Medan. Namun begitu buat masa sekarang Kertas Putih tersebut belum sesuai dikeluarkan memandangkan proses mahkamah masih berjalan terhadap pihak-pihak yang dituduh serta dikhuatiri nanti akan menjejaskan pula perbicaraan ke atas pesalah-pesalah dari kumpulan tersebut yang sedang dan akan diadili oleh mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan berkaitan isu keganasan dan militan. Ini membuktikan kita semua prihatin dan tidak bersetuju terhadap perlakuan ganas dan militan di negara kita. Semoga penjelasan ini dapat memberi penerangan dan manfaat kepada kita semua betapa bahayanya aktiviti golongan ini yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman negara.

Semoga dengan sokongan semua lapisan rakyat yang cintakan kedamaian, negara ini akan terus menikmati kesejahteraan dan pembangunan yang dicita-citakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sebelum saya membenarkan soalan tambahan dikemukakan, ingin saya bagi pihak Dewan yang mulia ini mengalu-alukan kedatangan tetamu kita Yang Berhormat Abdul Ajis Abdul Ghani, Presiden SUDA Council Republic of Yemen dan rombongannya ke Parlimen Malaysia. *[Tepuk]* Temerloh.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya hendak rakamkan penghargaan, tahniah kepada pihak kerajaan atas langkah yang diambil untuk membendung kegiatan militan di negara ini. *[Tepuk]*.

Kedua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya merujuk kepada laporan akhbar New York Times semalam yang dipetik oleh akhbar tempatan pada hari ini yang mengatakan bahawa Amerika juga menganggap Malaysia sebagai *homes of terrorist* dan juga Malaysia merupakan *future target* dengan izin. Saya bimbang, Amerika menganggap Malaysia sebagai *home of terrorist* ini berdasarkan kepada kegiatan-kegiatan yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi. Saya ingin tahu apakah usaha yang akan dibuat oleh kerajaan untuk mendapatkan kesahihan laporan ini. Kerana kalau ianya benar, saya ingin tahu juga adakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan terus kegiatan-kegiatan militan ini, ini kita bersihkan semua sekali. Kerana kita tidak mahu Malaysia akan menjadi *[Tepuk]*..... Malaysia akan menjadi target kepada Amerika sedangkan kita tidak membendung kegiatan terrorist ini. Kita tidak setuju dengan kegiatan pengganas ini. Jadi ini saya hendak tahu daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memberi penilaian yang tinggi kepada kenyataan yang dibuat oleh seorang pegawai daripada Amerika kerana hanya sekadar menyebutkan pegawai sahaja. Kalaulah itu keluarnya daripada Jabatan Setiausaha Negara Amerika, ataupun daripada Jabatan Pertahanan Amerika, ataupun daripada Majlis Keselamatan, yang dikeluarkan, maka itu adalah dianggap sebagai paling berat dan perlu diberi perhatian.

Walau bagaimanapun, kenyataan saya ialah jika sekiranya itu adalah satu kenyataan yang benar yang menunjukkan mereka tahu, mereka ada maklumat mengenai negara kita maka mereka perlu menyatakan kepada kita apakah maklumat yang ada pada mereka, golongan mana yang terlibat, siapa yang terlibat, rakyat

Malaysia kah ataupun warganegara asing yang berpangkalan di Malaysia untuk menjalankan keganasan supaya kita dapat membantu dan memberi kerjasama untuk menumpaskan kegiatan penjenayah ataupun penganas-penganas ini.

Pendirian kita mengenai keganasan telah jelas kita nyatakan bukan sahaja dalam surat-surat khabar bahkan terus kepada Presiden Bush sendiri apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bercakap dengan telefon dengan Presiden setelah Presiden Bush memanggil beliau untuk bercakap dengan telefon. Ini jelas, tak perlu ulang-ulang lagi kepada Amerika dan kerjasama kita sebelum ini pun jelas mereka tahu dan pihak duta Amerika yang baru bertugas di Malaysia pun telah membuat satu kenyataan yang jelas dan berterima kasih atas kerjasama itu.

Jadi dengan ini saya fikir Amerika perlu memahami, kalau ada sesuatu yang tidak baik yang mereka menganggap akan mengancam kepentingan mereka di sini ataupun untuk kepentingan golongan yang lain ataupun mungkin kerajaan kita sendiri maka dengan itu saya harap mereka tidak teragak-agak untuk memaklumkan kepada kita supaya kita boleh sama-sama bertukar maklumat dan mengambil tindakan terhadap golongan penganas ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Malaysia yang selepas peristiwa 11 September nyata bahawa Kerajaan Malaysialah di antara kerajaan yang mengamalkan undang-undang ISA yang selalu dihentam oleh pihak pembangkang dan juga negara-negara luar tetapi ternyata kita berjaya mengawal kegiatan militan di Malaysia. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Dato' Seri mengenai kegiatan militan, di peringkat pelajar-pelajar universiti kerana baru-baru ini saya terbaca dalam satu majalah bahawa kematian bekas ADUN Lunas ada kaitannya mengikut majalah tersebut dengan kegiatan militan malahan kalau dilihat pilihan raya di Lunas ialah merupakan pilihan raya yang kita melihat bahawa kumpulan militan ini ternampak dalam masa kempen yang berlainan daripada masa-masa yang lain-lain yang pernah saya bangkitkan di Dewan ini. Maka saya melihat pelajar-pelajar universiti yang mana salah seorang yang ditangkap itu adalah merupakan pegawai dalam syarikat telekomunikasi yang mana mereka mendapat pemahaman ataupun menganuti pemikiran militan ini apabila mereka bekerja, mereka juga akan dapat mempengaruhi pegawai-pegawai dan juga pekerja-pekerja mereka yang boleh menjejaskan kepentingan negara. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri apakah pihak kerajaan mempunyai satu formula

untuk menentukan supaya pelajar-pelajar di universiti terutamanya intelektual-intelektual kita tidak terpengaruh dengan militan ini sebagaimana yang berlaku 11 September, serangan dilakukan oleh orang-orang yang mempunyai pendidikan dan juga mempunyai pengetahuan yang tinggi. Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kita tidak mahu siapa juga rakyat Malaysia melibatkan diri mereka dengan kegiatan-kegiatan pengganas dalam bentuk apa juga dan kita tidak mahu tentu sekali adanya warganegara asing yang tinggal di negara kita ataupun yang datang ke negara kita melibatkan diri mereka dalam kegiatan pengganas yang boleh mengancam keselamatan dan kestabilan negara kita. Ini adalah pendirian kita. Tindakan-tindakan kita perlu ambil. Kita menggunakan Akta ISA dan semua orang tahu sebab itulah yang kita anggap sebagai satu-satunya pendekatan *preventive detention* yang boleh membantu kita mengatasi golongan-golongan yang mempunyai agenda-agenda tersendiri yang bertindak menyalahi undang-undang yang boleh dengan itu menjejaskan keselamatan dan kestabilan negara kita. Kita tahu bahawa banyak pandangan dan kecaman yang dikeluarkan oleh sama ada dalam negara ini ataupun dari negara luar, kita memahaminya. Tetapi kita juga memahaminya bahawa Malaysia adalah tanggungjawab kita dan telah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan Malaysia aman dan selamat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Dato' Dr Hasan bin Mohd Ali.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: *[Bangun].*

Dato Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun].*

[Beberapa Ahli menyampuk]

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tak boleh sebagai alasan. Pendang, Pendang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Apa ni merapu ini, duduklah!. Bingung betul.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila,sila.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Soalan tambahan saya. Saya ingin mendapatkan penjelasan dan sebelum itu saya ingin menjelaskan bahawa pendirian kami PAS dan Barisan Alternatif adalah menentang segala bentuk *[Disorak] militancy*, keganasan dan kekerasan. Sebab itu dalam rekod kami, walaupun

terdapat ada Ahli Parlimen PAS yang dibunuh, ada bekas Ahli Dewan Undangan Negeri PAS yang dibunuh, ada ahli-ahli PAS yang dibunuh, tetapi kami tidak pernah mengambil tindakan balas dalam bentuk kekerasan. *[Tepuk]* Kami tetap berdisiplin dan kami tetap konsisten dengan perjalanan perjuangan melalui sistem demokrasi berparlimen. Cuma, saya amat kesal dengan sikap Kementerian Penerangan yang menggunakan Televisyen Malaysia untuk menyindir, memburuk dan cuba menuding jari apabila berlaku sesuatu kegiatan keganasan termasuk dalam peristiwa 11 September di New York dan di Washington. Saya ingin mendapat penjelasan mengenai dengan tahanan-tahanan ISA yang dilibatkan dengan kegiatan keganasan atau kegiatan militan, apakah sikap kerajaan, dasar kerajaan dalam melayani orang-orang yang ditahan ini, apakah mereka boleh diperlakukan sesuka hati oleh polis, sehingga menyebabkan mereka hilang fikiran. Sebagai bukti, seorang tahanan yang terlibat dengan apa yang dikatakan KMM dari Johor dan dia telah dibebaskan, mengikut rakan-rakan saya yang menziarahi dia seolah-olah telah kehilangan ingatan dan fikiran. Semua orang yang menziarahi

Beberapa Ahli: Soalan!

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ini apa ini? Tidak ada kemanusiaan punya orang. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:termasuk ibunya sendiri pun dia memanggil tuan dan mengangkat tangan menghormati. Apakah ini tindakan yang dibenarkan oleh kerajaan untuk dilakukan oleh polis ke atas tahanan-tahanan ISA. Dan kalau ini yang dibenarkan dan ini yang telah berlaku, ini sangat bertentangan dengan prinsip keadilan Islam dan ini tidak mencerminkan ciri

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa soalnya?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: bahawa Malaysia sebagai sebuah negara Islam seperti mana yang didakwa oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin UMNO termasuk pemimpin-pemimpin sekutu Barisan Nasional.

Saya ingin mendapat penjelasan itu kerana dalam prinsip Islam walaupun terhadap musuh kita mesti berlaku adil *[Disampuk]* mesti dilayan dengan, firman

Allah [*membaca sepotong ayat al-Quran*] Bermaksud, "Janganlah permusuhan kamu, sikap kemarahan kamu"

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya fikir tidak perlu berhujah.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Soalan tambahan ya, untuk penjelasan, saya sampai kepada soalan tambahan, "...menyebabkan kamu tidak berlaku adil, kamu mesti berlaku adil, kerana itu yang hampir kepada ketakwaan." Contoh yang ditunjukkan, walaupun terhadap

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya mintalah, soalanlah, tidak payah berucap.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ini soalan tambahan. Soalan tambahan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada peluang, ada masa untuk Yang Berhormat berucap.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Kalau sekiranya kerajaan mempunyai bukti bahawa mereka yang ditahan ada mempunyai hubungan dengan kes keselamatan dan mereka terlibat dengan kegiatan-kegiatan jenayah, bawalah mereka ke mahkamah. Ini saya perhatikan dalam affidavit, tahanan yang dialami oleh rakan-rakan daripada aktivis parti Keadilan Nasional, affidavit yang dikemukakan oleh

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat! Yang Berhormat, saya takut nanti

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Dalam soal siasat yang dilakukan oleh polis, tidak ada kena mengena dengan soal keselamatan,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:tetapi yang dipersoalkan kepada mereka adalah soal seks, bukan soal keselamatan, apakah Timbalan Perdana Menteri

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada masa untuk Yang Berhormat berucap.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: yang bersifat sebagai juga Menteri Dalam Negeri tidak mempunyai maklumat-maklumat tentang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tentang keganasan yang dilakukan oleh polis terhadap tahanan-tahanan ISA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya ingin mendapat penjelasan, apakah sikap kerajaan mengenai layanan ke atas mereka yang ditahan di bawah ISA dalam masa proses penyiasatan mereka dalam tempoh 60 hari yang dibenarkan. Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya pendek sahaja, kerajaan tidak membenarkan sebarang kezaliman dilakukan kepada tahanan-tahanan di bawah ISA. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Beri kepada saya pula Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, sila duduk Yang Berhormat Sri Gading.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

4. **Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]** minta Menteri Pertahanan menyatakan mengenai penggunaan jet eksekutif Perdana Menteri. Sila jelaskan:-

- (a) senarai destinasi penerbangan, kos terlibat bagi setiap destinasi sejak mula dikomisyenkan hingga September 2001 dan jumlah kos operasi serta penyelenggaraan setiap bulan; dan
- (b) pihak manakah yang diberi tanggungjawab mengendalikan dan menyelenggarakan jet tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apda]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pesawat kenamaan ini telah ditauliahkan pada 27 Disember 1999 dan sejak itu telah membuat penerbangan sebanyak 565.7 jam ke beberapa destinasi seperti berikut:-

Tahun 1999 - dalam negeri - 1; jam - 2.1 jam

Tahun 2000 - dalam negeri - 43; luar negara - 37; operasi check flight - 6; dalam bulan Jun hingga November, jumlah 86; dan jumlah jam - 319.3 jam.

Tahun 2001 - dalam negeri 42; daripada Mac hingga September, luar negara - 4; daripada April hingga Mei, check operasi - 6 pada bulan Februari; dan jumlahnya 52; dan jam - 244.3 jam.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kos penerbangan adalah berdasarkan lama masa penerbangan iaitu sebanyak RM5,720 untuk satu jam penerbangan, dengan izin *flying hours*. Kebanyakan penerbangan dalam negeri adalah merupakan lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negeri-negeri seperti Kelantan, Kedah, Penang, Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak. Manakala lawatan ke luar negara meliputi lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara-negara ASEAN dan lawatan Perdana Menteri ke Dubai, Seoul, Sarajevo dan Istanbul.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, pesawat kenamaan ini dikendalikan sepenuhnya oleh Tentera Udara Malaysia, manakala pihak AIROD Sendirian Berhad telah diberi tanggungjawab untuk menyenggarakan dan membaik pulih pesawat kenamaan berkenaan. Sehingga 30 September 2001 kos operasi pesawat ini adalah berjumlah RM4.8 juta, manakala kos penyelenggaraan pesawat tersebut adalah bernilai RM5.3 juta. Jumlah kos penyelenggaraan melibatkan bayaran tetap bulanan untuk perkhidmatan yang disenaraikan di dalam kontrak.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana ini adalah merupakan jet rasmi untuk Perdana Menteri dan orang-orang kenamaan, saya hendak tahulah tentang sedikit fasal tidak pernah mendapat melihat konfigurasi kepada jet ini dari segi tempat duduknya, kemudahan-kemudahan yang ada dan kekemasan dalamannya.

Nombor dua yang juga perlu kita mengetahui dalam konteks semasa ini tentang ciri-ciri keselamatan, kita pun sayang Perdana Menteri kita, *[Disampuk]*. Jadi, kita harap macam mana tentang keselamatan ini, dia kalis peluru berpandu kah, dan sebagainya.

Dan yang ketiga, kita diberitahu,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Dak, sedikit sahaja, bukan ketiga, 'dan' kita diberitahu bahawa MAS pun ada jet eksekutif seperti ini dan kita diberitahu bahawa jet-jet ini juga disewakan oleh kerajaan untuk kegunaan-kegunaan VIP. Kalau misalnya jet PM sudah ada dan jet VIP ini pula disewakan daripada MAS, tidakkah ini akan menambahkan lagi perbelanjaan RM4.8 juta untuk operasi dan RM5.3 juta untuk penyelenggaraan tahunan itu ditambah lagi dengan penyewaan ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Hendak tengok konfigurasi penerbangan ini saya jemput Ahli Yang Berhormat ke Langkawi ya, kita ada pameran air show di situ dan kemungkinan jet itu berada di situ dan kita hendak melihat bagaimana dari segi keadaan dan keselamatan dan seperti Yang Berhormat sebutkan perkara ini kita telah bincangkan begitu panjang dalam persidangan Dewan yang sudah, bukan tahun ini, sesi Dewan yang sudah di mana amat diperlukan untuk pesawat ini disediakan untuk kerajaan untuk membolehkan supaya pimpinan negara khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri untuk menggunakan dan juga rakan-rakan yang lain untuk membolehkan kerana kita tahu bahawa kos dan masa itu agak penting sekali dan dari segi keselamatan. Dan yang kedua Yang Berhormat sebut tadi tentang penyewaan MAS dan perkara ini saya tidak tahu bahawa kita menyewa bagi VIP kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita mempunyai pesawat-pesawat yang lain di mana boleh digunakan oleh seperti Foker yang mana boleh digunakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga menteri-menteri bila diperlukan untuk urusan rasmi kerajaan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Pilihan raya adalah urusan parti, bukan urusan kerajaan dan dalam musim pilihan raya umum atau pilihan raya kecil, kami sering nampak Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri pergi ke kawasan itu untuk berkempen untuk calon Barisan Nasional.

Dan mereka memakai jet Perdana Menteri ini. Adakah Yang Berhormat boleh membezakan tanggungjawab atau tugas rasmi atau tugas parti. Jikalau tugas parti, ia tidak boleh dibelanjakan atas pengorbanan rakyat, jikalau tugas rasmi barulah boleh rakyat membayarnya. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu sedikit sebanyak mengenai kekerapan Yang amat Berhormat Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri menggunakan jet untuk tugas parti atau tugas rasmi.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Ahli Yang Berhormat bagi Bagan ini dia keliru sedikit tentang kedudukan Yang Amat Berhormat. Semasa pilihan raya ataupun sebelumnya, beliau adalah kekal menjadi Perdana Menteri, dia bukan Presiden UMNO. Maknanya bila menjelang pilihan raya yang lalu, dia ke Kuching, dia adalah melakukan tanggungjawab rasmi atas landasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Contohnya, kalau saya ingat di Kelantan

atau di Terengganu, Menteri Besar menggunakan kereta rasmi untuk hendak merasmikan Mesyuarat Agung parti PAS pun kadang-kadang ataupun menghadiri mesyuarat cawangan-cawangan, sudah pasti boleh digunakan. Tetapi pada hakikatnya Yang Amat Berhormat adalah menjadi kepala kerajaan, dan pada masa itu beliau bertanggungjawab melaksanakan segala dasar. Kehadiran beliau untuk memberi penjelasan terhadap dasar-dasar kerajaan, itu adalah merupakan urusan rasmi, bukan urusan UMNO semata-mata.

5. Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jenis-jenis levi dan bayaran yang perlu dibayar mengikut kategori-kategori buruh asing; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang menurunkan levi memandangkan levi yang ada sekarang terlalu tinggi dan ini menggalakkan pengambilan pekerja asing tanpa permit kerja dan sekali gus menambahkan bilangan pendatang tanpa izin.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, levi yang dikenakan ke atas pekerja asing yang bekerja di Malaysia adalah seperti berikut:-

Negeri-negeri Semenanjung:

Pembantu rumah dan sektor perladangan – RM360 setahun.

Lain-lain sektor iaitu perkilangan, pembinaan, perkhidmatan – RM1,200 setahun.

Bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak:

Pembantu rumah dan sektor perladangan – RM360 setahun.

Lain-lain sektor – RM960 setahun.

Kerajaan berpendapat bahawa kadar levi yang dikenakan adalah berpatutan dan tidak membebankan. Di samping itu, ia turut menyumbangkan kepada pendapatan negara. Oleh itu kerajaan belum bercadang untuk menurunkan kadar levi yang tersebut.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Tidakkah kerajaan sedar bahawa pada masa ini ada majikan-majikan yang menerima beban yang begitu berat oleh kerana levi ini dan adakah kerajaan sedar bahawa ada majikan yang mendaftar pekerja secara sah kurang dari

separuh ataupun sebilangan kecil sahaja yang dibayar levi dan yang selebihnya tidak dibayar levi.

Dan secara tidak langsungnya oleh kerana bayaran levi ini yang tinggi, kerajaan cuma mengutip sedikit levi daripada yang mahal tetapi banyak yang lain tidak dibayar levi. Ada juga majikan yang mengambil buruh tetapi meletakkan buruh ini sebagai pekerja bukan buruh iaitu jawatan yang lebih tinggi, apakah tindakan kerajaan dan apakah kerajaan memantau perkara ini. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, levi yang dikenakan dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan sentiasa diawasi oleh kerajaan dan pada masa-masa yang tertentu kita membuat operasi kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh majikan dan pekerja-pekerja asing. Mana-mana majikan dan pekerja asing yang melanggar peraturan apabila tertangkap ianya akan didakwa dan akan dikenakan hukuman-hukuman yang telah ditetapkan yang telah dimaklumkan kepada mereka lebih awal.

Bersangkutan dengan ada majikan yang telah membayar levi pada bilangan pekerja yang tertentu dan tidak membayar levi kepada bilangan pekerja yang tertentu. Ini adalah satu perkara yang tidak ada dalam pengetahuan kerajaan kerana sistem kita membayar levi sebelum mereka bekerja iaitu apabila permohonan untuk meminta pekerja-pekerja ini diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri, maka kita akan mengeluarkan satu panggilan visa kepada pekerja-pekerja yang dikehendaki yang terpaksa dibawa daripada negara pembekal. Bukan majikan boleh mengambil pekerja daripada yang berada di dalam negara ini. Pekerja baru mesti dibawa daripada negara pembekal. Sebelum mereka membawa masuk pekerja yang berkenaan, majikan mesti menjelaskan levi kepada kerajaan lebih awal. Ini tidak berbangkit ada pekerja yang tidak membayar levi. Kalau ada majikan yang tidak membayar levi, sebenarnya ini adalah pekerja-pekerja yang dikatakan pendatang tanpa izin yang diambil oleh majikan. Insya-Allah dalam operasi yang saya sebutkan ini bukan sahaja pekerja yang kita tangkap, majikan juga akan kita tangkap. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memaklumkan kepada kawan-kawan dalam perkara ini supaya kerja-kerja yang menyeleweng ini tidak dijalankan dalam menentukan sistem kita mengambil pekerja asing ini menurut peraturan.

Daripada bayaran yang telah ditetapkan kita dapati bahawa permohonan ini terlalu banyak bermakna sama ada majikan atau pun pekerja asing sanggup untuk membayar levi yang telah kita tetapkan. Bagi mereka yang masuk secara haram

bukan sahaja mereka tidak sanggup untuk membayar levi, bahkan mereka sanggup melanggar undang-undang maka undang-undanglah yang kita akan perkenalkan kepada mereka. Terima kasih.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah-langkah yang lebih berkesan dan apakah tinjauan telah dibuat iaitu dengan penambahan pendatang tanpa izin di negara kita ini telah mendatangkan banyak masalah-masalah sosial dan adakah ini yang menyebabkan kenaikan kadar jenayah di negara kita ini. Adakah pihak Kementerian Dalam Negeri akan meminda undang-undang yang sedia ada supaya akan lebih berkesan untuk bertindak kepada majikan dan kepada mereka yang datang ke negara kita ini tanpa izin dengan hukuman yang berat, dengan sebatan dan lain-lain. Saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat daripada Gelang Patah. Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan undang-undang saya telah perkenalkan bahawa operasi yang kita jalankan adalah untuk menangkap. Setelah ditangkap maka ianya dibicarakan akan dihukum mengikut peraturan, ataupun kompaun dengan peraturan dan undang-undang yang ada dalam negara kita. Saranan Yang Berhormat untuk orang-orang yang bersabit dengan kesalahan itu akan disebat, sebenarnya kita telah menerangkan bahawa peraturan untuk sebat dengan rotan akan dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan di mana kesalahan mereka sesuai dengan hukuman sebat dengan rotan yang akan diputuskan oleh mahkamah.

Bagi mereka yang datang sekali dan apabila ditangkap dimasukkan secara haram, kita akan black-list kan mereka ini supaya tidak dibenarkan masuk lagi ke dalam negara kita. Tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, ada kala negara-negara jiran kita mengeluarkan sistem pemerintahan mereka. Sistem mereka boleh meminta passport lain dengan nama yang lain. Ini terdapat beberapa insiden yang telah kita tangkap tetapi walau bagaimanapun mereka tidak dapat menukar muka dan cap jari mereka. Sehingga kepada peringkat ini pun khusus kita halusi.

Kita telah menggunakan beberapa institusi-institusi kita ataupun jabatan-jabatan kita untuk menyekat kemasukan pendatang-pendatang asing ini termasuk operasi kerjasama operasi yang baik daripada Kementerian Pertahanan, Tentera Laut, Marin kita sendiri, Rela, Pasukan Kawalan Pantai kita dan Jawatankuasa Kerja

Kampung (JKK). Sekiranya berlaku kemasukan pendatang-pendatang asing ini yang mereka kenal ataupun mereka telah ternampak orang-orang asing dan menimbulkan syak dan ragu, mereka boleh melaporkan di mana-mana balai polis atau di mana-mana pejabat Imigresen atau pun pejabat RELA dan kita akan membuat sekatan dan operasi pada masa yang kita mengetahui perkara ini.

Kita amat serius dalam menentukan bahawa pendatang tanpa izin ini tidak bertambah dan kita juga mendapat kerjasama baru-baru ini daripada negara-negara jiran tentang kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin ke negara kita. Tetapi sejauh mana kita sekat mereka akan berusaha untuk masuk ke negara ini tambahan dalam keadaan ekonomi yang tidak baik di negara-negara yang lain daripada negara kita ini. Malaysia menjadi tumpuan untuk mencari rezeki.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa untuk soal jawab cukup.

[Masa untuk pertanyaan jawab lisan telah cukup dan jawapan-jawapan bagi pertanyaan No. 6 hingga 22 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PETUNJUK GEOGRAFI (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[10 Oktober 2001]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya meminta Yang Berhormat Kepong menyambung ucapan.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun tidak berucap]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, minta maaf, tiada ucapan, tidak mahu sambungkan?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bangun. Tuan Yang di-Pertua, bila seseorang itu bangun bermakna dia bertujuan untuk berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nampaknya Yang Berhormat tidak tahu hendak buat apa.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak suasana yang tenteram sedikit. Mula-mula itu memang adalah itu ha, Yang Berhormat tolong tulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya rasa Yang Berhormat tidak tahu berada di mana, saya minta, Yang Berhormat bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: [Ketawa] Panaskan badan sedikit, memanglah mukadimah pun ada, warm-up pun ada, semua pun adalah untuk menyempurnakan Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan dengan pindaan berbangkitnya untuk memindahkan Akta Pertunjuk Geografi 2000.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada sebutkan mengenai produk-produk yang dikeluarkan oleh Malaysia seperti getah, kelapa sawit, lada hitam dan sebagainya. Apabila dieksport ke Singapura dan kerana mereka itu mempunyai kemudahan-kemudahan yang tertentu dan kemudian getah Malaysia ataupun kelapa sawit Malaysia disebutkan sebagai keluaran daripada Singapura.

Misalnya satu contoh yang penting untuk kita pelihara melalui undang-undang Petunjuk Geografi ini dan tambah pula sekarang ini kita ada keluaran perabot getah, perabot pokok kelapa sawit pun ada sekarang dan ini memang kita perlu melindungi. Cuma sebelum saya teruskan saya hendak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan apa yang disebutkan sebagai *generic geographical indications* kerana saya pun tidak begitu faham apa yang disebutkan sebagai *generic geographical indications*. Seterusnya bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana petunjuk geografi kita dapat melindungi di tahap antarabangsa kerana saya nampak melalui World Intellectual Property Organisation (WIPO) yang kononnya memberi perlindungan ke atas semua ini termasuk petunjuk geografi dan bagaimana mereka dapat melindungi kita melalui konvensyen-konvensyen Paris dan sebagainya termasuk konvensyen Lisbon dan saya tidak nampak bagaimana mereka dapat melindungi kita melalui tahap antarabangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana pindaan-pindaan ini adalah berbangkit ekoran daripada rang undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan untuk pindaan seksyen 8 kita ada akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 8 dengan subseksyen yang berikut termasuk pendaftaran, Timbalan Pendaftaran dan Penolong Pendaftaran. Di sini saya hendak rujuk kepada perlantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah oleh menteri kita dan di sini ada disebutkan tempoh pelantikannya 3 bulan dan boleh dilanjutkan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan adakah had tempoh pelantikannya dan sebab di dalamnya tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kuasa perbadanan, memang luas, di dalam rang undang-undang ada 4 termasuk subseksyen 2 sampai 1, 2, 3, sampai 7 bidang kuasanya. Ini termasuklah untuk melantik ejen, pakar perunding dan juga menggunakan segala harta perbadanan untuk mengenakan fee atau charge dan untuk melantik serta mengawal rahsia pemeriksa di bawah akta paten dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kuasa yang begitu luas dan perlindungan liabiliti di dalam rang undang-undang ada perlindungan daripada liabiliti diri. Tiada guaman dan prosiding undang-undang lain boleh dibawa terhadap diri mana-mana anggota atau pekerja perbadanan atau mana-mana orang lain di bawah arahan perbadanan bagi apa-apa yang dilakukan atau dimaksudkan untuk dilakukan dengan suci hati dalam pelaksanaan atau yang berupa sebagai pelaksanaan akta ini atau mana-mana perundangan harta intelek. Ini bermakna pihak perbadanan mempunyai kuasa yang besar dan mempunyai perlindungan liabiliti dan saya telah semak rang undang-undang ini, saya dapati tidak ada fasal untuk memperlindungan pihak yang diambil tindakan terhadapnya. Pihak yang ke atasnya tindakan diambil. Tidak ada fasal untuk mereka membela diri untuk mendakwa dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah): ***mempengerusikan Mesyuarat***].

Ini memang satu kecuaiannya kerana bukan semua tindakan yang diambil oleh Ketua Pengarah itu betul 100%, bukan begitu sempurna kerana mereka bukan insan yang begitu kamil juga. Sebab itulah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kepong, insan 'kama' ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya, Tuan Yang di-Pertua, saya ada lemah, cacat cela pun ada kadang-kala perbuatan salah pun ada, mudah-mudahan tidak melakukan keganasan cukuplah. [Ketawa] Tidak ada fasal yang untuk memperlindungan orang-orang ke atas tindakan yang diambil. Ini memang satu perkara yang mesti dipertimbangkan oleh pihak kementerian supaya kita ada pindaan untuk memasukkan satu fasal sedemikian untuk melindungi mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi mengenai agen daripada Fasal 5 yang mengadakan peruntukan bahawa ejen itu hendaklah berdomisil ataupun bermastautin di Malaysia dan menjalankan perniagaan atau amalannya terutamanya di Malaysia ini kita boleh merujuk kepada undang-undang

perbadanan harta intelek Malaysia dan di dalamnya ada satu peruntukan untuk melantik ejen. Di Fasal 23, perbadanan boleh dari masa ke semasa melantik dan mengambil pekerja atas apa-apa terma dan syarat yang didapati patut oleh perbadanan. Mana-mana pekerja lain yang perlu bagi pentadbiran sepatutnya akta ini dan perundangan harta intelek. Perbadanan boleh melantik dan mengambil pekerja perunding dan ejen untuk menguruskan apa-apa urusan ataupun melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki untuk diuruskan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menerangkan setakat inilah ejen-ejen yang telah pun dilantik bukan melalui undang-undang ini tetapi biasa dilakukan oleh pihak kementerian untuk kerja yang tertentu dan di sini saya tidak tahu bagaimana pihak Ketua Pengarah melantik ejen-ejen ini kerana di dalam undang-undang tidak memperuntukkan kriteria dan cara-cara untuk pelantikan. Mungkin di dalam peraturannya ada dan saya berharap pihak kementerian dapat menerangkan bagaimana peraturan-peraturan yang telah dan akan ditetapkan itu digunakan untuk pelantikan ejen-ejen bagi kerja yang dimaksudkan bagi rang undang-undang ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, pada masa hadapan misalnya negara-negara yang lain misalnya kalau kita keluarkan perabot daripada pokok kelapa sawit, saya berharap perusahaan ini dapat dikembangkan kerana saya nampak perabot begitu cantik dan mungkin boleh diperkembangkan, dimajukan untuk dieksport ke negara-negara lain dan apabila kita dapati ada pelanggaran Akta Petunjuk Geografi misalnya untuk perabot dan kelapa sawit Malaysia, apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak kementerian untuk pelanggaran seseorang atau syarikat asing yang melanggar rang undang-undang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya saya beri Yang Berhormat bagi Teluk Intan.

11.20 pagi

Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas Akta Petunjuk Geografi 2001.

Saya ingin membangkitkan dua perkara ringkas sahaja. Saya merujuk kepada pindaan Seksyen 19 di mana tempoh pendaftaran sesuatu petunjuk geografi hendaklah 10 tahun. Saya tidak tahu rasionalnya, apakah sebabnya perbezaan yang besar seperti paten. Paten adalah lebih 50 tahun jangka hidup dan

copyright kalau tidak salah ada 20 tahun. Tetapi bagi reka bentuk perindustrian hanya 5 tahun sahaja. Semalam seorang pereka bentuk industri bertanya saya, adakah 5 tahun ini mencukupi jika berbanding dengan paten yang adalah lebih 50 tahun. Saya berharap Setiausaha Parlimen akan dapat memberi satu keterangan apa sebab perbezaannya.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini adalah bil yang terakhir dalam siri harta intelek, saya ingin sekali lagi merayu kepada pihak kementerian menolong pengusaha inovator dan SMI tempatan. Dengan adanya lebih road show, lebih promosi berkaitan dengan kepentingannya untuk mendaftar paten, cap dagangan, hak cipta dan juga petunjuk geografi. Sebab banyak yang masih tidak sedar dan yang tidak tahu prosedurnya dan saya berharap Perbadanan Harta Intelek akan mengadakan lebih dialog dengan dewan-dewan perniagaan dan juga SMI kerana ini adalah penting untuk pembangunan masa hadapan negara kita.

Satu lagi perkara pentingnya ialah kita juga mesti menolong menggalakkan pendaftar tempatan kita mendaftar di negara-negara lain kerana banyak yang tidak membuat sedemikian. Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kita sebahagian besar yang berdaftar di negara kita adalah syarikat asing. Oleh itu kita mesti membuat sedemikian seperti mereka tetapi banyak yang menganggap prosedur ini begitu complicated. So, saya harap perbadanan akan mengadakan pegawai yang expert untuk menolong pendaftar-pendaftar tempatan untuk mendaftar di negara yang lain.

Sekarang kebanyakan pengusaha atau SMI menggunakan ejen untuk membuat pendaftaran bagi petunjuk geografi, hak milik dan paten. Sebab ini adalah satu proses yang complicated bagi mereka. Saya ingin tahu, apakah guide line berkenaan dengan charge dan fees yang boleh dikenakan oleh ejen, sebab mereka adalah ditangani ejen dan adalah satu agensi supaya mengawal ejen supaya tidak mengcaj berlebihan dan mengambil kesempatan untuk eksploit pendaftar-pendaftar ini. Ini adalah beberapa perkara dan pandangan saya dan saya turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Bachok.

11.24 pagi

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan di atas peluang yang diberikan ini terutama sekali saya ingin mendapat

penjelasan daripada pihak kementerian menerusi Setiausaha Parlimen hari ini, apakah Akta Petunjuk Geografi yang telah pun diluluskan pada sesi persidangan lalu pada 20 April pada ingatan saya telah pun dikuatkuasakan dari sudut tindakan ataupun operasionalnya.

Asas ini berbangkit kerana kita tahu latar belakang kepada pindaan hari ini merupakan pelengkap ataupun yang dikatakan *consequential amendment* daripada penubuhan Perbadanan Harta Intelek Malaysia atau ringkasnya PHIM ini, hasil daripada penyesuaian daripada beberapa perkara dalam akta ini.

Demikian juga kita harus mengambil perhatian latar belakang kepada pindaan ini sebagai suatu pematuhan pada suatu agreement yang telah pun dibuat oleh pihak Malaysia sendiri menerusi WTO ataupun menerusi Pertubuhan Perdagangan Sedunia iaitu suatu perjanjian Trade Related in Aspects of Intellectual Property Rights (TRIPS) yang antara lainnya memang bersetuju untuk menstandardkan dari sudut pemakaian undang-undang dan peraturan-peraturan bagi menjaga kepentingan harta intelek dalam negara dan di kalangan negara-negara yang menganggotai WTO secara globalnya.

Kemudian juga saya meneliti pindaan yang dibawa pada Dewan yang mulia pada hari ini adalah seperti yang telah dijelaskan oleh pihak kementerian sebelumnya. Sebenarnya di bawah akta ini pindaan melibatkan 9 fasal sememangnya suatu penyesuaian langsung kepada kehendak Perbadanan Harta Intelek Malaysia yang akan berkuat kuasa selepas ini dan sesungguhnya saya memandang positif kepada usaha ini demi untuk menyokong kepada suatu perubahan yang baik dalam ekonomi khususnya dan dalam konsep kebudayaan negara kita yang menggalakkan kepada suatu ciptaan dan suatu penghasilan produk yang bermakna untuk kepentingan bersama.

Lebih-lebih lagi apabila saya meneliti kepada pindaan-pindaan seperti Seksyen 8 yang telah memberi suatu kuasa penuh kepada Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia bertindak sebagai pendaftar petunjuk geografi yang kemudiannya diberi kuasa lagi untuk melantik atau menurunkan kuasanya kepada suatu pasukan kerja (team work) - dengan izin - bagi melaksanakan segala urusan mendaftar petunjuk geografi bagi sesuatu barangan ataupun produk yang dihasilkan sama ada tempatan ataupun daripada luar negara.

Oleh itu saya mengharapkan pembentukan pasukan kerja yang akan diwujudkan menerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia ini juga dapat

melaksanakan kerja-kerja mendaftar segala hasil yang bercorak harta intelek ini yang mereka ini pasti dilantik dari kalangan yang cekap, layak dan cemerlang untuk melaksanakan fungsi-fungsi pendaftaran yang digariskan oleh Seksyen 8(4) mengikut akta ini.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 8(4) saya meneliti dan saya mendapati ianya adalah suatu usaha ke arah memastikan kelicinan urusan pendaftaran petunjuk geografi lantaran kuasa pendaftaran petunjuk geografi ini yang tertakluk di bawah pendaftar perbadanan boleh dilakukan oleh timbalan ataupun penolongnya, namun beberapa isu yang harus diberi perhatian di sebalik pembentukan *team work* ataupun pasukan kerja pendaftar petunjuk geografi ini.

Di antaranya sebagaimana isu yang berbangkit yang disentuh sedikit oleh pihak Kepong tadi berhubung dengan komitmen pihak pemohon untuk mendapatkan petunjuk geografi ataupun untuk mendaftar petunjuk geografi dengan kuasa akta ini mesti dibuat menerusi agen. Tidak ada suatu pilihan iaitu kepada pemohon daripada negara asing mesti mendaftar dengan menggunakan khidmat agensi yang diiktiraf oleh pihak Perbadanan Harta Intelek. Ini ditegaskan sebagaimana kehendak dalam Seksyen 11(2). Jadi dalam hal ini pihak pendaftar Perbadanan Harta Intelek di bahagian petunjuk geografi ini seharusnya membutirkan secara terperinci iaitu butiran-butiran dan kelayakan-kelayakan asas dari sudut agen yang akan memberi khidmat kepada pihak pemohon asing untuk mendaftar mendapat *title* petunjuk geografi bagi negara kita kerana menerusi seksyen baru yang dicadangkan dalam pindaan ini iaitu Seksyen 11A(1) dan (2). Saya tidak nampak satu kriteria yang begitu jelas diperincikan bagi agen yang seharusnya diiktiraf oleh pihak perbadanan.

Begitu juga dalam Peraturan-peraturan Petunjuk Geografi mengikut kaedah Akta Penunjuk Geografi ini, peraturan-peraturan yang telah digubal sebagaimana yang diedar kepada Ahli Parlimen sekalian, saya mendapati di bawah Butiran Peraturan 14 Akta Petunjuk Geografi tidak dinyatakan juga latar belakang agensi yang layak dilantik itu secara terperinci dan tidak diketahui dari sudut asasnya. Jadi berdasarkan kepada ini, pada pandangan saya syarat mandatori yang diberikan dan dikenakan kepada pemohon dari negara asing untuk mendaftar mendapatkan petunjuk geografi ini adalah suatu perkara yang perlu dipertimbangkan semula ataupun diserahkan syarat ini kepada budi bicara ataupun pertimbangan langsung pihak Pengarah Perbadanan supaya perkara ini dapat dipermudah bagi membolehkan suatu persaingan sihat pihak asing yang datang untuk berdagang

ataupun berniaga di negara kita supaya produknya dapat dibuka seluas-luasnya meskipun ada peraturan-peraturan yang dianggap mandatori.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan ialah dari segi *fee* ataupun dari sudut bayaran yang dikenakan menyambung apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Teluk Intan tadi. Dari segi *fee* yang dikenakan bagi memperbaharui pendaftaran yang telah pun luput ataupun yang telah tamat tempoh 10 tahun. Saya meneliti seksyen baru di bawah akta ini iaitu 19A(3) ia dikenakan suatu *fee* sedangkan pemohon asal telah pun dikenakan *fee*. Bagi pembaharuan, pembaharuan pendaftaran juga dikenakan *fee* sedangkan permohonan asal ataupun permohonan awal juga dikenakan *fee*. Kadar ini saya merujuk kepada jadual daripada Peraturan-peraturan Penunjuk Geografi. Untuk permohonan baru dikenakan sebanyak RM250 dicampur dengan *fees* lain yang saya tidak menjumlahkan secara tepat.

Cuma saya meneliti peraturan pendaftaran ini tidak dinyatakan secara khusus *fee* yang sepatutnya dikenakan kepada pihak yang akan memperbaharui pendaftaran. Misalnya tempoh pendaftarannya akan tamat sepuluh tahun maka dia layak untuk meneruskan perniagaan, mesti memperbaharui dan tidak dinyatakan bayarannya dengan jelas ataupun dengan tepat berapa kadar sebenar.

Oleh kerana itu mengikut Seksyen 19A(3) saya mencadangkan supaya *fee* itu tidaklah dikenakan terlalu tinggi dan sepatutnya *fee* itu pada kadar RM50 adalah memadai. Demikian juga *fees* ataupun bayaran-bayaran yang dikenakan kepada pendaftaran untuk permohonan-permohonan baru sepatutnya diberi pertimbangan kerana ada syarikat atau pihak-pihak yang menghasilkan produk ini daripada kalangan SMI ataupun dari kalangan IKS yang sudah pasti keupayaan untuk memulakan perniagaan dengan beberapa syarat bayaran-bayaran ini akan membebankan. Oleh kerana itu penguatkuasaan bayaran ini sepatutnya dibuat secara lebih fleksibel dan mengikut budi bicara pihak ketua pengarah atau pun pihak pendaftar petunjuk geografi itu sendiri.

Yang ketiga saya ingin bangkitkan iaitu dari sudut sesuatu barang yang telah didaftarkan di bawah Akta Petunjuk Geografi ini, saya dapati ada kes-kes ini memang dari sudut pengalaman perniagaan, tempoh laku yang dikenakan ialah sepuluh tahun. Memang ada dari sudut operasi perniagaan biasanya tidak ada daya tahan sampai kepada sepuluh tahun. Ada lima tahun, ada tiga tahun ataupun lapan tahun. Oleh kerana itu ada syarikat lain yang berminat untuk mengeluarkan hasil

yang sama daripada wilayah ataupun daripada geografi yang sama ataupun geografi yang lain.

Dari sudut peraturan yang ada ini, di mana fleksibilitinya untuk membolehkan, kita ambil satu contoh negeri Perlis yang terkenal dengan pengeluaran mempelam "harumanis". Dari sudut kaedahnya, sepatutnya pengusaha yang mewakili penanam ataupun sesiapa yang ingin mengeksport harumanis daripada Perlis ini untuk berniaga ataupun berurusan secara eksportnya ke Thailand misalnya, dari sudut kehendak WTO, sepatutnya pengusaha daripada Perlis itu untuk memasarkan buah mempelam harumanisnya mesti mendaftar di bawah Akta Petunjuk Geografi di Thailand.

Maka pihak negara Thailand sendiri yang telah pun masyhur dengan pelbagai jenis buah mempelam misalnya jenis Siku Raja ataupun apa-apa jenis nama sekalipun, bila dia hendak menguruskan perniagaan dalam negara kita selayaknya mengikut akta ini mereka mendaftar dengan mengikut Akta Petunjuk Geografi. mendaftar untuk mendapat petunjuk geografi dalam negara kita. Saya contohkan satu lagi, misalnya di Kelantan, ramai pelancong pergi ke Kelantan kerana mereka berminat untuk membeli selimut, blanket jenama TOTO ataupun NARITA. Memang kedua-dua jenama ini, blanket ataupun selimut ini dikeluarkan daripada Thailand tetapi pasarannya meluas di Kelantan, sampai ke Kuala Lumpur.

Jadi, katakan tempoh pendaftaran untuk TOTO dan NARITA ini belum cukup tempoh 10 tahun tetapi kilangnya tutup. Maka, dalam masa yang sama, ada kilang baru untuk menghidupkannya di Kelantan sendiri untuk mengkomersialkan selimut jenama TOTO dan NARITA ini juga, maka, adakah dari fleksibiliti akta ini, dibolehkan jenama yang sama tetapi didaftarkan mengikut wilayah geografinya di Kelantan. Sedangkan tempoh sebenar 10 tahun belum lagi cukup untuk jenama yang sama daripada Thailand yang telah beroperasi tadi. Ini suatu perkara yang saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian daripada segi fleksibiliti tempoh pendaftaran 10 tahun yang dimaksudkan mengikut akta ini.

Oleh kerana itu, saya ingin mendapat juga penjelasan daripada pihak kementerian, asas penggalakan perniagaan yang bersifat global pada masa kini, kemungkinan barang-barang daripada Kelantan, Terengganu atau seluruh negeri dalam negara kita, pasarannya melangkaui boundary ataupun sempadan geografi, maka, perkara itu sudah pasti akan berlaku dalam suatu masa yang ke depan. Beberapa asas mengikut kehendak Akta Petunjuk Geografi ini memang diperlukan

sesuatu barangan itu didaftarkan sebagaimana yang dimaksudkan oleh pihak Yang Berhormat Teluk Intan tadi iaitu, suatu promosi yang menyeluruh, kesedaran kepada semua pengusaha-pengusaha untuk mendaftar di bawah Akta Petunjuk Geografi ini.

Adakah pada masa depan, cadangan kerajaan untuk mewajibkan setiap pengusaha sebelum mereka memasarkan ataupun menguasai pasaran, mereka mesti mendaftar kepada Akta Petunjuk Geografi. Adakah suatu tempoh masa tertentu, *time frame* ataupun tempoh operasi sesuatu perniagaan itu mesti mendaftar di bawah Akta Petunjuk Geografi ini sebelum mereka melebarkan lagi pasaran kerana kita yakin beberapa produk tempatan mempunyai suatu potensi untuk diperluaskan melampaui sempadan negara. Kalau dahulu kita kenal dengan sate, dipromosikan sampai ke England, sedangkan Petunjuk Geografinya, ia adalah asal daripada negara kita. Mungkin suatu masanya, keropok lekor Losong daripada Terengganu yang begitu popular kepada peminat-peminat keropok lekor yang datang ke Terengganu tidak akan melepaskan peluang untuk mendapat rasa ataupun untuk merasai kelazatan, kenikmatan dan khasiat keropok lekor ini.

Pada masa depannya, apakah kerajaan akan memastikan pengusaha-pengusaha tempatan, makanan seumpama ini menghasilkan ataupun mendaftar di bawah akta ini, sebab perkara ini perlu diambil perhatian kerana kemungkinan orang lain akan mengambil kesempatan untuk mendaftar dan sudah pasti pihak lain akan mengaku ianya adalah daripada wilayah mereka. Demikian juga, satu perkara saya dapat timbulkan misalnya, Kelantan yang sekarang ini memang terkenal dengan pengeluaran hasil tembakau yang telah banyak memberi satu sumbangan kepada industri tembakau dan rokok dalam negara, walaupun daripada segi dasar kesihatan, ia adalah suatu nilai percanggahan.

Namun, dari semula jadi ataupun dari keaslian wilayah geografinya, tembakau dihasilkan di Kelantan, tetapi apabila ia telah bertukar menjadi rokok ataupun hisapan tembakau, maka produk asal ini yang dihasilkan di Kelantan telah tidak dikenali oleh rakyat bahawa tembakau itu berasal daripada Kelantan. Jadi, yang mereka tahu ialah dikeluarkan oleh Benson, Dunhill ataupun mana-mana produk yang tidak dinyatakan pada kotak ataupun pada kulitnya tentang tempat asal bahan mentah tersebut. Ini, suatu langkah yang saya yakin apabila fleksibiliti ataupun ruang yang lebih besar untuk bertindak di bawah Akta Petunjuk Geografi ini dapat dikuatkuasakan, sudah pasti ia akan menjelmakan suatu nilai komersial yang bersifat reputasi, keaslian dan juga asal kepada sesuatu produk itu untuk

dipopularkan ke seluruh dunia. Jadi, sekadar itulah pandangan daripada saya. Sekian, terima kasih. .

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Gelang Patah.

11.42 pagi

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan kepada Akta Petunjuk Geografi 2000 (Pindaan) 2001 untuk undang-undang ini, selaras dengan perwujudan Akta Perbadanan Harta Intelek.

Tuan Yang di-Pertua, adalah penting untuk negara kita ini bahawa keupayaan untuk menyerap teknologi baru yang sering berubah perlahan, perlu diambil berat. Kelemahan yang disebabkan oleh kekurangan kemahiran sumber manusia dan ini boleh menjadi batu penghalang kepada usaha Malaysia untuk mengoptimumkan faedah yang boleh diperolehi daripada perkembangan teknologi seperti pengwujudan Petunjuk Geografi, reka bentuk perindustrian dan lain-lain.

Dalam majalah *The Economist*, pada 24 Jun, 2000, dikatakan oleh Sachs iaitu dengan izin, "*countries that do not keep up with global technology, often collapse, unable event to maintain their standard of living much less increase it. They usually depend on a narrow range of export that lose their profitability in the world economy.*" Oleh yang demikian, adalah penting dalam era globalisasi dan liberalisasi pada masa kini, kita perlu mempertingkatkan persaingan kita terutama dalam teknologi yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang secara tidak sedar kita sebenarnya telah dijajah oleh negara-negara asing apabila ekonomi kita selamanya banyak bergantung kepada pengetahuan serta teknologi yang dikeluarkan oleh negara lain. Penjajahan ini akan berterusan selagi kita hanya menjadi peserta pasif dalam era K-ekonomi dengan menjadi pengguna, pengetahuan dan teknologi yang dibeli daripada negara asing. Untuk membolehkan kita duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain, kita mesti memperuntukkan sumber yang secukupnya untuk melipatgandakan kegiatan penyelidikan dan pembangunan iaitu *Research & Development (R&D)* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada jalan lain, untuk menjadi negara pembekal pengetahuan dan teknologi melainkan melalui kegiatan penyelidikan dan pembangunan yang intensif. Saya berharap pihak kerajaan akan memberikan

peruntukan yang banyak untuk menggalakkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan supaya akan ditambah dari tahun ke tahun dan kita pun perlu memberikan insentif kepada pihak swasta terutama perindustrian swasta supaya mereka pun akan bersama-sama dengan pihak kerajaan untuk mempertingkatkan kegiatan R&D.

Memang tidak dapat dinafikan Tuan Yang di-Pertua bahawa projek-projek penyelidikan memakan belanja yang besar. Ini sebenarnya kita tidak boleh elakkan. Ini adalah satu agenda yang lebih penting dari segi jangka panjang. Jika kita belanja banyak wang boleh menyelamatkan syarikat-syarikat yang besar seperti kita pernah untuk imej negara kita selamatkan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS), kita pun perlu belanja banyak wang dalam R&D.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu badan-badan korporat serta pusat-pusat pengajian tinggi swasta, bila mereka mengadakan aktiviti-aktiviti R&D pihak kerajaan, terutama pegawai-pegawai kerajaan perlu turut terlibat dengan mereka dalam kegiatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk beberapa tahun kebelakangan ini pendapatan negara kita banyak diperolehi melalui eksport barangan siap atau separa siap yang semakin bertambah. Banyak negara asing membeli barangan Malaysia adalah kerana nilai mata wang ringgit yang secara relatifnya rendah. Walaupun kedudukan mata wang ringgit yang lemah sebenarnya mendatangkan kelebihan dalam masa krisis ekonomi, adalah kurang bijak jika ekonomi kita bergantung kepada kedudukan mata wang ringgit yang rendah selama-lamanya. Sekiranya kita mahu menjadi kuasa ekonomi yang berpengaruh di rantau ini mahupun di peringkat global, nilai mata wang ringgit mesti menjadi kuat. Pada masa itu barangan eksport kita akan menjadi mahal dan tidak banyak negara akan bersedia membeli barangan daripada kita. Oleh demikian kita mesti bersedia menghasilkan lebih banyak pengetahuan dan teknologi untuk dieksport demi menambah pendapatan negara. Cita-cita ini akan hanya dapat dicapai jika kita mula membuat pelaburan yang tersusun dan strategik dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal R&D boleh dikatakan para pemimpin kita terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa mengingatkan agar kita berwaspada terhadap penjajahan asing dalam bentuk ekonomi. Oleh itu kita telah mengadakan banyak mekanisme untuk mempertahankan sistem kewangan serta pasaran saham kita daripada dimanipulasikan oleh pihak luar. Di samping itu kita

juga mengehendkan pegangan ekuiti oleh rakyat asing dalam syarikat-syarikat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal persaingan dalam era globalisasi ini, satu perkara yang sangat penting ialah dalam hal kita mesti mempunyai sumber manusia yang berkualiti di negara kita ini. Kita semua sedia maklum bahawa pada masa sekarang cuma lebih kurang 20% daripada rakyat kita pada masa sekarang yang masuk ke darjah satu hingga lulus SPM dan dapat masuk ke IPTA atau IPTS. (Cuma 20% yang dapat masuk, 67% untuk mereka yang masuk sekolah dari darjah satu, 67% yang lulus dapat kelulusan SPM). Daripada 67% yang dapat SPM itu cuma 37% yang dapat masuk ke IPTS atau IPTA dan boleh dikatakan keseluruhannya cuma 20% yang dapat masuk ke IPTA atau IPTS dan ini satu masalah yang besar kepada kita, bagaimana kita boleh bersaing kerana kalau kita tidak mempunyai cukup tenaga kerja yang berkualiti.

Ini adalah satu masalah yang besar dan kita mesti terutama Kementerian Pendidikan mesti tinjau dan mengambil tindakan yang lebih berkesan terutama pada masa kini oleh kerana teknologi yang tinggi adalah sangat perlu kita mesti menggalakkan generasi muda kita ini supaya lebih minat dalam pelajaran sains dan matematik. Kalau kita kurang pelajar yang minat dalam sains dan matematik bagaimana kita akan dapat pelajar yang dapat mereka reka bentuk perindustrian atau petunjuk geografi dan lain-lain sejajar dengan kehendak globalisasi.

Dalam hal ini boleh dikatakan pelajaran bahasa Inggeris adalah sangat penting dan kita sering dapat tahu daripada pihak Kementerian Pendidikan bahawa kementerian ini sekarang menghadapi masalah kekurangan pengajar dalam bahasa Inggeris dan ini satu masalah yang besar terutama saya buat lawatan di kampung-kampung dan buat perasmian di mesyuarat PIBG di sekolah-sekolah, saya dapati pihak guru besar beritahu saya ..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, apa kaitan dengan petunjuk geografi ini?

Tuan Chang See Ten: Ada berkaitan, kerana ini kalau kita tidak memberikan perhatian berat tentang bahasa Inggeris bagaimana mereka belajar sains dan teknologi, bagaimana mereka dapat adakan petunjuk geografi yang dikehendaki dan lain-lain. Kalau mereka tidak ada pengetahuan, bagaimana? Pengetahuan adalah satu kuasa. Ini adalah sangat penting sebab itu saya hendak ambil sedikit daripada sana saya masuk kepada petunjuk geografi.

Sebenarnya semalam saya hendak bahas dalam reka bentuk perindustrian tetapi tidak diberikan peluang. Saya pun ambil peluang inilah. Banyak terima kepada Tuan Yang di-Pertua berikan peluang kepada saya. Ini ada berkaitan kerana ini adalah bersangkutan paut dengan bil akta-akta yang terlibat dengan Perbadanan Harta Intelek. Ini semua ada berkaitan. Bagaimana kita dapat mengikuti dengan cabaran globalisasi dan liberalisasi kalau kita tidak siap sedia – cakap kosong tidak berguna, mesti buat dengan tindakan.

Kita sudah menghadapi masalah kekurangan guru bahasa Inggeris. Kita mesti mewujudkan kesedaran kepada para ibu bapa dan anak-anak kita kerana kalau anak-anak kita daripada tadika ke darjah satu ke darjah enam, mereka belum tahu kepentingan Bahasa Inggeris lagi. Kalau tidak ada galakan, memang ada galakan dari guru-guru ada tetapi kalau tidak ada galakan daripada para ibu bapa, misalnya mereka kata, guru besar kata kepada saya, “bagi tuisyen percuma pun mereka tidak mahu datang untuk bahasa Inggeris”. Generasi muda ini kalau masuk ke peringkat sekolah menengah baru sedar kepentingan bahasa Inggeris sudah terlambat. Bila sudah terlambat mereka akan hilang keinginan hendak belajar lebih tinggi kerana mereka dapati masalah dalam menguasai bahasa Inggeris dan ini satu masalah yang besar kepada kita. Kalau kita tidak ambil berat tentang hakikat ini, ini satu masalah yang besar kepada generasi muda kita ini. Bagaimana kita dapat mengeluarkan sumber manusia yang berkualiti kalau kita tidak ambil tindakan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun mesti galakan supaya dalam hal ini bila ada pelajar-pelajar sekolah berminat dalam reka bentuk atau teknologi, perlu seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang semalam iaitu kita, para pengetua sekolah dan guru-guru mesti berikan galakan kepada pelajar kita kerana saya sendiri pun dapat aduan daripada pelajar, mereka ada minat dalam mengadakan satu reka bentuk dan untuk *exhibition*. Selepas itu bila mereka suarakan kepada pengetua, pengetua kata kepada mereka, mana hendak cari sumber wang. Ini perlu banyak wang, mana hendak cari. Ha! Ini sudah satu perkara yang mana minat pelajar itu sudah hilang kerana tidak mendapat galakan oleh pihak pengetua sekolah. Dan, tidak ada tunjuk ajar kepada minat pelajar itu dalam hal ini.

Dan, biasanya boleh dikatakan untuk seorang pemuda yang belajar di peringkat sekolah menengah kadang-kadang mereka ada idea, kalau kita tidak

berikan tunjuk ajar kepada mereka, kita akan menghadapi masalah bahawa mereka tidak melanjutkan bakat mereka. Ini satu kehilangan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cabaran globalisasi selain daripada kita mesti mempertingkatkan pendidikan yang berkualiti dengan yang ada supaya rangka institusi tempatan kita adalah betul, dalam aliran yang betul dan berdaya tahan. Ini adalah sangat penting. Kalau kita tidak berdaya tahan, bagaimana kita dapat betul-betul pro-globalisasi.

Dan, yang kedua ialah kita mesti mempunyai kemampuan sumber manusia yang dapat menyerap atau mengeksploitasi tenaga baru yang lebih tinggi dan kita mesti mengadakan rangka kerja pengawalan yang memenuhi piawaian globalisasi dan kita mesti ada persepsi yang betul terhadap globalisasi. Dan, ini adalah satu perkara yang sangat penting, kita mesti bersama-sama berusaha.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli berdiri, Yang Berhormat. Ya, sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Walaupun Yang Berhormat Gelang Patah bawa jauh daripada skop perbincangan kita tetapi saya hendak tanya, sebab Yang Berhormat bagi Gelang patah ada menyebut tentang globalisasi. Dan, saya perhatikan pada tahun 1990, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita begitu beria-ia sebelum melancarkan MSC, bercakap tentang globalisasi.

Tetapi dalam dua, tiga tahun kebelakangan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nampaknya sudah mempunyai pendirian yang agak berbeza tentang globalisasi itu sendiri. Umpamanya globalisasi hendaklah ditangguhkan kerana persiapan negara-negara sedang membangun dan negara-negara Dunia Ketiga masih belum bersedia dari aspek globalisasi. Dalam segi pertandingan dan persaingan adil dan sihat.

Jadi, saya hendak tanyalah kepada Yang Berhormat bagi Gelang Patah, sebab menyebut globalisasi, walau pun sama-sama kita sudah out of topic sekarang ini. Kita hendak tanya setakat mana Malaysia bersedia dan, di tahap berapa peratus mengikut bacaan Yang Berhormat, bersedia dari segi persiapan untuk menghadapi globalisasi ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu dalam kepentingan IT ini, memang berterusan. Kita tidak

berhenti. Dan, selamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa ingatkan kita supaya kita mesti menerima hakikat kesan globalisasi ini. Kita mesti bekerjasama rapat untuk memajukan IT dalam negara kita ini.

Saya harap Yang Berhormat tidak ada salah faham tentang hal ini. Kerana kita boleh dikatakan dalam negara membangun. Negara kita ini, kita boleh dikatakan kita pro-aktif dalam era globalisasi ini kerana kita tahu pada masa sekarang, kita pun tahu bahawa ada beberapa syarikat besar, terutama di Pulau Pinang, mereka pindah ke negara China – pindah pelaburan mereka ke sana.

Oleh kerana saya pernah jumpa salah seorang pegawai yang tinggi daripada pihak kerajaan. Saya tanya dia, mengapa mereka hendak pindah ke Shen zhen, China. Dia katakan yang pengusaha kilang dari syarikat asing ini memberitahu mereka, mereka pindah kerana, pertama, kita kurang tenaga manusia yang mahir; kedua, kita kurang permintaan domestik (*domestic market*) – pasaran domestik kurang. Di negara China, mereka tidak ada masalah ini. Dan yang ketiga, gaji pekerja kita lebih tinggi daripada gaji di negara China.

Dan, oleh kerana permintaan dari negara asing sudah kurang, mereka perlu pasaran dalaman. Tetapi di sini tidak dapat kerana populasi negara kita cuma 22 juta sahaja. Sebab itu mereka atas sebab-sebab yang saya sebut tadi, mereka pindah.

Dan, oleh yang demikian, lagi satu perkara, kita pun tidak boleh bersaing dengan negara China, Vietnam, Cambodia dalam hal pekerja. Kerana kita tidak boleh bergantung kepada industrial yang 'labour intensive' kerana gaji pekerja kita lebih tinggi. Dan, kita sudah tidak boleh bersaing dalam perindustrian yang labor intensive, kita perlu pergi kepada perindustrian yang high tech.

Kita hendak pergi perindustrian yang high tech supaya boleh bersaing dengan negara asing terutama negara yang maju. Kalau kita tidak ada sumber manusia yang berkualiti, yang ada kemahiran dalam high tech bagaimana pelabur asing hendak masuk melabur dalam negara kita ini.

Sebab itu kita sekarang hendak pergi – labor intensive kita ada masalah, hendak high tech kita kurang tenaga kerja kerana tahap pendidikan yang kurang berkualiti – kita cakap kita ada idea daripada Kementerian Pendidikan ada idea. Bagaimana hendak buat? Kadang-kadang kita dengar daripada taklimat mereka, memang idea banyak. Tetapi on the ground, sama ada itu efektif atau tidak efektif, itu yang penting. Ini satu perkara yang penting, kita mesti ambil perhatian.

Yang lain saya hendak katakan, dalam diversification economy kita, kita sudah tidak boleh bersaing dengan orang lain dalam industri labor intensive – industri high tech kita masih berusaha. Kita perlu mempertingkatkan kepada industri perkhidmatan seperti kita memajukan pelabuhan-pelabuhan kita, seperti di kawasan saya PTP, yang boleh dikatakan yang maju sekali dalam dunia ini.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang betul-betul ada ambil tindakan yang pro-aktif untuk memajukan pelabuhan di negara kita ini.

Tuan Mah Siew Keong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Telok Intan berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Nanti sekejap. Nanti hilang idea saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, nanti kejap.

Tuan Chang See Ten: Lagi satu perkara iaitu kita mesti mempertingkatkan pelancongan kita. Ini industri tanpa pencemaran. Ini satu perkara yang sangat penting kita mesti majukan industri pelancongan kita dan

Tuan Mah Siew Keong: *[Bangun]*

Tuan Chang See Ten: Saya bagi, saya bagi Yang Berhormat bagi Telok Intan. Sekejap saja ...nanti idea itu habis saya berhenti supaya saya ditanya nanti saya ada idea baru. Ini memang kalau tanya berikan satu faedah kepada saya supaya saya akan ada idea yang baru. Perkhidmatan pelancongan kita mesti majukan, tetapi kalau kita hendak majukan tourism sikap kita mesti baik. Pegawai di kastam dan imigresen mesti ada sikap mesra, senyum. Pihak syarikat-syarikat pelancongan dan kedai-kedai jual barang jangan tipu mereka. Premis kedai-kedai jual makanan pun mestilah bersih. Ini semua penting. Mesti bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan supaya kita sama-sama memajukan pelancongan di negara kita ini. Ini boleh datangkan banyak wang kepada kita. Ini kerana yang lain kita sudah susah hendak bersaing dengan orang asing.

Okay, terima kasih Telok Intan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Telok Intan, ya.

Tuan Mah Siew Keong: Selepas kita pergi ke tourism, high tech, labor intensive di China, sekarang saya hendak balik sedikit kepada petunjuk geografi. Bolehkah?

Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Oleh kerana sekarang persaingan yang lebih terutama tadi Yang Berhormat cakap dari China dan dari negara-negara lainlah. Ini bermakna kita hendak lebih tertumpu kepada keunikan negara Malaysia dan oleh itu kita hendak gunakan petunjuk geografi yang lebih. Produk-produk Malaysia yang terkenal seperti Selangor Pewter dan Biskut Gelang Patah. Ini adalah keunikan Malaysia dan bagi saya kita tidak mengeksploitasi ini dengan penuh. Ini adalah keunikan Malaysia dan jika kita hendak bersaing dengan negara-negara yang lain yang ada labor yang lebih murah, itu bukan senang. So kita hendaklah emphasize specialty atau keunikan kita. Saya harap dapat cadangan Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Sekarang adalah masa yang baik sekali supaya kerajaan menggalakkan researchers dan innovators dan SMI kita boleh membuat barang-barang yang unik Malaysia dan juga mendaftar sebagai petunjuk geografi. Banyak SMI ada barang-barang unik Malaysia tetapi mereka masih tidak tahu macam mana hendak membuat pendaftaran. Mereka masih tidak sedar. Banyak daripada kita pun tidak tahu apa bil ini. So, macam mana SMI dan rakyat hendak tahu ini? Jika kita hendak challenge dalam arena perniagaan dunia ini kita mestilah lebih maklumat dan lebih promosi terhadap paten terhadap akta geografi.

Adakah ini mencukupi pada pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Chang See Ten: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Belum cukup lagi. Kita perlu banyak usaha. Idea kita banyak tetapi kalau hendak betul-betul dapat kesannya kita perlukan banyak usaha lagi dari pihak swasta dan pihak kerajaan. Dan saya buat misalan seperti tadi saya katakan kita mesti majukan sektor pelancongan supaya kita dapat menarik lebih pelancong datang ke Malaysia.

Saya diberi peluang oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pergi mesyuarat AIPO baru-baru ini di Bangkok dan diberikan peluang bersama-sama dengan Wakil-wakil Rakyat/Ahli Parlimen dari negara ASEAN. Dalam masa itu kita sama-sama cakap dengan wakil dari negeri China supaya bila mereka masuk WTO kita harap mereka tolong kita - negara-negara yang 10 ini di ASEAN - kerana kita sungguh khuatir terutama wakil dari Singapura yang suarakan dulu. Dia katakan

harap negeri China akan ambil berat tentang kepentingan ekonomi negara ASEAN kalau negara China maju pada masa itu dan kalau ekonomi mereka bangun dengan pesatnya. Kalau ekonomi mereka sangat maju dan baik tetapi negara ASEAN mundur, ini akan menjadi satu masalah kepada kestabilan rantau ini. Dan kita harap mereka akan tolong kita dalam hal ini bagaimana kita sama-sama dapat maju.

Dalam dialog itu saya ada ceritakan tentang perhubungan Malaysia dengan negeri China sangat baik dan kita harap pada masa sekarang daripada angka yang diberikan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bahawa ada lebih kurang setengah juta pelancong dari negeri China datang ke sini dan kita harap tambah kepada satu juta. Ini hasrat kita saya sampaikan dan katakan kita pun ada longgarkan banyak prosedur supaya mereka senang masuk ke sini.

Bila kita dapat mempertingkatkan tahap industri pelancongan di negara kita ini dan menolong industri SMI kita seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Telok Intan - kita mesti tolong SMI ini kerana industri di negara kita ini 90% boleh dikatakan adalah SMI - mereka boleh dengan kerjasama daripada pihak kerajaan dapatkan hasil seperti yang terkandung dalam pewujudan Perbadanan Harta Intelek dan Akta Petunjuk Geografi ini. Kita boleh katakan ini satu barang pengeluaran seperti daripada Sipitang. Ini memang kita semua di seluruh dunia tahu barangan ini adalah daripada Sipitang. Dan itu satu kebaikan kepada negara kita dan akan dapat mempertingkatkan ekonomi kita dan sangat baik kepada penduduk-penduduk di kawasan Sipitang. Ini adalah sangat penting.

Pada masa sekarang saya dapati, seperti kawan saya yang berniaga di Johor Bahru tetapi mereka sudah pergi melabur buat payung di Shenzen. Mereka buat payung yang ringan sekali di dunia. Mereka ada cipta satu barang iaitu payung yang the lightest umbrella in the world dan sudah bertapak di sana. Jenama ini sudah pergi ke negeri China, dibuat di sana dan dipasarkan ke seluruh dunia.

Saya pernah sekali di Germany, saya pergi ke supermarket dan membeli barang. Saya terbeli satu payung yang sebenarnya dibuat di Malaysia. Sebab itu kita pergi beli kadang-kadang kita dapat beli barangan Malaysia yang dipasarkan di pasar raya negara asing. Ini satu perkara yang kita perlu bangga.

Saya ada seorang kawan buat automatic gate di Johor Bahru dan sekarang pergi ke Shanghai. Dia punya barang sudah paten sudah tunjuk barang ini dari Malaysia dan dibuat di Shanghai. Ini saya sedikit misalan.

Tuan Yang di-Pertua: Sipitang bangun ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya minta penjelasan daripada jiran Gelang Patah. Dia sebut Sipitang, Tuan Yang di-Pertua, jadi saya kena bangun. Saya berterima kasihlah. Saya setuju dengan pandangan beliau. Apakah beliau bersetuju jikalau kerajaan membuat satu dasar, bagi sesetengah produk tempatan, khususnya produk pertanian lebih mementingkan nama tempatan. Misalnya, sekarang ini dalam negara kita memang ada beras Bario. Apabila disebut beras Bario itu, satu tanah tinggi di Sarawak di kawasan Parlimen Bukit Mas yang mana beras ini memang sedap rasanya, halus dan memang baik.

Bagi jenama seluruh dunia, misalnya limau Jafna itu dari California dan juga buah-buahan lain yang ada jenama mengikut geografi. Saya merasa pelik jikalau negara kita, misalnya durian, disebutlah D24, D28, tidak ada makna. Kenapa tidak sebut durian Serdang, durian Balik Pulau ataupun durian Sipitang. Jadi, dengan sendirinya apabila disebut, bila durian ini dieksport ke luar negeri, nama tempatan, nama Serdang, nama Balik Pulau itu ada pada durian itu daripada D24 yang tidak ada erti langsung. Semua orang di seluruh dunia pakai D24.

Saya setuju tadi dengan payung yang paling ringan itu, kalau misalnya payung Gelang Patah, walaupun ia dikilangkan di China tetapi dalam pasaran adalah jenama paten geografi, Gelang Patah. Begitu juga dengan yang lain. Jadi, saya memohonlah kalau Yang Berhormat setuju kerajaan membuat dasar kepada penyelidik-penyelidik, misalnya MARDI, dan macam-macam lagi, PORLA dan sebagainya. Membuat jenama atas nama Malaysia.

Jadi, bila dipasarkan, misalnya minyak kelapa sawit kita atas nama jenama kita, kenapa tidak minyak kelapa sawit yang ada kaitan dengan nama, misalnya minyak kelapa sawit FELDA Sahabat di Sabah. Jadi, bila dipasarkan di Pakistan, dipasarkan di China, dipasarkan di Yaman, Tuan Yang di-Pertua, yang datang hendak beli minyak kelapa sawit, mereka mengenal nama Malaysia mengikut jenama barang yang mereka gunakan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Chang See Ten: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan jiran saya. Ini satu saranan yang bagus kerana macam durian kita, kita letak nama dengan nombor, apa guna. Lebih baik dengan nama tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi durian D24 itu di mana-mana pun boleh ditanam.

Tuan Chang See Ten: Kerana kita sudah silap....

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu macam mana pun...

Tuan Chang See Ten: ...pada masa dulu, bila D24 itu di wujudkan, asal tempat itu patut mereka mesti gunakan nama tempat itu. Ini kerana sudah lambat, sekarang seluruh negara, di mana-mana sudah ada. Ini sayang, kesal sebab siapa yang mula-mula tanam D24 di sana patut gunakan nama tempat itu.

Saya tadi ada sentuh tentang kepentingan ini dalam industri pelancongan. Tadi Yang Berhormat bagi Sipitang ada kata tentang pertanian. Ini baru bagi satu idea kepada saya. Kita sudah tidak boleh bersaing dengan orang lain dalam *labor intensive industry*. Kita masih berusaha untuk menyerap kehendak globalisasi dalam high tech. Kita masih berusaha tetapi kita masih kekurangan tenaga kerja yang mahir. Kita tidak boleh mengabaikan kepentingan pertanian. Kita mesti memodenkan pertanian kita supaya kita dapat mencapai *sufficiency economy* dalam negara kita.

Terutama sekarang, tiap-tiap hari kita cerita tentang perang Amerika Syarikat. Kita takut kalau satu hari betul-betul ada perang dunia yang ketiga, timbul masalah. So, kita mesti ada satu *crisis management* yang lebih awal. Satu perkara yang crisis management, bila ada perang, kalau negara kita dapat mencapai *sufficiency economy* dalam pertanian iaitu kita dapat mengurangkan permintaan barang-barang makanan daripada negara-negara asing. Kalau kita dapat di negara kita sendiri, ini satu perkara yang sangat penting dan kemungkinan dalam memodenkan pertanian kita, kita akan dapat menghasilkan pertanian yang akan dapat nama yang lebih baik, seperti kalau kita ada satu hasil pertanian yang mana kemungkinan kita boleh pasarkan ke dunia kerana kita ada akta-akta yang berkenaan.

Kita dapat memasarkan dan dapat mempertingkatkan tahap ekonomi negara kita ini dalam memodenkan pertanian. Satu sektor yang lain yang kita perlu kerana kita masih membangun iaitu kita mesti memodenkan industri pembinaan terutama pembinaan infrastruktur. Kita mesti ada perancangan awal terutama pada masa sekarang kita tahu daripada syarikat-syarikat swasta, mereka kata perniagaan kurang.

Kita mesti memberikan lebih peluang dalam pembinaan infrastruktur dan baru-baru ini pihak Kerajaan Barisan Nasional sudah berikan tambahan peruntukan dalam hal ini. Ini satu perkara yang sangat baik dan di sini saya ucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional dalam hal ini terutama kontraktor kelas F, boleh dikatakan sudah tidak ada kerja. Bagaimana dengan Hari Raya Puasa akan datang kalau mereka tidak ada kerja? Bagaimana bila sekolah hendak dibuka, anak-

anak tidak ada duit hendak beli buku, hendak pergi sekolah dan merayakan hari Raya Puasa dan lain-lain?

Ini adalah penting supaya kita sekarang pihak Kerajaan Barisan Nasional peka dan prihatin. Kita sudah hendak memperbanyakkan perbelanjaan dalam pembinaan infrastruktur. Ini adalah penting tetapi ini cuma amaun yang kecil. Kita harap dapat amaun yang besar dan dalam masa ini apabila kita kontrak kepada sesiapa, kemungkinan nilai kontrak itu akan lebih rendah kerana masa kini banyak permintaan kontrak itu, kemungkinan kita dapat nilai kontrak yang lebih rendah dan dapat menolong pihak kerajaan menyiapkan satu pembinaan dengan nilai harga yang lebih rendah. Ini adalah perkara-perkara yang mana kita perlu ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, daripada hal Akta Petunjuk Geografi ini, saya dapati apa yang terkandung dalam pindaan ini adalah *consequential* sahaja dan ia selaras dengan kehendak pengwujudan Akta Perbadanan Harta Intelek. Saya ambil peluang ini menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jeli.

12.23 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Bagi membincangkan Akta Petunjuk Geografi, kadang-kadang mungkin banyak orang terkeliru dengan geografi itu sendiri. Tetapi asas kepada akta ini ialah untuk memperkenalkan produk berdasarkan kepada tempat, diikat dengan tempat. Memperkenalkan produk, lalu diikat dengan tempat ataupun memperkenalkan seseorang diikat dengan tempat.

Yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di zaman Rasulullah S.A.W, petunjuk geografi ini sudah berleluasa. Bila dikatakan berleluasa, umpamanya dalam memperkenalkan seorang sahabat kepada baginda Rasulullah S.A.W, maka diperkenalkan nama berserta dengan tempat. Umpamanya Suhaib Ar-Romi bermakna Suhaib dari Rom. Begitu juga dengan Salman Al-Farisi yakni Salman dari Parsi. Begitu juga Bilal Al-Habsyi yakni Bilal dari Habsyah. Maknanya memperkenalkan, Akta Petunjuk Geografi ini sudah lama dikembangkan hatta, di zaman Rasulullah S.A.W. Begitulah mendapat tempatnya Akta Petunjuk Geografi ini sehinggakan ulama-ulama besar Islam di Malaysia juga memperkenalkan nama mereka dengan diikat dengan geografi, tempat.

Umpamanya , Tok Khurasan yakni ulama yang datangnya dari Khurasan yakni dekat Uzbekistan. Begitu juga dengan Abdul Rahman Limbong yang mana merupakan seorang pejuang kemerdekaan yang pertama yang mati ditembak di Terengganu.

Jadi, inilah hendak menunjukkan bahawa walaupun kita sekarang berbincang untuk menjadikan sebagai satu akta , tetapi sudah 1,450 tahun dulu sudah begitu popular dalam Islam sehinggakan kita dapat lihat bagaimana Rasulullah S.A.W., beliau meminta sahabat-sahabat supaya mengembangkan ilmu seperti mana yang dipohon oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah, sudah lama. Umpamanya, Baginda Rasulullah S.A.W. pernah bersabda [*Bercakap dalam Bahasa Arab*] "*Tuntutlah ilmu walaupun daripada negeri China.*" Menggambarkan pada waktu itu mungkin perkembangan ilmu di China sudah kuat kerana kita bahawa sebelum Masehi, Shih Huang Ti sudah pun membina tembok besar negeri China sehinggakan kalau kita ambil gambar daripada bulan, tembok besar negeri China itu boleh kelihatan.

Jadi, menggambarkan bahawa, tempat sangat penting untuk diikat kepada mana-mana produk dan mana-mana jenama dan mana-mana orang. Sebab itu kita lihat umpamanya Amerika Syarikat sendiri. Dahulu mereka yang berkulit hitam dikenali sebagai Negro, lepas daripada Negro ditukar kepada Black American tetapi hari ini mereka sudah tidak memperkenalkan diri mereka sebagai Black American tetapi African American. Hendak menggambarkan tempat kepada identiti mereka . Tetapi dari aspek kita, saya lihat ada sedikit kekesalan.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya kereta proton kita sudahlah jenama kita memang tidak boleh hendak pasar dalam dunia. Saya bukan pesimistik, kita beritahu satu realiti yang kita kena fikir bersama di Dewan ini. Umpamanya apa produk, kalau masing-masing seperti Yang Berhormat bagi Gelang Patah sudah ke Jerman, Gelang Patah sudah ke Bangkok. Kalau Yang Berhormat bagi Batang Lupar sudah serata dunia pergi. Apa produk yang kita pergi tengok, boleh tengok mana produk yang orang kenal ini produk Malaysia? Melainkan dibeleg-beleg baru *Made in Malaysia*. Umpamanya baju -baju mungkin jumpa.

Tetapi kita hendak melihat bahawa umpamanya produk kita yang kita bolehlah ada bangga sedikit ke mana-mana kita pergi di luar negeri Petronas (Petroleum Nasional). Mungkin orang sebut "Petronas", orang boleh ikat dengan Malaysia. Tetapi jenama lain saya tanya dalam Dewan ini apa jenama lain. Kita

pergi misal kata di Russia Timur, apa produk yang dia boleh ikatkan dengan negara kita?

Sebab itu kita lihat umpamanya Proton. Proton walaupun eksportnya tidak sampai 5%, itu yang Proton dok takut sangat kepada AFTA ini. Proton punya eksport ini tidak sampai 5% dan margin yang diambil oleh Proton di luar negara tidak sampai RM500. Walhal di sini tidak usah kiralah, di dalam tempatan.

Jadi, kita hendak menceritakan Proton ini sendiri sepatutnya kementerian kena tekankan ini. Proton ini dalam negara dia punya simbol bendera Malaysia. Tetapi di luar negara dia tidak menggunakan simbol negara Malaysia hatta di Singapore sendiri, yang dieksport di Singapore tidak menggunakan logo negara kita. Bagaimana Proton sebuah syarikat negara yang kerajaan terpaksa ..., dalam hendak mempertahankan Proton ini kerajaan terpaksa menangguhkan AFTA dan daripada 2003 kepada 2005 sehingga menyebabkan negara-negara jiran tidak percaya dekat kita.

Dia kata macam mana Malaysia ini? Dahulu beria-ia hendak buka AFTA 2003 tiba-tiba bila sampai waktu minta maaf, untuk automobile minta maaf sehinggakan kita jangan main, kita kena baca juga laporan-laporan daripada luar negara sehingga menyebabkan Singapura telah mengadakan perjanjian persendirian dengan New Zealand, Australia, Amerika dan juga Jepun. Lepas daripada itu siapa pula ikut, Thailand pula ikut. Perjanjian persendirian. Lepas daripada Thailand, siapa pula ikut? Filipina pula ikut dan didengarkan Indonesia pun sudah hendak ikut.

Jadi, maknanya AFTA kita ini setakat mana keberkesanannya selepas ini? Sebab itulah kita minta kerajaan memainkan peranan

Datuk Yong Teck Lee: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:Sekejap. Sebab itulah kita minta kerajaan memainkan peranan supaya Proton yang kerajaan terpaksa menanggung beban diplomatik yang begitu tinggi, maka sepatutnya jenama bendera kita itu masih dikekalkan walaupun untuk kereta-kereta yang dieksport ke luar negara. Dipersilakan.

Datuk Yong Teck Lee: Mengenai AFTA ini Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* Sudah, ya. Mengenai AFTA sebenarnya negara Malaysia tidak ada membuat perjanjian bilateral dengan negara lain masing-masing. Saya rasa ini menunjukkan bahawa negara Malaysia cukup yakin terhadap prestasi Malaysia dalam konteks AFTA. Negara-negara lain seperti Thailand, Singapore yang

mengadakan perjanjian berasingan, bilateral dengan negara masing-masing merekalah yang keluar daripada konsep AFTA sebenarnya.

Dalam konsep AFTA asalnya itu memang ada juga kelonggaran bagi beberapa perkara yang negara masing-masing ingin diberikan kelonggaran iaitu termasuk industri automobile. Maknanya ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa apa yang negara Malaysia sedang buat, meminta kelonggaran dalam item automobile ini tidak lari daripada konsep asal AFTA. Dan bukan negara Malaysia yang tidak yakin terhadap AFTA. Negara-negara lain pula yang tidak yakin terhadap AFTA, maka mereka membuat perjanjian berasingan.

Mengenai satu perkara yang dieksport dari Malaysia di luar negeri mungkin Ahli Yang Berhormat belum tahu tetapi saya tahu. Ada satu jenis sayur yang kami di Sabah namakan sayur manis. Apabila dieksport kepada Kuala Lumpur dinamakan sayur Sabah. Kalau pergi kedai hendak oder, sayur Sabah dia tahu. Apabila dieksport kepada Taiwan dan Jepun dinamakan sayur Malaysia. Kami tidak sebut lagi sayur manis ataupun sayur Sabah.

Jadi, itu sebagai satu jenis yang dieksport daripada Malaysia yang dinamakan sayur Malaysia. Kalau belum tahu lain hari pergi Taiwan atau Jepun, cubalah oder sayur Malaysia dari Sabah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Gaya. Kita kena ingat bahawa pada awal tahun 1990'an kita beria-ia untuk menjadikan satu kelompok perdagangan seperti mana NAFTA dan sebagainya. Kita merupakan antara pendahulu ataupun pencadang kepada kelompok perniagaan ini. Dan semasa itu item automobile masih tidak disisihkan daripada mendapat lanjutan apabila AFTA dilaksanakan walaupun kita tahu beberapa item yang terpaksa ditangguhkan terutama item-item pertanian memandangkan kita masih jauh ditinggalkan oleh Thailand.

Sehinggakan mungkin beras sampai 2010 tetapi untuk item automobile automobile mengikut fahaman Thailand seawal-awalnya Malaysia sudah tidak menjelaskan bahawa dia minta pertanggunghan. Itu maklumat Thailand, dia sudah tidak menjangka bahawa pada tahun 2002 Malaysia akan minta sampai 2005. Jangkaan ini sebab kerana kecewalah kerana Thailand merupakan dengan izin, the Detroit of the East, semua syarikat besar sekarang sedang berada di Thailand untuk mengambil kesempatan dengan terbentuknya AFTA nanti.

Sebab itu kita fikir, kita beritahu saya tidak pernah menyatakan dalam Dewan ini, pada pagi ini mengatakan bahawa Malaysia tidak percaya kepada AFTA. Saya tidak pernah mengatakannya perkataan itu, tolong refer kepada *Hansard* saya esok.

Apa yang saya katakan ialah kerana Malaysia yang memulakan cadangan tersebut tetapi bila masa sampai waktunya kita minta penangguhan kepada automobile yang mana merupakan pasaran yang besar, yang mana memberikan pulangan yang besar kepada perniagaan mana-mana negara sebab itu Thailand merasa kecewa. Itu kita hendak menyebut dan juga Indonesia merasa kecewa. Itu saya hendak sebut sebab itu sekarang ini apabila saya hendak menghubungkan perkara ini dengan Akta Petunjuk Geografi, saya hendak meminta Proton kerana negara kita telah berkorban lama. Negara kita berkorban lama kerana kereta-kereta yang diimport dikenakan cukai yang sangat tinggi di dalam negara kita tetapi kenapa bila sampai hendak mengeksport produk kita di luar negara kita tidak hendak mengekalkan bendera Malaysia di produk kereta Proton kita.

Sedangkan bendera itu merupakan salah satu petunjuk geografi, bendera kita itu. Sebab itu saya mohon dengan bantuan pihak-pihak kerajaan yang berautoriti tentang ini supaya mengekalkan imej tersebut. Satu lagi kita kena ingat bahawa kadang-kadang produk-produk tertentu tidak perlu kepada petunjuk geografi. Umpamanya disebut *Samsung*, orang mana tidak kenal Samsung daripada Korea? Kalau disebut *Hyundai*, disebut *Sony*, tidak perlu sebut petunjuk geografi. Yang diperlukan sangat pada petunjuk geografi ini ialah produk-produk yang masih belum dapat tempat. Sebab itu kerana kita sedar bahawa produk kita walaupun dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Gaya, sayur manis tukar kepada sayur Sabah kepada sayur Malaysia. Mungkin popular di Taiwan, mungkin popular di Jepun tetapi saya fikir, saya boleh ajak Yang Berhormat bagi Gaya pergi ke Jerman, pergi ke Holland. Kita boleh pakat-pakat, cari supermarket mana yang ada sayur Sabah ini, sayur Malaysia ini? Mungkin di Taiwan. Kita menyebut supaya bila masyarakat sebut Samsung daripada mana? Korea. Sebut Sony daripada mana? Jepun. Sebut 'Buduh' misal kata, buduh ini tidak popular lagi di luar negara pasal ramai orang tidak makan misal dikatakan.

Jadi, kita hendak tekankan di sini ialah yang sebenarnya kita boleh menggunakan petunjuk geografi pada masa yang sama untuk element tourism, dengan izin. Sebab itu banyak kementerian mesti memainkan peranan secara

bersama, kolektif supaya selain daripada kita memperkenalkan produk negara kita pada masa yang sama kita memperkenalkan negara kita. Dipersilakan.

Datuk Yong Teck Lee: Ahli Yang Berhormat yang ingin supaya *Proton Saga* kah, *Proton Wira* kah menjadi petunjuk geografi itu, sekiranya kita inginkan kereta *Proton* ini menjadi petunjuk geografi, maka tidak perlulah ada bendera Malaysia di kereta itu. Sebutkan *Proton* memang daripada Malaysia. Kenapa minta lagi bendera Malaysia diletakkan di kereta *Proton*. Lagipun kalau ada *Toyota*, *Honda* ini adakah kita nampak bendera Jepun di kereta-kereta Jepun? Adakah kita nampak bendera Jerman diletakkan di kereta *Mercedes Benz*? Kalaulah Ahli-ahli Yang Berhormat kita ingin mengeksportkan sesuatu perkara, tidak semestinya diletakkan bendera negara Malaysia. Misalnya, saya belum tahu lah, saya belum dapat penjelasan daripada Bahagian Pemasaran HICOM ataupun PROTON. Adakah orang luar negeri Jepun, Phillipine, Negeri Cina, Europe akan membawa kereta yang ada bendera negara asing? Seolah-olah mereka ini adalah orang Malaysia. Di mana satu negara yang dijual di Malaysia ini ada lambang negara asalnya. Amerika kah Germany kah, Jepun kah ada kah? Kalau kita nampak ini bendera Korea senang recognize lah. Kita nampak itu machinery apa nama negeri, Hyundai kah apa kah, ada bendera Korea? Kalau ada Korea punya bendera ada lah kita akan bawa? Kalau ada bendera Jepun, siapa mahu beli Toyota? Kalau ada bendera German di kereta Mercedes kita bawa Mercedes?. Kelmarin, saya nampak ini Ahli Yang Berhormat dari PAS ini bawa Mercedes di luar. Lambang mana? Adakah itu bendera Germany? Fikirlah sedikit cara marketing.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih kepada bekas Ketua Menteri Sabah Yang Berhormat Gaya. Saya agak tak faham kenapa kita tak konsisten dalam Malaysia kena taruh bendera. Seolah-olah jenama kita jadi takut. Kita mesti protect jenama, brand kita *'that is the brand whatever you are'* ini tak, masuk kandang kambing ini dia jenama kamu. Masuk kandang kerbau, ini dia jenama kamu. Kita tak konsisten kenapa orang lain boleh konsisten dengan jenama-jenama dia. Kita menyebut ini fasal gini, saya boleh ajak, sekarang ini seolah-olah Ahli Parlimen Kerajaan pelik, tak boleh ada langsung Ahli Parlimen Pembangkang ini pakai Mercedes. Ini satu politik yang cukup sempit, saya hairan. Macam mana status negara kita nak bagi negara maju. Macam mana Ahli Parlimen Kerajaan tak boleh nak izinkan langsung Ahli Parlimen Pembangkang pakai Mercedes.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: [Bangun]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Seolah-olah nak biarkan Ahli Parlimen Pembangkang ini miskin belaka. Dengan sebab itu tak beri setengah juta satu tahun kepada kawasan-kawasan Pembangkang. Sehingga College Community pun tak nak wujudkan di kawasan-kawasan Ahli Parlimen Pembangkang. Inilah yang tak betul negeri yang berlaku ni.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana jalan ni beri.

Datuk Yong Teck Lee: *[Bercakap tanpa pembesar suara]itu saja. Itu pun tak bertenang kah? [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Jeli dia cakap fasal brand. Sebenarnya brand kadang-kadang dia bergantung kepada cita rasa dan kegemaran sesuatu tempat. Kalau kita melihat McDonald adalah satu world brand. Tetapi di Jepun dia tak panggil McDoland, dia panggil Morinaga. Tetapi 'M' McDonald. Jadi ini bermakna brand ini memerlukan satu expertise bagaimana dia 'position brass'. Bagaimanakah orang yang pakar dalam brand ini dia mempunyai bayaran gaji yang tinggi dalam satu produk especially khususnya mengenai consumer product. Jadi jangan kita nak pukul borong. Dalam hal ini jangan main tuduh Malaysia tak nak letak bendera Malaysia untuk dijual keluar oleh kerana kita tidak ada patriotisme, tidak. Apa yang dikatakan oleh saudara kita daripada Gaya kemungkinan betul oleh kerana brand bergantung kepada kesesuaian.

Setengah-setengah kereta Jepun dia punya bentuk, reka bentuk sama tetapi nama di tempat lain berbeza. Macam dahulu ada kereta dekat sini, saya tak ingat. Tetapi kalau di tempat lain dipanggil 'Skylap'. Setengah kereta Korea yang ada di sini tidak ada di Singapura. Jadi Saudara daripada Jeli, mungkin pandangan baik. Tetapi jangan main pukul borong dalam hal ini. Saya tak apalah Yang Berhormat nak eksport terrorism ke Afghanistan, dengan brand PAS tak apa. *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih kepada kakanda saya daripada Parit Sulong. Sebelum itu saya betulkan. Yang sebenarnya semua orang tak suka kepada keganasan. Itu kena jelas. Sama ada daripada PAS, kerajaan, kita tidak suka kepada keganasan. Sebab itu beberapa kenyataan daripada kerajaan, kita bersama dari sudut menentang keganasan. Tetapi untuk mengenal pasti sesuatu pengganas mesti ada bukti dahulu. Kita ada mahkamah, kalau mahkamah belum buktikan, takkan sudah menuduh sebelum bersalah. Kita

membuat tuduhan tanpa bukti sahih ini bukan Islam. Kaedah Islam buktikan dia bersalah barulah kita katakan dia pesalah. Ini dituduhkan seawal-awal pegganas tanpa bukti yang kukuh. Sebab itu kita mesti jelas, kalau kita menggunakan kaedah maknanya sebelum bersalah sudah dituduh bersalah maka apa beza kita dengan George Bush? Apa beza. Sebab itu sekarang ini kita kena jelas. Dari sudut pegganas, keganasan, kita semua tidak setuju. Sebab itu PAS daripada zaman-berzaman kalah menang kita tetap masuk pilihan raya.

Walaupun dalam pilihan raya kita tidak ada surat khabar tidak ada Televisyen. Itu kita jelas.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tak cakap fasal brand. Saya tak cakap fasal keganasan. Tetapi kalau PAS pendirian macam itu saya kata baguslah. Seumpamanya sekarang ini KMM itu terbukti bahawa mereka adalah kumpulan terrorist, adakah PAS mahu denounce bermakna tidak mahu terikat langsung dengan orang-orang ini. Sekarang ini kita orang yang disyaki ini sedang disiasat dan tapi yang jelas adalah dia cut carrying atau registered member pada PAS. Jadi apa ertinya PAS? Adakah sekarang PAS mengatakan perkara ini sandiwara. Mengapa dikatakan sandiwara? Adakah itu tidak satu suara yang memihak? Kalau umpamanya saudara berpandangan bahawa menunggu sehingga dibuktikan, orang ini terbukti apa yang dikatakan – sekarang senyaplah. Janganlah kata ini sandiwara, dikatakan ini adalah tindakan untuk melumpuhkan pembangkang dan sebagainya.

Jangan kata. Itu yang saya minta. Konsisten. Semalam, suara PAS dalam hal ini mengutuk peperangan di Afghanistan kita tahu, untuk mencari mileage. Saya tahu hari Jumaat, besok Tuan Yang di-Pertua, Mursyidul Am PAS kononnya akan mengepalai sembahyang hajat di depan American Embassy. Apa ertinya, provokasi.

Memprovokasi supaya kita ini dilanggar oleh terrorist. Saya tidak mahu.

Tolong nafikan, saya tadi Tuan Yang di-Pertua patutnya ada mesyuarat di satu bangunan di Yap Kwan Seng. Di claster pejabat-pejabat Phileo Allied. Apabila dapat panggilan bom trek habis bertempiar lebih kurang empat ribu orang sampai hari ini tidak boleh masuk pejabat. Dan dia mengatakan datangnya dari KMM.

Telefon, "assalamualaikum. Pejabat anda ada bom". Dah tak cukup tu dia kata tiga kali telefon. Setengah jam lagi "assalamualaikum." Pergilah ke Jalan Yap Kwan Seng sekarang ini, bertempiar rakyat sekarang. KMM.

Adakah PAS besok mahu pergi sembahyang Jumaat di depan kedutaan, Embassy, sembahyang hajat untuk membebaskan negara ini daripada terrorism.

Saya syukur. Tetapi bebaskan PAS dahulu daripada satu stigma bahawa PAS terbabit dengan KMM.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih atas sorakan teman-teman daripada UMNO dan Barisan Nasional. Saya rasa satu analisis yang cukup tidak bijak walaupun daripada kakanda saya yang sudah veteran di dalam Parlimen ini. Umpamanya, kita katakan dengan mengambil kira mungkin dua, tiga orang ataupun dua, tiga kerat yang masih belum dibuktikan secara mahkamah, yang ditarik sembunyi-sembunyi, tidak hendak bawa dalam mahkamah. Sepatutnya bawalah ke mahkamah terbuka. Sudah ada beribu-ribu mahkamah terbuka, masih juga hendak guna mahkamah tertutup. Yang ini saya tidak faham, itu nombor satu.

Yang kedua, kalaulah dan sekiranya ada satu atau dua kerat, bila satu atau dua kerat yang melakukan itu lalu diikat dengan pertubuhan ataupun jemaah yang besar, saya rasa ini tidak betul. Umpamanya saya katakan kalau sekiranya akhir-akhir ini komando-komando banyak terlibat dengan merompak, adakah kita hendak mengatakan institusi komando itu institusi merompak? Ini tidak betul.

Begitu juga dengan beberapa pemimpin-pemimpin kanan UMNO yang terlibat dengan rasuah. Adakah patut bagi saya mengatakan semua kawan-kawan UMNO rasuah? Tidak patut!

Sebab itu kita tidak mahu menggunakan asas itu. Sebab itu kita kena faham, satu, dua, tiga orang mungkin berlaku. Begitulah juga dengan peristiwa di Bukit Jenalek, awal-awal Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus menuduh bahawa PAS yang terlibat, tetapi bila Yang Berhormat Ketua Pembangkang daripada Pendang siasat, ada 300 orang ahli UMNO dalam Al-Ma'unah.

Jadi, kita jangan wujudkan suasana maknanya satu, dua, tiga kerat, terus hendak menuduhkan jemaah yang besar. Jemaah tidak terlibat, organisasi besar tidak terlibat. Sebab itu saya merasakan, Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalankah?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Oleh kerana saya diberi masa cukup, ini kita sudah melelong banyak. Saya tidak takut. Yang sebenarnya, empat-empat orang ini mana-mana universiti saya cabar. Empat-empat ini mana-mana

universiti saya cabar mari kita berdebat di mana-mana universiti. Boleh? Di mana universiti kita hendak?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Di mana universiti kita hendak? Universiti mana?

Okay, tidak mengapa, kita debat. Okay tidak mengapa. Kita debat di universiti, saya tidak mahu di sini, saya hendak di universiti, biar semua orang tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Cukuplah Ahli-ahli Yang Berhormat, cukuplah. Cukuplah Ahli-ahli Yang Berhormat, cukuplah.

Beberapa Ahli: *[Riuh]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, cukuplah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sekarang ini kita hendak meneruskan bahawa selalunya produk-produk ini mesti untuk mempopularkan satu-satu tempat,... *[Keriuhan reda]*.

Kita bertenang belaka dah ini! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Untuk mempopularkan satu-satu tempat, maka kita mestilah umpamanya kalau kita katalah, keropok losong sebagai satu sampel. Bila kita katakan keopok losong, losong itu tidak ramai orang tahu, kalau kita hantar ke Thailand, Thailand tidak tahu losong, dia tahu Malaysia sahaja, mungkin produk ini produk Malaysia.

Jadi, sekarang ini kalau boleh dalam pada masa yang sama, dalam kita hendak mengeluarkan produk-produk tempatan yang mana perlu dimainkan secara kolektif oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, ketiga-tiga ini dan juga mungkin Kementerian Luar Negeri memainkan peranan supaya produk-produk kita ini mendapat tempat di luar-luar negara pada masa yang sama juga memperkenalkan negara kita untuk expect dan juga tarikan pelancongan.

Tuan Wong KamHoong: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalankah?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya ingat masa sudah tidak mengizinkan,

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Yang Berhormat Larut. [*Yang Berhormat bagi Jeli duduk*] Ha, dia beri jalan pula.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasihlah Yang Berhormat. Kita hendak berhujah politik di tempat lainlah ya.

Fasal produk ini, saya hendak tanya satu kepada Ahli Yang Berhormat. Hari ini PAS telah pun mengambil alih Kerajaan Negeri Terengganu. A&W adalah makanan segera milik Kerajaan Terengganu. Tolong Yang Berhormat sebut sedikit apa identitinya Yang Berhormat sebut tadi yang sibuk kata di luar negara tidak ada lambang Malaysia dan sebagainya. Saya hendak tanya A&W itu yang dimiliki oleh TDM apa identitinya? Ini cakap tidak serupa bikin. Jadi, minta penjelasan sedikit tentang A&W ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah, ya. Ya, sila jawab ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Larut. Jadi, saya ingin membuat penjelasan tentang TDM ini kepada Tuan Yang di-Pertua, dan teman-teman Ahli Dewan sekalian. TDM ini bila kita ambil, kita pun terkejut rupa-rupanya teruk sangat rugi. TDM ini bila kita ambil rupa-rupanya satu kedai saya beritahu ini, satu kedai yang Kentucky Fried Chicken sewa di tingkat bawah RM6,000, tiba-tiba TDM sewa di tingkat tiga, RM18,000. Banyak berlaku, kita lihat penyelewengan dalam TDM sehingga menyebabkan kerajaan baru yang hendak mengambil alih memang tidak berhasrat dah hendak continue. Fasal apa kita hendak tukar-tukar jenama? Memang kita hendak let go dah, hendak jual, memang kita hendak let go, hendak jual dan kita telah pun menjual. Alhamdulillah.

Kita telah pun menjual TDM dalam tidak sampai dua tahun kita pegang kerana memang kita tidak berhasrat hendak memegang biawak hidup. Sebab itu sekarang ini saya menceritakan bahawa

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [*Bangun*]

Tuan Wong Kam Hoong: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada dua yang bangun ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Shah Alam dahulu. Shah Alam.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat Jeli. Tadi Yang Berhormat Jeli banyak mengatakan bahawa TDM

dan banyak lagi gambaran seolah-olah Kerajaan Barisan Nasional sebelum PAS ambil alih di Terengganu ini banyak melakukan penyelewengan.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, setakat hari ini berapa laporan polis yang telah pun dibuat terhadap penyelewengan tersebut? Jangan hanya cakap-cakap retorik sahaja. Kalau ada bukti yang sah dan nyata, ambil tindakan, jangan menggunakan Dewan yang mulia ini, untuk mendapat political mileage kepada benda-benda yang tidak betul. Jangan cakap tidak serupa bikin.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih kepada penjelasan yang cuba dipohon oleh Shah Alam, bahkan Kerajaan Terengganu merupakan kerajaan yang pertama di negara kita yang mewujudkan satu unit yang dinamakan Unit Hisbah dan Unit Hisbah telah pun mengumpulkan dokumen-dokumen dan data-data untuk membuat pendakwaan dalam waktu-waktu yang terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat daripada Jeli. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bahawa pimpinan UMNO negeri Terengganu sekarang ini apabila telah ditumbangkan mereka diberi kuasa untuk mengagih-agihkan wang ihsan.

Dan di kalangan ini bukan percakapan di kalangan ahli-ahli daripada PAS ataupun Keadilan, tetapi ini adalah percakapan di kalangan ahli-ahli UMNO sendiri, yang mempersoalkan kewibawaan kepimpinan UMNO Terengganu yang menyeleweng dalam pembahagian wang ihsan ini yang menyebabkan Bendahari Perhubungan UMNO Negeri Terengganu meletak jawatan dan juga Timbalan Pengerusi UMNO Negeri Terengganu telah ambil cuti belajar dan sekarang ini dijawat oleh Setiausaha Perhubungan Negeri Terengganu. Jadi, sekarang ini kepimpinan UMNO Negeri Terengganu yang diamanahkan untuk membahagikan wang ihsan yang kononnya untuk dibahagikan terus kepada rakyat hari ini telah digembar-gemburkan dan dicakap-cakapkan oleh orang UMNO sendiri telah menyeleweng wang ihsan sebanyak lebih kurang RM50 juta.

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada sangkut dengan perkara yang dibincangkan sekarang ini? Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya kira penjelasan itu telah diberikan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman yang juga datang dari Terengganu.

Jadi, saya ini jauh sedikit, jadi apa yang diberitahu itu lebih afdal, lebih jelas daripada apa yang saya hendak beritahu. Silakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan minta penjelasan. Cuma hendak merayulah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tolong bekerjasama sebab perbincangan ini tidak ada kaitan langsung dengan tajuk yang asal, jadi sila campur tanganlah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okay, baiklah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sebagai seorang yang ingin berbudi, orang tanya kita janganlah mengecilkan hati mereka. Mereka hendak dapat penjelasan, kita tolong beritahu, nanti kecewa pula. Jadi, terima kasih atas nasihat, sepatutnya nasihat ini ditumpukan kepada semua Ahli Dewan ini.

Jadi, saya asalnya memang trend saya memang macam itu, saya memang pergi kepada Rang Undang-undang Petunjuk Geografi, cuma saya unguik sedikit sejarah bagaimana tentang Petunjuk Geografi ini telah lama berkembang dahulunya, cuma mungkin kita ini agak lewat sedikit, 1,453 tahun baru nampak kita beria-ia. Tetapi saya hendak beritahu bahawa bila mana kita sebut Akta Petunjuk Geografi, seperti mana yang dibawa oleh Gelang Patah, kita punya asas mesti kukuh.

Asas kukuh kerana lebih kepada kita punya Akta Petunjuk Geografi ini. Selain daripada memperkenalkan tempatan itu ialah kita hendak mempromosikan barang-barangan kita. Kita hendak promosi barang kita. Jadi, hendak promosi barang kita ini bukan senang. Bukan satu perkara yang mudah. Sebab apa? Kita bersaing dalam pasaran global, dan bila ditanya pasaran global, sukar untuk kita berdepan dengan the giants, gergasi-gergasi dunia yang sekarang ini sedang sibuk untuk telan menelan di antara satu sama lain untuk menjadikan ianya lebih besar. Sebab itu kita lihat bank-bank yang kedudukan dahulu nombor tiga dalam dunia, bergabung dengan nombor enam dalam dunia, untuk menjadi yang terbesar dalam dunia; begitu juga syarikat-syarikat jenama telefon, yang sudah pun bergabung antara continent, sudah beli membeli untuk menjadikan satu syarikat yang bersifat global.

Jadi, bila mana kita melihat bahawa syarikat-syarikat yang begitu popular umpamanya syarikat komputer Hewlett Packard sekarang membeli Compac walaupun mereka itu satu produk yang sama tetapi membeli untuk meluaskan pasaran. Jadi, kita harus faham bahawa basis ataupun premis yang kita hendak bincangkan ialah kita hendak mempromosikan barang kita.

Jadi, mungkinlah dengan menggunakan sedikit akta ini, kita dapat manfaat, kita memperkenalkan tempat kita, tetapi hakikatnya kita kena ingat bahawa sukar untuk kita bertembung, berlawan secara frontal, dengan izin, dengan produk-produk yang telah pun established dalam market.

Sebab itu kita faham masalah yang dihadapi oleh kerajaan umpamanya, dalam kes Proton. Dalam kes Proton, saya difahamkan umpamanya Turki dahulunya merupakan satu pengedar yang cuba menjadi pengedar yang besar, pengedar kepada kereta Proton di Turki dan telah disiarkan secara langsung di negara kita dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, liputannya secara meluas di mana ditunjukkan Proton melanggar cermin yang pecah. Dan akhirnya saya difahamkan daripada teman-teman di Turki kebanyakan kereta -kereta Proton tersebut terpaksa dihantar balik ke negara kita.

Itu maklumat yang saya terima daripada teman-teman peniaga dari Turki. Sebab itu, kita perhatikan bahawa sekarang ini sebelum kita hendak mempromosikan produk-produk kita, kita hendaklah memastikan bahawa kualiti kita memang kualiti yang tidak dipertikaikan oleh bakal-bakal pembeli.

Kerana sekiranya mereka berpuas hati dengan kualiti kita, maka insya-Allah, mereka akan menggunakan produk kita secara berterusan. Yang kita bimbang umpamanya, apalah guna ada pada nama sekiranya cuba produk sekali orang cuba tidak mahu cuba lagi, jadi nama pun tidak memberi kesan dan manfaat yang kita hasratkan.

Tuan Yang di-Pertua; Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ayahanda saya, sila.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Oh, mengaku. Bila jadi menantu?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih menantu saya [*Ketawa*] Yang Berhormat daripada Jeli.

Saya ini minta maaf, Yang Berhormat ini kalau bercakap saya nampak Yang Berhormat macam tidak ada salahlah, macam malaikat. Habis semuanya orang semua salah, cuma saya hendak tanya ini, Yang Berhormat: Yang Berhormat cerita fasal Proton dekat Turki. Yang Berhormat sebut, "Saya dengan rakan-rakan saya di Turki banyak certa dibawa balik". Mana boleh cakap dengan tidak ada bukti? Ceritalah jenis apa bawa balik, berapa buah bawa balik, kapal mana bawa balik, ha

barulah sedap cakup. 80 biji sudah bawa balik, ada dekat Shah Alam. Ini main selapu sahaja, ala macam dekat pasar borong!

Terima kasih Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya memang ada hubungan yang intim dengan ini. Jadi, saya hendak beritahu bahawa pertama sekali, sebelum kita tekan kepada geografi, kualiti kita mesti jaga supaya bila ada kualiti, insya -Allah akan mendapat minat yang berterusan.

Di samping itu, saya hendak pohonlah kepada pihak kementerian supaya memerhatikan beberapa aspek tertentu umpamanya, kadang-kadang kita bimbang, sesetengah orang itu cuba mengambil kesempatan, umpamanya bila mana dia tahu produk itu kadang-kadang kita punya masyarakat - tradisi kita ini - sebenarnya yang kita kata martabak yang popular, martabak Pak Din, dan juga beberapa produk makanan yang popular. Tetapi oleh kerana mereka tidak nampak dan saya fikir setakat ini kefahaman masyarakat perniagaan kita masih belum sampai ke tahap itu lagi, yang dia rasa perlu kepada mendaftarkan produknya.

Kita bimbang nantikan ada orang-orang lain yang mungkin merasakan perkara ini penting untuk didaftarkan produk tersebut. Disebut tempat dia dan rupanya produk itu kini sudah ada di tempat lain. Oleh kerana mungkin awareness, dengan izin, masyarakat setempat tidak ada, diambil kesempatan oleh masyarakat tempat lain.

Jadi, kalau boleh pihak kementerian tolonglah juga tengok-tengok mungkin akta ini lepas ini akan menjadi popular. Kita memang tahu dan maklum, semua akta-akta yang dibentangkan pada minggu ini di Parlimen memang akan menjadi satu akta yang agak dominan kerana kita akan dapati bahawa masyarakat pedagang antarabangsa akan mengambil kesempatan daripada lulusnya akta ini nanti. Kerana saya fikir yang dapat banyak manfaat daripada akta-akta yang kita bincangkan dalam Dewan ini, pada keseluruhan minggu ini adalah akta-akta ini memang tekanan umumnya lebih kepada tekanan antarabangsa. Tetapi bagi diri kita saya rasa kita umumnya mendapat impak atau kesan yang tidak begitu besar kerana persediaan kita itu belum cukup.

Saya bimbang nanti kerana umpamanya kadang-kadang kita melihat kepada sejarah, kesilapan itu menjadi satu sejarah bagi kita. Umpamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, pada tahun 1990 semasa hendak menubuhkan MSC beria-ia dia menyebut tentang globalisasi, globalisasi, globalisasi. Memang

betul kita sudah sedia maklum, globalisasi ini kita sudah tidak boleh lari, kalau kita tutup kita akan jadi macam Myanmar. Kita tidak boleh lari.

Sekarang ini dunia tanpa sempadan, dia semua sudah menjadi globalisasi, sebab itu saya fikir dalam kita beria-ia menyebut globalisasi, tetapi kita tidak bersedia, itu yang kita bimbang, nanti kang kita tewas, belum masuk pusingan pertama kita sudah tewas.

Sebab itu saya fikir kerajaan tolonglah tengok, patriotik sedikit sebanyak kepada masalah negara kita. Saya ingat waktu pun sudah cukuplah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jadi, saya rasa terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya dan teman-teman yang mendapat respons yang cukup baik pada tengah hari ini. Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Tambun.

12.59 tgh.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja ucapan saya. Oleh kerana rang undang-undang ini adalah terakhir dalam siri rang undang-undang consequential mengenai dengan harta intelek, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana menubuhkan perbadanan harta intelek untuk menjaga industri yang terlibat dengan harta intelek.

Saya berharap dengan adanya satu perbadanan yang specialised, produk-produk yang terlibat dengan harta intelek ini dapat kita kembangkan dan perbadanan ini juga dapat memainkan peranan ...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, sila sambung pukul 2.30 petang.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Yang Berhormat Tambun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya cuba menyatakan bahawa perbadanan ini mempunyai peranan penting dan saya berharap bukan sekadar untuk mendaftar perkara yang terlibat dengan harta intelek, namun memainkan peranan penting dalam menyelaraskan semua agensi kerajaan ke arah kita dapat memaksimumkan harta intelek ini yang mana kita bersetuju merupakan satu perkara yang akan menentukan daya saing negara kita.

Berbalik kepada Rang Undang-undang Petunjuk Geografi ini, saya bersetuju dengan pandangan rakan-rakan bahawa produk yang beridentitikan petunjuk geografi mempunyai identiti yang agak kekal jika dibandingkan dengan yang lain menggunakan brand dan sebagainya. Seperti mana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam bahawa jangka hayat untuk reka bentuk industri dan sebagainya itu pendek, tetapi yang beridentitikan petunjuk geografi, ia jangka panjang dan kekal dan tidak mudah untuk diganti.

Saya ambil contoh umpama dari segi cerut. Awal tahun ini bila saya pulang daripada persidangan di Cuba, saya bawa balik cerut. Saya singgah di beberapa negara dalam perjalanan balik dan bila tiba di airport, orang negara lain menawarkan untuk menjual cerut. Saya kata saya dah bawa cerut Havana dan dia terus mengaku kalah dengan cerut Havana.

Begitu juga dari segi buah tamar. Kita ada Californian dates, kita ada Madinah dates, terutama petunjuk geografi ini melibatkan produk-produk *agriculture*. Ia melibatkan perasa (*taste*). Dengan itu tidak mudah untuk diganti dan mempunyai jangka hayat yang agak kekal. Katalah jika kita dapat wujud koko Malaysia umpamanya, dan orang akan cari koko Malaysia. Sehubungan dengan itu di sinilah saya berharap sesuatu harus kita lakukan untuk memastikan kita dapat benefit dari segi produk-produk kita yang beridentitikan kepada petunjuk geografi.

Jadi sehubungan dengan itu, mungkin kita tidak mempunyai data mengenai dengan petunjuk geografi. Oleh itu, saya memohon daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya dapat kita tahu dan kita membincangkan bagaimana kita hendak memperkuatkan lagi produk kita beridentitikan petunjuk geografi. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, pada peringkat ini berapa banyakkah produk kita sebenarnya yang telah didaftar, kalau tidak pun yang

didaftar, yang telah dipasarkan, pertama, dalam negara kita yang berasaskan petunjuk geografi. Kedua, berapa banyakkah produk kita yang telah kita pasarkan di dunia antarabangsa dalam pasaran global yang berasaskan kepada petunjuk geografi.

Umpamanya, Selangor Pewter salah satu daripadanya. Kalau kita lihat dari segi pertandingan boling Asia, boling yang dipertandingkan di Malaysia, Singapura, Thailand dan sebagainya, Selangor Pewter merupakan sponsor terbesar dan juga terkenal. Jadi, selain daripada Selangor Pewter, manakah produk-produk yang menggunakan identiti petunjuk geografi, yang telah tembusi di pasaran antarabangsa. Dalam konteks kita berhadapan dengan struktur ekonomi yang berubah terutama seperti mana semalam saya nyatakan selepas World Trade Center, bagaimana kedudukan produk-produk kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Seri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat dari Tambun. Akta Petunjuk Geografi ini bolehkah tidak sesetengah orang melakukan penyelewengan, penipuan, pembohongan, peniruan, penyamaran, pemalsuan. Ambil contoh, sate Kajang [ketawa] sebut sate Kajang, memang sesetengah-setengah orang meleleh air liur. [Ketawa] Daripada Bukit Mertajam dia datang hendak makan. Ini misalan, dari jauh pun boleh datang, contoh sajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat patut sebut pau Air Hitam. [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu memang terkenal Tuan Yang di-Pertua, pau Air Hitam, pekan di kawasan saya. Saya tidak hendak macam masuk bakul angkat sendiri. Jadi, saya contohkan tempat lain. Dan setengah-setengah sate itu tidak sedap di Kajang ini, mengecewakan. Siapa yang punya betul-betul yang dikatakan sate Kajang dan sebagainya. Macam juga orang di Singapura. Orang Singapura kalau disebut durian Segamat ho, ho, ho, ho, Tuan Yang di-Pertua pun biasa dengan durian Segamat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Segamat terletak di mana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Johor, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kampung saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, saya tahu, sebab itu saya misalkan Segamat. Hebat, ini geografilah, Segamat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat soalan, keluarkan soalan. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini belum Sipitang punya anu lagi, belum terubuk di Batang Lumar lagi. Terubuk Batang Lumar, rambai di Sipitang, cempedak di Sungai Benut, belum lagi ni, tetapi nama-nama ini boleh tak menggunakan nama-nama ini membuat pemalsuan, penipuan, walhal sebenarnya entah sate-sate mana yang disebutkan, sate Kajang, di mana-mana juga sate Kajang. Seperti kata Tuan Yang di-Pertua, pau Air Hitam yang begitu sedap dan lazat, ho, sekali makan hendak dua, boleh sajalah tidak tahu orang mana. Mana tahu kita tidak tahu di mana-mana yang meniru dia, macam mana itu? Siapa kontrol, siapa yang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, yang ini simpan untuk perbahasan masa depanlah, soalan terus.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terus soalan ini, saya bertanya dia, Yang Berhormat, Okay, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat banyak yang meragukan. Persoalannya di sini siapakah yang bertanggungjawab untuk membetulkan penipuan berlaku. Penipuan sebenarnya banyak. Mi bandung Muar, sate Madura, di Madura sate pun tidak ada. Kemudian, durian Bukit Gantang. Macam limau Tambun, ia betul di Tambun. *[Ketawa]* Berbangkit kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sri Gading, kalau saya lihat dari segi akta yang melibatkan harta intelek ini lebih kepada pemilik yang memainkan peranan. Adakah kita mesti melihat dalam konteks pemilik memainkan peranan ataupun sebagai satu agensi kerajaan patut menguatkusakan, kerana kita tahu perkara-perkara ini memang tidak betul. Umpamanya kacang Menglembu. Sebenarnya di Menglembu sudah tidak ada kacang, semua sudah ada housing. Kacang itu diimport daripada Thailand ataupun daripada Taiwan, Vietnam, kemudian dibuat dan digunakan nama kacang Menglembu, ini *misleading*. Saya katakan *misleading* kerana dahulu kacang Menglembu ia besar sikit, kita makan rasa lemaknya, sekarang ini ia kurus sahaja, dan ia menggunakan nama Menglembu dan ini boleh memburukkan nama Menglembu. Siapa yang bertanggungjawab atas perkara ini. Jadi, saya berharap perkara ini dilihat oleh pihak kementerian.

Saya percaya dalam soal-soal yang jelas benda yang melibatkan pemalsuan, penipuan, pihak kerajaan yang harus mengambil tindakan melalui agensi-agensi penguatkuasaan. Jangan kita tunggu kepada rakyat atau kepada pemilik untuk melaporkan kepada kerajaan baru mengambil tindakan. Kita mesti bersihkan negara kita daripada elemen-elemen yang tidak betul yang terkeluar daripada etika yang sepatutnya di negara kita barulah kita boleh menjadi masyarakat yang lebih hebat lagi.

Tadi saya menyentuh mengenai soal produk kita yang berunsur atau beridentitikan kepada petunjuk geografi di peringkat domestik dan di peringkat antarabangsa. Soalan ketiga mengenai dengan perkara ini, adakah pihak kerajaan telah mengenal pasti pula ada atau tidak produk-produk yang telah berjaya di peringkat domestik ini yang sudah tunggu masa untuk dipasarkan ke peringkat luar. Dahulu saya ingat kita cuba untuk buat satu Malaysia, tetapi entah macam mana masalah hendak mendapat brand dan sebagainya. Satu laporan dibuat memakan perbelanjaan besar, saya ingat lebih RM1 juta tetapi tidak menjadi. Sekarang ini adakah produk-produk yang telah kita kenal pasti yang boleh dipasarkan.

Mengenai dengan soal pemasaran produk, Tuan Yang di-Pertua, kita sebenar ada dua model. Satu model berasaskan kepada sistem pasaran bebas atau market ekonomi yang diamalkan oleh negara Barat, ini tidak dicampur tangan kerajaan. Tetapi dunia Barat telah sampai kepada peringkat sekarang setelah dua ratus hingga tiga ratus tahun melalui evolusi ekonomi. Kemudian, dunia Asia ini kita ada model kita di mana kerajaan yang membantu dalam soal promosi. Dunia Barat tidak bersetuju kerana apabila satu-satu produk dengan pertolongan kerajaan dapat dipasarkan ke peringkat antarabangsa ini akan menjejaskan produk kepada negara-negara Barat.

Kita tahu di Jepun sekarang ini berlaku satu penyusunan struktur ekonomi. Kalau dahulu Kerajaan Jepun membantu syarikat-syarikat ini tetapi oleh kerana kejatuhan ekonomi Jepun, atas desakan daripada WTO dan sebagainya, Jepun cuba membuat penyesuaian dan bukan mudah membuat penyesuaian market ekonomi ini sendiri. Maknanya, sektor swasta sendiri yang memainkan peranan untuk memasarkan ke peringkat global ini sukar untuk dilakukan. Jadi, saya masih lagi mengambil sikap bahawa oleh kerana kita dalam proses awal kita hendak memasarkan produk kita, kita perlu kepada kerajaan untuk memainkan peranan.

Pemasaran produk ini memerlukan kepada banyak stages. Dari segi penyelidikan sampai kepada menyiasat keperluan consumer di peringkat dunia.

Jadi sehubungan dengan ini saya berharap kerajaan akan mengenal pasti mana produk-produk kita yang mempunyai identiti petunjuk geografi yang boleh kita pasarkan ke luar negara kita dan kerajaan bersama sektor swasta tersebut memainkan peranan untuk memasarkannya. Ini adalah kerana kita mesti ingat kejayaan ekonomi ini akan menentukan masa hadapan negara kita dan peranan ini mesti dimainkan oleh kerajaan dan juga oleh pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan soal produk yang berunsurkan kepada identiti petunjuk geografi. Oleh kerana sebahagian besar produk ini adalah dalam bidang pertanian, kita telah melalui satu proses sama ada betul atau tidak, kita tidak boleh menyalahkan sesiapa. Kerana pada masa kita membuat sesuatu strategi ataupun sesuatu polisi, kita rasa itu yang betul tetapi akhirnya yang akan menentukan betul atau tidak sejarah dalam satu jangka waktu yang panjang mungkin 50 tahun hingga 100 tahun.

Oleh sebab petunjuk geografi ini berasaskan kepada produk-produk pertanian, kita dapati kita melalui satu proses perubahan, tanah-tanah pertanian telah diambil alih untuk tujuan pembangunan, industri dan daripada industri melalui proses ancillary dan pertumbuhan kepada komersial dan juga kepada residential maka hilanglah produk-produk agriculture ini. Di mana saya nyatakan tadi, kacang Menglembu sudah hilang selama-lamanya, tidak akan dapat kita cari balik kerana kawasan itu telah diambil alih.

Di sini kita inginkan pihak kementerian dan kerajaan melihat umpamanya macam limau Tambun. Dia bukan satu kesalahan dia wujud di situ, ini adalah satu anugerah daripada Allah S.W.T. Di dalam negara kita tidak ada satu tempat sebaik itu. Tanah granit yang dicampurkan dengan adanya batu-batu land stone di sekeliling, dengan airnya, ini meletakkan kawasan ini kawasan yang cukup superior di dunia dari segi menghasilkan limau Tambun.

Saya berasaskan pengalaman Tuan Yang di-Pertua, saya pergi banyak negara dan saya akan rasa limau dia, limau bali, saya akan rasa dan saya tidak merasa limau yang semanis limau Tambun dan sebagai testimoni kepada apa yang saya kata ini betul, setiap tahun ramai researcher daripada Jepun, daripada Eropah, daripada Taiwan dan banyak negara datang membuat research di situ.

Apakah dia formula kepada kejayaan limau Tambun ini. Akhirnya teknologi yang menghasilkan limau Tambun ini tidak boleh dipindahkan. Ada kerajaan berusaha untuk dipindahkan ke Perlis, tidak boleh kerana cuacanya lain, pasirnya lain, tanahnya lain dan *landscaping* nya lain. Jadi, di sinilah satu anugerah Allah S.W.T kawasan yang seluas 300 ekar lebih sahaja, tidak menyusahkan orang, satu yang membanggakan saya, membanggakan negeri Perak, malah membanggakan negara, kerana limau Tambun inilah salah satu daripada eksport terbesar negara kita.

Kalau siapa hendak pergi ke Ipoh sekarang ini tidak akan dapat berjumpa limau Tambun sebanyak dahulu kerana sebahagian daripada tanahnya telah diambil alih untuk perumahan. Untuk tujuan apa, rumah boleh dipindahkan ke mana-mana. Berasaskan kepada strategi yang betul, kita buat bandar, kita adakan lay out, ada jalan dan sebagainya, kawasan itu akan menjadi makmur. Putrajaya tidak pernah kita fikirkan hendak menjadikan satu bandar yang makmur. Dahulu kita panggil Prang Besar untuk kawasan tersebut. Kita anggap ia kawasan hantu tidak ada apa tetapi melalui strategi manusia yang telah dianugerahkan oleh Allah S.W.T kita dapat membangunkan.

Bermakna bukan priority kita beri kepada housing kepada satu kawasan yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. kepada kita manusia untuk kita bangunkan, kita jaga diberi nikmat makanan selepas itu dieksport dan cukup terkenal. Orang daripada Singapura kalau dia lalu di kawasan Ipoh kalau tidak pergi ke kawasan limau Tambun macam tidak datang ke Malaysia. Begitu important nya limau Tambun ini. Jadi, saya berharap kepada kerajaan, kita melindungi satu heritage kita dan heritage ini pula kita hendak dipersembahkan pula kepada generasi akan datang.

Ia tidak menyusahkan sesiapa. Kalau kita berfikir dalam satu kawasan pembangunan, kita ada kawasan industri, pusat pentadbiran, ada kawasan komersial, kawasan perumahan kita rasa bahawa pertanian ini tidak lagi compatible, itu pemikiran kita yang salah. Compatibility ini berdasarkan kepada persembahan kita. Saya pergi ke Fukuoka, di Fukuoka dia blend di antara bandar dengan kawasan pertanian. Tempoh hari kita cuba hendak menanam padi di atas bangunan tiga tingkat, cuba hendak buat tetapi tidak boleh kerana kita membuat satu kesilapan, kita kata ini idea kita. Bila kita kata ini idea kita, seolah-olah perkara baru, orang tidak percaya boleh berjaya. Sebenarnya idea ini idea Jepun. Di

Fukuoka, di tengah-tengah pekan banyak di bangunan tiga tingkat, menanam padi di atas bangunan. Tetapi kita kata ini kita punya, jadi orang kata benda baru mana boleh, tetapi kalau kita kata kita mengambil teknologi daripada Jepun, saya percaya sudah berjaya di negara kita.

Tidakkah kita boleh mengadakan blend semacam itu, kawasan perumahan, kawasan industri, kawasan komersial dan ada kawasan pertanian. Jika kita rasa pertanian ini adalah satu yang menyusahkan kita dari segi bau dan sebagainya, kita gunakan teknologi moden, menggunakan organik, baja organik, kita tutup dengan plastik. Di negara lain membuat begitu. Saya tengok di China saya bangga melihat macam mana dia blend, dia buat satu bandar macam di Holland, di negara China kata 'Mohd. Apandi Al-Jeli' tadi, dia kata tidak ada hendak identiti lain, itu ada di China, dia buat beridentitikan Holland. Kemudian dia blend dengan kawasan pertanian dan cukup elok, orang semua suka pergi ke situ.

Jadi saya berharap kerajaan mesti memainkan peranan. Jangan kita terpengaruh dengan pemaju-pemaju perumahan menjanjikan pelbagai dan akhirnya banyak rumah yang tergendala. Dia menjanjikan kita tetapi banyak yang tergendala, dia janjikan hendak memberi premium kepada kerajaan tergendala tetapi orang yang terlibat dalam soal pertanian, terus mencangkul, menggunakan teknologi dia, kalau dengan pertolongan kita pula boleh ditingkatkan.

Sehubungan itu saya berharap oleh kerana kawasan-kawasan yang melibatkan petunjuk geografi ini kadang-kadang begitu rare, tidak begitu banyak, kerajaan mesti mempertahankan dan kita up grade. Limau Tambun saya rasa boleh di up grade. Saya sudah tengok daripada segi infrastruktur kita buat jalannya elok, pagar dia sekarang sistem wire fencing itu kita tukar, letak batu beri cantik betul-betul, akan menjadi pusat pelancongan. Kita buat jalan. Sekarang ini high way dia lalu tidak lalu ikut situ dan ini merugikan opportunity kita atas sikap egoistik kita merasakan, high way ini mesti macam itu, dia tidak boleh macam lain.

Saya tengok ditempat lain, macam-macam jenis high way tetapi bagi kita high way mesti macam itu. Kita punya mentaliti very narrow minded, high way mesti macam itu. Akhirnya tempat-tempat yang ada economic strength tertinggal kerana sikap mentaliti kita, high way mesti macam itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perkara ini diberikan perhatian.

Di samping itu kita mesti memperkukuh teknologi kita. Kita lihat di California dia menghasilkan wine, kita tidak minum wine. Dia menghasilkan wine dan ada

universiti di situ melahirkan tenaga pakar untuk menjaga industri ini. Lain orang tidak boleh produce wine kalau dia produce macam mana baik pun orang sudah terasa...., saya bercakap bukan berdasarkan apa, saya berdasarkan kepada pembacaan saya. Kalau sudah rasa dia suka yang itu, dia tidak mahu yang lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Ketawa]* Dia punya cara itu lain sedikit. Cara "Ya" itu lain sedikit *[Ketawa]* Maksud lain ada itu. Kita ada pelbagai...*[Ketawa]* ...Buah tamar umpamanya, tanyalah orang yang pergi ke Mekah dan ke Madinah, dia tidak mahu buah tamar California, pada hal buah tamar California bukannya tidak baik, cukup baik. Tetapi apabila dia lihat buah tamar California, dia nampak, buah tamar India pun dia tidak mahu.

Perkara yang boleh kekal untuk jangka panjang, kita mesti develop kepakaran kita. Macam kelapa sawit saya rasa kita kehilangan daya saing kerana kita tidak develop kepakaran kita. Sepatutnya sekarang, sekarang kita sudah ada end product, produk hiliran yang pelbagai. Kalau kita kata hendak menghasilkan diesel, sepatutnya kita sudah ada tetapi kita tidak ada kepakaran. Sebuah negara yang menghasilkan kelapa sawit terbesar di dunia, tidak ada universiti yang ditugaskan untuk membangunkan kelapa sawit ini. Jadi akhirnya atas sikap kita, kita rasa, "Ah, kelapa sawit ini tidak begitu penting". Kita tidak *develop* kepakaran kita dan kita akan hilang sampai bila-bila sesuatu yang sepatutnya kita ada.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kangar bangun.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya mendengar Ahli Yang Berhormat bagi Tambun kupas dengan begitu panjang lebar mengenai sikap dan mentaliti kita dan saya pernah terdengar pihak-pihak luar mengenal pasti negara kita Malaysia sebagai negara yang mempunyai *first world infrastructure* - dengan izin - tetapi dengan rakyat yang mungkin dengan *third world mentality*. Apakah pandangan Yang Berhormat terhadap pandangan sedemikian rupa? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, ada kebenarannya. Ada kalangan masyarakat yang sudah sampai ke tahap yang selaras dengan perkembangan dunia dan banyak juga ke belakang. Perkara ini perlu kita kaji secara mendalam dan bagaimana untuk membawa ke hadapan.

Kalau kita membuat kajian mengenai dengan proses *modernity* atau proses pemodenan, kita merasa bimbang sebenarnya. Proses pemodenan ini telah membawa kepada pembangunan fizikal yang begitu jauh tetapi pemikiran masyarakat masih lagi ke belakang. Dengan itu antara pembangunan fizikal dengan manusia ini tidak ada keseimbangan. Dia tidak akan jadi *sustainable* untuk jangka panjang dan kalau kita kaji tentang *culture of violence* di mana-mana negara, *culture of violence* sebenarnya banyak wujud daripada masyarakat yang tertinggal ini. Kita kajilah di Sri Lanka, di India, di Pakistan, di Philippines dan di mana sahaja kerana proses pemodenan ini telah meletakkan satu golongan manusia yang tertinggal, yang *confused*, yang susah hidup dan sebagainya. Jadi saya berharap perkara ini diberi perhatian oleh kita semua bagaimana proses pemodenan ini mesti selari dengan proses pemodenan pemikiran masyarakat sendiri.

Saya berbalik kepada isu tadi, Tuan Yang di-Pertua. Dalam sejarah kita, kita telah kehilangan banyak benda. Kita kehilangan biji timah buat selama-lamanya. Dalam bumi kita penuh kekayaan bijih timah, tapi kita tidak *develop* kepakaran itu, sudah hilang; getah, kita hilang; kelapa sawit dalam proses hendak hilang; dan banyak lagi yang kita akan jumpa dan kita akan hilang. Di sini saya menekankan kita tidak sekadar ada satu akta. Orang lain ada akta, kita pun ada akta tetapi kita tidak tahu menggunakannya untuk *develop* prasarana sepenuhnya untuk kita memaksimumkan keuntungan daripada akta tersebut.

Antara yang saya lihat yang perlu pertolongan kerajaan dari segi tanah, *research*, kewangan dan sebagainya ialah bunga dan sayur. Siapa di Singapura tidak kenal sayur Cameron Highland? Tetapi ini akan hilang kerana orang lebih suka kepada pelancongan dan hendak dirikan hotel. Orang sudah mula buat *layout plan* dan akhirnya hotel akan menggantikan sayur. Begitu juga bunga Cameron Highland akan hilang.

Dan ikan, umpamanya, tanyalah orang Eropah di manakah salah satu tempat ikan hiasan yang menjadi sumber kepada mereka. Di tempat kita, di kawasan Gopeng, kawasan yang cukup *well developed* untuk ikan, tetapi kita sedih orang yang menjadi petani kepada mengeluarkan ikan hiasan ini, tanah pun dia tidak dapat. Saya rasa sedih. Sumbangan ikan hiasan daripada kawasan itu hampir kepada RM1 bilion. Cuba kita *develop* betul-betul, kita bersungguh-sungguh. Jangan tunggu dimohon. Kita sendiri *develop*.

Ikan ini termasuk dalam petunjuk geografikah, Yang Berhormat? [*Bertanya kepada Tuan Wong Kam Hoong*] Ikan hiasan, sebab saya sebut kerana di Eropah, oleh kerana dia empat cuaca, ikannya tidak boleh beranak, jadi dia beli daripada kita, kemudian satu jangka hayat dia mati. Ikan kita subur dan beranak. Ini kita boleh *develop*, kita meluluskan tanah, kita buat *research*, kita buat pusat-pusat pelancongan pun boleh. Kadang-kadang kita pergi ke luar negara, pusat pelancongan bukannya hebat sangat, tetapi dia bangunkan kawasan itu, dan ikan hiasan akan menjadi satu identiti kepada kita yang kita boleh *develop*.

Saya percaya banyak lagi produk yang boleh kita *develop* berasaskan kepada petunjuk geografi, dan saya ingin ingatkan petunjuk geografi oleh kerana dia lebih kekal, kita rasa *confident*. Kalau kita sudah ada produk itu berdasarkan petunjuk geografi, orang sudah tidak mahu yang lain, orang hendak yang itu. Di sini kalau kita dapat menghasilkan beberapa produk yang berasaskan petunjuk geografi, kita lebih yakin selama 50 ke 100 tahun akan datang, produk tersebut akan terus hidup untuk dinikmati oleh seluruh rakyat kita.

Saya berbalik kepada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebenarnya ada dalam nota saya tetapi beliau sudah bangkitkan tadi. Tentang penguatkuasaan ini, saya harap kita serius dalam soal ini. Saya tengok durian Bukit Gantang – di Bukit Gantang memang sedap duriannya - orang menggunakan nama durian Bukit Gantang untuk menjual durian yang *sub-standard*. “Kacang Menglembu”, “Sate Kajang”, “Mee Bandung Muar” – di tempat saya dia kata “Ini mee bandung Muar”, tapi bila saya pergi ke Muar, tidak sama – “Mee Bandung” dan “Sate Madura”. Dari segi business makanan segera ini, banyak dia panggil “American Chicken” dan sebagainya. “Mee Mamak” - mungkin mamak sini kerana saya pergi India tidak ada mee pun [*Ketawa*]. Ini dia tidak menjadi petunjuk geografi. Jenuh saya pergi mencari mee tetapi di sana tidak ada budaya jual mee.

Jadi perkara-perkara ini saya berharap kepada kementerian serius untuk melakukan penguatkuasaan bagi memastikan industri dan masyarakat kita bebas dari sikap tipu helah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

3.02 petang

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu

saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong, Teluk Intan, Bachok, Gelang Patah, Jeli dan Tambun. Saya amat menghargai pandangan-pandangan, teguran-teguran dan saranan-saranan yang dikemukakan oleh mereka.

Walaupun pindaan ini cuma sedikit sahaja tetapi nampaknya kita sudah gunakan dua jam lebih untuk membahaskan pindaan-pindaan itu. Ini menunjukkan minat Yang Berhormat semua amat tinggi. Sesetengah Yang Berhormat sedikit keliru dan tidak begitu faham dengan petunjuk geografi ini. Mereka campur adukkan dengan jenama, cap dagangan dan juga ada yang membangkitkan bangsa-bangsa manusia seperti African, American diheret ke dalam perbahasan. Walau bagaimanapun saya cakap sekali lagi tahniah kepada semua Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Kepong membangkitkan beberapa isu iaitu beliau bertanya apakah itu *generic geographical indication*. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ada satu definisi oleh World Intellectual Property Organization (WIPO) iaitu “...*generic geographical indication*...”ialah dengan izin, “...*if a geographical term is used as a destination of a kind of product rather than an indication of the place of origin of that product, this term does no longer functions as a geograpic indication. Where that has occurred in a certain country over a substantial period of time, that country may recognize that consumers have come to understand a geographical term that once stood for the origin of the product, for example the “dijon mustard”, a style of mustard originally from the French town of Dijon to denote now a certain kind of mustard regardless of its place of production*”.

Tuan Yang di-Pertua, petunjuk geografi merupakan petunjuk untuk mengenal pasti sesuatu produk mengikut tempat asalnya dikeluarkan sama ada negara, daerah (*region*) di mana mutu, reputasi dan ciri-ciri barang itu dikaitkan dengan tempat tersebut. Misalnya, labu sayong di negeri Perak yang dikeluarkan, di mana mutu tanah liat (*clay*) yang digunakan diambil daripada daerah Sayong dan ia dibuat dengan kemahiran tertentu penduduk daerah Sayong.

Begitu juga dengan kopi Tenom dari negeri Sabah, beras Bario dari negeri Sarawak, songket Terengganu, lada hitam Sarawak dan lain-lain lagi. Hanya orang yang mengeluarkan produk berkenaan di tempat berkenaan sahaja yang boleh menggunakan nama tempat itu ke atas produk mereka. Penduduk tempatan mungkin ada cara dan kemahiran tersendiri untuk membuat labu sayong yang saya bangkitkan sebagai contoh, yang mereka mewarisi daripada datuk, nenek mereka.

Begitu juga tanah liat yang didapati di daerah itu mempunyai kualiti atau mutu yang tersendiri lain daripada tanah liat di tempat lain, iaitu sesetengah produk yang dikeluarkan di daerah Sayong itu dianggap special kerana kemahiran orang tempatan.

Oleh kerana cara membuat dan bahan yang digunakan adalah mempunyai mutu yang tersendiri dan terkenal, undang-undang Petunjuk Geografi diwujudkan untuk menghalang orang di tempat lain menggunakan nama Sayong untuk mengambil kesempatan ke atas produk keluaran Sayong yang terkenal dan juga untuk mengelirukan pengguna. Itulah satu contoh yang saya berikan untuk kefahaman Yang Berhormat sekalian.

Yang Berhormat bagi Kepong membangkitkan isu iaitu pelantikan Pendaftar Petunjuk Geografi. Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar Petunjuk Geografi tidak ada had masa. Mereka adalah pegawai awam, tetapi pelantikan Pengerusi Lembaga dan ahli-ahlinya adalah selama tiga tahun.

Yang Berhormat bagi Teluk Intan bertanyakan tempoh pendaftaran Petunjuk Geografi. Tempoh yang ada sekarang ialah 10 tahun dan selepas 10 tahun boleh diperbaharui lagi 10 tahun dan seterusnya. Selagi produk-produk ini digunakan atau dikeluarkan, Petunjuk Geografi perlindungan ini akan kekal selama-lamanya dan 10 tahun ini dibandingkan dengan cadangan dan jenama lain ialah sebab ini untuk tujuan pentadbiran pendaftaran sahaja. Yang Berhormat bagi Teluk Intan juga membangkitkan berkenaan dengan menolong pengusaha untuk *road show* dan membantu dalam pendaftaran. Soalan ini akan diambil kira dan program *awareness* kepada pengusaha sentiasa diadakan dari semasa ke semasa terutama kepada pengusaha kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya pun ada latihan dan program kesedaran yang dijalankan oleh Pusat Latihan Harta Intelek. Dengan kelulusan Akta Perbadanan Harta Intelek, kementerian saya akan juga berusaha bersama dengan NGO-NGO untuk meningkatkan kesedaran dalam bidang Harta Intelek. Justeru itu, satu kempen atau *road show* secara besar-besaran akan diadakan dengan Persatuan Industri Kecil dan Sederhana dan *road show* ini akan bermula pada bulan ini dan akan dijalankan seterusnya sehingga tahun depan.

Yang Berhormat bagi Teluk Intan juga bertanya dengan caj yang dikenakan oleh agen. Caj ini tidak dikawal kerana perkhidmatan yang dibuat bergantung kepada kedua-dua pihak iaitu agen dan pemohon mengikut persetujuan di antara

mereka. Pengeluar boleh memohon secara terus tanpa menggunakan agen juga. Yang Berhormat bagi Bachok membangkitkan beberapa isu. Isu pertama Yang Berhormat bagi Bachok membangkitkan ialah ejen yang dilantik, apakah kelayakan mereka? Ejen-ejen yang dilantik mesti mempunyai pengalaman yang sesuai dalam bidang Harta Intelek. Kedua, mempunyai kelayakan asas seperti ijazah dalam bidang berkaitan dan ketiga, beliau adalah seorang peguam yang dinyatakan di bawah *Legal Profession Act 1976*.

Berkenaan dengan fee untuk pembaharuan, memang betul ini tidak disebut di dalam akta ini. Walau bagaimanapun, kementerian akan mengambil tindakan untuk memperuntukkan jumlah fee pembaharuan. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, fee yang dicaj sekarang adalah RM250.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah membangkitkan berkenaan dengan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Walau bagaimanapun, ia terkeluar sedikit daripada tajuk itu. Kementerian saya akan bersetuju dengan pandangan-pandangan Yang Berhormat, iaitu untuk mengembangkan ekonomi negara dan industri-industri kita perlu mempertingkatkan R&D. Sekarang saya nampak industri-industri di Malaysia, mereka cuma memperuntukkan wang sedikit sahaja untuk R&D iaitu tidak lebih daripada 3% daripada pendapatan mereka. Ini sedikit kurang daripada negara yang maju dan saya haraplah pengeluar-pengeluar negara kita atau pengilang-pengilang negara kita akan memperuntukkan lebih banyak daripada peruntukan mereka untuk mempertingkatkan R&D.

Begitu juga Yang Berhormat bagi Jeli membangkitkan isu Proton. Ini tidak ada kaitan dengan akta ini tetapi ada kaitan dengan Akta Harta Intelek iaitu jenama, cap tangan dan sebagainya. Isu-isu ini telah dibangkitkan sebelum ini dan telah dijawab dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kementerian saya.

Yang Berhormat Tambun membangkitkan beberapa isu, iaitu berapakah petunjuk geografi telah didaftar di negara kita. Buat masa ini tidak ada yang didaftar di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengikut perundangan-perundangan akta ini, petunjuk geografi adalah untuk melindungi akaun masyarakat di setempat untuk produk-produk yang dikeluarkan oleh mereka dan kalau mereka hendak daftar mereka boleh daftar, kalau mereka tidak hendak daftar tidak perlu juga. Misal kata labu sayung tidak perlu daftar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Tambun bangun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Saya tanya sedikit Yang Berhormat ya, daftar atau tidak daftar? Kalau daftar untuk melindungi labu sayung kah supaya tidak ada tiruan. Dari segi pandangan Yang Berhormat, perlu atau tidak labu sayung didaftar? OK. Itu saya hendak tanya. Perlu atau tidak.

Tuan Wong Kam Hoong: Kalau di Daerah Sayung ada beberapa pengeluar iaitu labu sayung – pasu dan sebagainya, kalau satu daftar semua dapat dilindungi. Kalau sudah daftar kalau tempat lain atau kawasan lain mengeluarkan produk-produk ini dan memanggil produk-produk ini "labu sayung", maka pengeluar-pengeluar dari labu sayung boleh mengambil tindakan sivil terhadap pengeluar-pengeluar di kawasan-kawasan lain yang pengeluaran mereka tidak ada ciri-ciri yang unik daripada daerah itu.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di Pertua, sebenarnya perkara ini yang saya bangkitkan dalam ucapan saya tadi. Mungkin masyarakat tidak begitu prihatin. Yang Berhormat menyatakan tadi tidak ada yang daftar tetapi ada produk-produk kita yang beridentitikan petunjuk geografi, salah satu adalah labu sayung, macam mana pula peranan kerajaan, oleh kerana rakyat tidak prihatin peranan kerajaan bertanggungjawab hendak memastikan produk tersebut dilindungi dan mempunyai pasaran baik dan masyarakat tidak ditipu oleh penjual-penjual palsu. Jadi di sinilah yang saya nyatakan, macam mana peranan kerajaan. Saya mengambil sikap, tidak guna kita ada akta kalau rakyat tidak tahu dan kita tidak berbuat sesuatu.

O.K. Yang Berhormat kata kita akan buat *road show* dan sebagainya tetapi kita harap pada masa akan datang ataupun sekarang inilah bila kita kenal pasti satu yang sudah cukup baik mengapa tidak kerajaan sendiri pergi menemui mereka, okay daftar, kerana pendaftaran itu menguntungkan kepada orang yang mengeluarkan produk tersebut.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tambun. Akta ini baru dikuatkuasakan pada bulan Julai-Ogos. Banyak pengeluar pun sudah sedar hak-hak mereka dan dengan syor-syor ini kementerian saya harap lebih banyak pengeluar-pengeluar faham pada hak-hak mereka dan tampil ke hadapan untuk mendaftar, tetapi yang saya maksudkan iaitu walau bagaimanapun mereka belum daftar mereka dapat dilindungi di bawah akta ini.

Misal kata 'labu sayung' atau 'kopi Tenom'. Kalau kopi ini bukan daripada Daerah Tenom mereka mengeluarkan produk-produk ini dan memanggil produk-produk ini kopi Tenom maka pengeluar-pengeluar atau petani-petani daripada Daerah Tenom boleh ambil tindakan terhadap mereka yang memanggil produk-produk mereka kopi Tenom dan kopi ini bukan daripada daerah itu. Lebih baiklah mereka berdaftar produk-produk mereka tetapi hingga sekarang tidak ada satu pendaftaran pun.

Berkenaan dengan produk-produk petunjuk geografi yang banyak berasaskan daripada produk pertanian, saya bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat Tambun iaitu kerajaan ambil tindakan untuk menyelamatkan tanah-tanah atau kawasan-kawasan yang unik dengan keluaran produk itu sebab kalau kita tidak ambil tindakan yang positif lambat laun negara kita akan hilang banyak produk-produk yang unik kepada negara kita dan juga teknologi. Yang Berhormat mencadangkan iaitu sebab pengeluar-pengeluar mereka adalah tradisional, kita perlu memperkukuh teknologi. Itulah saya bersetuju supaya produk-produk kita dapat mengikut trend permintaan pengguna-pengguna dan juga kita boleh dengan *research technology* dan sebagainya kuantiti dan kualiti hasil boleh dipertingkatkan.

Yang Berhormat juga mencadangkan bahawa kerajaan perlu atau patut campur tangan untuk membantu pengeluar-pengeluar memasarkan produk-produk mereka. Itu adalah satu cadangan yang baik. Selalu eksport negara kita berjaya sebab kerajaan ambil bahagian dan bekerjasama atau berusaha sama dengan pengeluar-pengeluar untuk meningkatkan promosi dan cara-cara pemasaran kita dan dengan ini saya sudah jawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan pemindaan Akta Geografi ini. Sekian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PEMAJU PERUMAHAN
(KAWALAN DAN PELESENAN) (PINDAAN) 2001**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.30 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu cadangan pindaan kepada Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 atau pun Akta 118 telah diluluskan berkuat kuasa pada 29 Ogos 1969 dengan tujuan untuk mengawal aktiviti-aktiviti pemaju perumahan swasta di seluruh Semenanjung Malaysia agar lebih bertanggungjawab kepada pembeli rumah terutamanya dari segi kualiti perumahan yang disediakan. Berdasarkan peruntukan tersebut, Akta Pemaju Perumahan 1966 adalah merupakan satu Akta Persekutuan.

Sejak mula berkuat kuasa, Akta ini telah melalui dua pindaan iaitu Akta A402 yang telah mula berkuat kuasa pada 10 Jun 1977 dan pindaan kedua ialah Akta A703 yang mula berkuat kuasa pada 1 Disember 1988 yang antara lain bertujuan mengadakan peruntukan berhubung dengan pembukaan dan pengendalian akaun pemaju perumahan. Selaras dengan perkembangan industri perumahan yang pesat dan perubahan industri perumahan, maka dicadangkan pindaan yang menyeluruh dibuat kepada Akta Pemaju Perumahan bagi menepati keperluan semasa di mana pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (1) **Meletakkan projek-projek perumahan yang dibangunkan oleh badan-badan koperasi dan perbadanan atau agensi kemajuan negeri di bawah kawalan akta pemaju perumahan**

Seksyen 2 akta dipinda dengan memansuhkan subseksyen 1(a) dan (b) yang bertujuan tidak lagi memberi pengecualian kepada badan-badan koperasi dan perbadanan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri daripada peruntukan Akta ini.

Ini bermakna semua badan koperasi dan perbadanan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berhasrat untuk membangunkan projek-projek perumahan akan tertakluk kepada Peruntukan Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Pindaan ini bertujuan untuk memastikan kawalan ke atas semua perumahan termasuklah projek perumahan yang dibangunkan oleh badan-badan koperasi dan perbadanan atau agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Kawalan ke atas projek-projek seumpama ini adalah untuk memastikan kepentingan pembeli-pembeli rumah dalam projek-projek tersebut tetap terjamin.

(2) **Pelantikan timbalan-timbalan pengawal dan penurunan kuasa oleh pengawal kepada jabatan-jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan**

Seksyen 4 Akta dipinda kepada seksyen 4(1) hingga 4(3) baru untuk memberi kuasa kepada Menteri melantik Timbalan-timbalan Pengawal Perumahan dan seterusnya membenarkan penurunan kuasa dibuat oleh Pengawal Perumahan kepada Timbalan-timbalan Pengawal Perumahan tersebut. Pelantikan Timbalan Pengawal Perumahan ini adalah tambahan kepada jawatan Pengawal Perumahan dan Inspektor-inspektor Perumahan yang sedia ada.

Pindaan ini bertujuan untuk mempercepat proses memberi kelulusan lesen dan permit iklan dan jualan selaras dengan tempoh masa yang telah ditetapkan dalam piagam pelanggan.

Seksyen 4 Akta dipinda kepada subseksyen 4(4) baru untuk memberi kuasa kepada Pengawal Perumahan

menurunkan kuasanya secara bertulis kepada mana-mana jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan dalam hal-hal yang bersangkutan dengan penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang.

Seksyen 4(5) baru dimasukkan untuk memperuntukkan kuasa kepada Pengawal Perumahan untuk menarik balik kuasa-kuasa yang telah diturunkan tadi.

(3) **Menaikan deposit untuk permohonan lesen**

Seksyen 6(1)(a) Akta dipinda di mana pemaju dikehendaki membayar deposit sebanyak RM200,000 sebagai tambahan kepada modal diterbitkan dan modal terkumpul. Ini bertujuan untuk memastikan sesebuah syarikat pemaju yang memohon lesen adalah berwibawa dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.

Seksyen 6(1)(b) Akta dipinda untuk menaikkan deposit bagi permohonan daripada individu atau pun kumpulan orang daripada RM100,000 kepada RM200,000. Pindaan ini adalah juga untuk memastikan orang perseorangan ataupun kumpulan orang yang ingin melibatkan diri dalam industri perumahan adalah berwibawa dan membawa kedudukan kewangan yang kukuh.

(4) **Mengenakan syarat dan sekatan mengeluarkan lesen.**

Subseksyen 6(1)(e) hingga 6(1)(g) yang baru dimasukkan dalam Akta ini untuk mengenakan syarat dan sekatan di mana lesen tidak akan dikeluarkan sekiranya:

- (i) pemaju telah dikenakan denda lebih daripada RM10,000; atau
- (ii) pengarah syarikat terlibat dengan sesuatu syarikat pemaju yang telah digulung oleh mahkamah; atau

- (iii) arkitek atau jurutera pemaju telah digugurkan namanya oleh Lembaga Tatatertib Badan Profesional masing-masing.

(5) **Menaikkan denda**

Seksyen 7A, 18, 19, 20, 21 dan 22 Akta dipinda untuk menaikkan amaun denda bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini sebanyak 5 kali ganda. Tujuan kenaikan ini adalah untuk menggambarkan betapa seriusnya kesalahan tersebut dan juga untuk mencegah pemaju-pemaju perumahan swasta daripada melakukan kesalahan tersebut.

(6) **Kewajipan pemaju perumahan yang telah tamat lesen pemaju perumahannya.**

Seksyen baru 7B dimasukkan dalam Akta untuk memastikan pemaju terus bertanggungjawab dan terikat kepada Akta sungguhpun lesen pemaju telah tamat.

Takrif baru ini mewajibkan pemaju perumahan yang lesennya telah tamat memaklumkan kepada Menteri berhubung dengan cadangan untuk menjual atau menggabungkan aktiviti pemajuan perumahannya. Dengan takrif baru ini Pengawal Perumahan juga boleh memberi arahan tertentu kepada pemaju perumahan yang lesennya telah tamat demi untuk menjaga kepentingan pembeli.

Takrif baru ini juga akan menghalang pemaju perumahan daripada sengaja tidak memperbaharui lesen pemaju perumahan mereka demi untuk melepaskan diri daripada kewajipan dan tanggungjawab yang terpaksa mereka lakukan sekiranya mereka memperbaharui lesen mereka. Ia juga bertujuan untuk menjaga kepentingan pembeli-pembeli yang terlibat dalam projek-projek perumahan yang terbengkalai.

(7) **Kuasa untuk menyita, menggeledah dan menyita.**

Seksyen 10A hingga 10J baru dimasukkan dalam akta ini bertujuan memberi kuasa kepada Inspektor Perumahan memasuki, menggeledah dan menyita bahan-bahan seperti buku akaun dan sebagainya bagi tujuan prosiding di mahkamah.

(8) **Penubuhan tribunal untuk tuntutan pembeli-pembeli rumah.**

Seksyen 16A hingga 16AJ baru dimasukkan dalam akta bagi penubuhan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah. Ia bertujuan memudahkan penyelesaian tuntutan dari pembeli rumah di mana jumlah tuntutan yang dibuat hendaklah tidak melebihi RM25,000. Penyelesaian seperti ini dijangka akan dapat membantu ramai pembeli rumah kerana ia mudah, tidak memakan belanja yang besar, tidak melibatkan pelantikan peguam dan tidak juga melibatkan proses mahkamah yang biasanya akan memakan masa yang panjang.

(9) **Kuasa untuk mengkompaun kesalahan.**

Seksyen 23A baru dimasukkan dalam akta bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pengawal Perumahan untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan ringan yang dilakukan di bawah Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 seperti kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan Permit Iklan dan Jualan. Tindakan ini akan mengurangkan kes pendakwaan di mahkamah.

Seksyen 24(2) akta juga dipinda untuk membolehkan peraturan-peraturan dibuat berhubung dengan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompaun, kaedah dan tatacara untuk mengkompaun kesalahan. Pindaan ini adalah selaras dengan peruntukan baru dalam seksyen 23A yang memberi kuasa kepada Pengawal Perumahan untuk mengkompaun kesalahan.

Di samping itu pindaan-pindaan lain yang juga telah dicadangkan bertujuan untuk memperkemas Akta Pemaju Perumahan supaya selaras dengan tujuan pindaan adalah seperti berikut:

i) Pindaan Seksyen 1(1)

Akta Ibu dipinda dengan menggantikan perkataan pemaju dengan perkataan pemaju dengan perkataan pemajuan. Dengan pindaan ini Akta Pemaju Perumahan akan menjadi Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Pindaan ini bertujuan untuk menjadikan akta ini lebih bersifat universal dan berkecuali dan membantu kedua-dua pihak pembeli dan pemaju.

ii) Pindaan Seksyen 3

Beberapa tafsiran baru telah ditambah kepada Seksyen 3 untuk memberi makna kepada istilah Timbalan Pengawal Perumahan, sijil kelayakan menduduki, pihak berkuasa tempatan, pembeli, pemegang tangan (*stakeholder*) dengan izin, dan tribunal.

Maksud yang lebih jelas telah diberi bagi tafsiran rumah kediaman yang bertujuan mengelakkan kekeliruan di mana dinyatakan bahawa rumah kediaman tidak termasuk bangunan komersial.

(iii) Pindaan Seksyen 7(f)

Seksyen 7(f) akta dipinda di mana perkataan bentuk yang diperihalkan (*prescribed form*) diganti dengan perkataan sesuatu bentuk tertentu (*in such form*) dengan izin, yang akan ditentukan oleh Pengawal Perumahan. Ini adalah untuk melicinkan proses penguatkuasaan.

(iv) Pindaan Seksyen 7(h), (l) dan (j)

Seksyen 7(h), (i) dan (j) baru dimasukkan untuk mengawal tindakan pemaju semasa penyerahan milikan kosong dan sekiranya permohonan sijil kelayakan menduduki enggan diterima oleh pihak berkuasa tempatan maka pemaju wajib melaporkan hal berkenaan kepada Pengawal Perumahan.

(v) Pindaan Seksyen 7(k)

Seksyen 7(k) baru dimasukkan untuk memastikan pemaju melaporkan kepada Pengawal Perumahan kedudukan pengeluaran hak milik individu atau hak milik strata dan kedudukan penyempurnaan memorandum dipindah milik.

(vi) Pindaan Seksyen 8

Seksyen 8 akta dipinda di mana pemaju perlu memaklumkan kepada Pengawal Perumahan sekiranya berlaku pemindahan hak, serah hak, pelupusan harta dan pembentukan semula perniagaan atau pengurusan bagi membolehkan Pengawal Perumahan memantau pengurusan syarikat demi menjaga kepentingan pembeli.

(vii) Pindaan Seksyen 8A

Seksyen 8A baru dimasukkan bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk menamatkan surat perjanjian jual dan beli. Ini adalah tertakluk kepada dua syarat berikut:

- (i) selepas 6 bulan perjanjian jual dan beli ditandatangani didapati pemaju masih belum memulakan projek; dan
- (ii) sebanyak 75% daripada pembeli telah bersetuju dengan pemaju untuk menamatkan perjanjian jual dan beli.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan di sini bahawa Rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum ditentukan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sokongan ya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang cadangan pindaan kepada Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Gelang Patah.

3.42 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pindaan kepada Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dengan tukar namanya kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2001 di sini saya ingin ambil peluang keemasan dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan terutama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana dapat berusaha mengadakan pindaan ini.

Pada masa dahulu apabila kita baca nama akta ini iaitu Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dari pandangan kita iaitu terutama daripada para pembeli rumah-rumah, mereka anggap ia lebih memberikan kepentingan kepada para pemaju. Dan saya yakin dan percaya dengan usaha yang dicurahkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri sendiri dan pegawai-pegawai kerajaan dan dapat beberapa kali dengan kerjasama daripada pihak swasta, daripada peguam yang berpengalaman, daripada persatuan pembeli-pembeli rumah boleh dikatakan mereka sudah mengadakan satu pindaan yang menyeluruh kepada akta ini dan kita harap dengan pindaan ini dan dengan pengurusan dan penguatkuasaan undang-undang yang sempurna, kepentingan para pembeli rumah-rumah di negara kita ini akan dapat dijaga dengan lebih baik.

Dan di sini selepas meninjau kepada pindaan yang diadakan, saya masih tidak berapa setuju tetapi kemungkinan nanti Yang Berhormat Menteri boleh menerangkan, mengapa selama ini para pembeli ada buat aduan terutama kepada pemaju-pemaju perumahan yang tidak dapat menyerahkan rumah-rumah yang siap kepada para pembeli dan dengan memberikan CFO, kita wakil rakyat sentiasa ada dapat aduan. Di kawasan saya pun ada pernah berlaku iaitu bangunan rumah sudah siap, physical completion diakui oleh pihak arkitek tetapi tidak dapat CFO.

Oleh kerana tidak dapat CFO, tidak dapat bekalan elektrik dan air, tidak bermakna mereka diberikan kunci rumah, tidak boleh masuk duduk kalau tidak ada bekalan air dan api, apa guna. Sebab itu saranan daripada para pembeli melalui wakil rakyat dan melalui persatuan-persatuan pembeli rumah, mereka sarankan supaya bila undang-undang ini dipinda mesti memastikan iaitu pemaju cuma boleh memberikan kunci kepada pembeli-pembeli rumah dengan mendapatkan CFO dahulu, baru ini adalah mendatangkan satu suasana yang mana dapat menjaga kepentingan para pembeli.

Saya harap Yang Berhormat Dato' Menteri akan dapat menerangkan tentang hal ini mengapa di sini cuma kata iaitu dengan izin, "*architect's certificate certifying that the construction of the housing accommodation has been duly completed and that water and electricity supplies are ready for connection to the housing accommodation.*". Ini yang terkandung dalam pindaan ini yang mana tidak disebut mesti pastikan ada CFO.

Kemungkinan ini diadakan tanpa ikatan dengan diberikan CFO, adakah ini kerana dalam peraturan yang bakal wujud, pihak kementerian akan memberikan tempoh yang akan diadakan seperti yang ada negeri-negeri telah mendapat arahan daripada kementerian iaitu selepas pihak pemaju memajukan dengan kerjasama dari arkitek mereka iaitu dapat semua surat sokongan daripada jabatan-jabatan yang berkenaan dalam tempoh 14 hari, sama ada CFO keluar atau tidak keluar, ia dianggap sudah keluar kalau pegawai dari pihak berkuasa tempatan masih enggan mengeluarkan CFO dalam lingkungan masa tempoh 14 hari itu dan adakah dengan arahan itu, ia telah dilaksanakan di seluruh negeri oleh pihak berkuasa tempatan dan jika arahan itu tidak diikuti, adakah pegawai-pegawai akan dikenakan surcaj kerana lambat mengeluarkan CFO walaupun pihak pemaju telah memajukan semua surat sokongan daripada jabatan-jabatan yang berkenaan. Ini saya harap dapat penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang saya ingin ambil peluang di sini tentang jabatan-jabatan kerajaan yang kadang-kadang seperti oleh kerana kita sudah mengadakan penswastan kepada TNB, Telekom dan lain-lain, air seperti di Johor ada SAJ dan kita sering dapat aduan daripada pemaju dan pembeli. Kadang-kadang lambat dapat dan sekarang mereka menghadapi masalah daripada syarikat-syarikat utiliti ini.

Saya ambil satu misal seperti TNB. TNB sekarang boleh dikatakan seperti di kawasan saya di Johor Bahru, saya sering dapat aduan dari pemaju seperti pada masa dahulu, apabila satu projek ingin diadakan, mereka memang ada rancangan terlebih dahulu, boleh dikatakan lebih dua tahun, mengapa sudah ada rancangan lebih awal, pihak TNB sudah tahu ada rancangan perumahan di sana, mengapa tidak dapat memberikan bekalan elektrik bila rumah sudah ada CFO. Apa masalah dan oleh kerana pemaju sudah memberikan sumbangan kepada TNB dan mereka harap rumah sudah siap, CFO dikeluarkan, kabel TNB akan sampai dengan bekalan elektrik tetapi malangnya tidak dapat.

Sekarang ramai pemaju terpaksa berbelanja lebih dengan menjalankan cara *turnkey* iaitu mereka buat sendiri, tidak perlu TNB buat dan TNB boleh berikan rebat 60% tetapi satu masalah yang dihadapi oleh pemaju iaitu mereka melalui *turnkey* siap dalam masa yang tertentu kerana bila rumah siap melalui *turnkey* dapat bekalan elektrik tetapi mereka perlu *guarantee* 5 tahun tetapi pada masa dahulu bila kerja itu diuruskan dengan sumbangan kepada TNB, perjanjian kontrak *guarantee* period cuma satu tahun. Apa masalah kerana jurutera elektrik yang bertauliah yang diakui oleh pihak TNB yang membuat kerja ini, mengapa ada perbezaan.

Jika sumbangan diberikan kepada TNB, TNB ikat *guarantee* satu tahun tetapi jika secara *turnkey*, kena *guarantee period* 5 tahun. So, saya harap walaupun ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi kemungkinan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh sampaikan ini kepada pihak TNB, ini satu masalah yang kita hadapi sekarang.

Yang kedua, Telekom. Walaupun Telekom sekarang kita ramai guna handpone, telefon bimbit tetapi masalah seperti di kawasan saya, saya sering dapat aduan daripada pelajar-pelajar di UTM yang mana sudah siap, luar sudah siap CFO, sudah masuk duduk tetapi tidak dapat perkhidmatan talian telefon. Apabila tanya Telekom, Telekom salahkan pemaju. Apabila kita tanya pemaju, pemaju cakap kita sudah ikut semua garis panduan kerja-kerja yang ditentukan oleh pihak Telekom.

Kalau kita tidak mengikuti syarat mereka, mereka tidak akan sokong untuk keluarkan CFO. CFO sudah keluar tetapi apabila orang duduk, pelajar hendak menggunakan kemudahan IT, komputer tidak boleh kerana telefon bimbit tidak boleh diguna, perlu ada perkhidmatan talian telefon. Yang ini satu masalah yang mana saya harap pihak utiliti ini, Telekom, perlu ambil perhatian kerana ini penting untuk pelajar. Bagaimana mereka hendak belajar dengan bersungguh-sungguh jika tidak ada perkhidmatan talian telefon di rumah mereka. Ini satu masalah yang timbul.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara yang disebut, pindaan utama yang diadakan dalam ini iaitu meletakkan projek-projek perumahan yang dibangunkan oleh badan-badan koperasi dan perbadanan atau agensi kemajuan negeri di bawah kawalan Akta Pemaju Perumahan. Ini satu tindakan yang cukup baik kerana pada masa dahulu memang ada pihak kerajaan negeri melalui SEDC atau melalui koperasi, mereka anggap mereka adalah sebahagian daripada pihak kerajaan.

Mereka mengabaikan kepentingan pembeli. Mereka bina rumah yang tidak sempurna. Pada tahun 1980'an pernah ada satu projek - ini saya buat misalan -

projek Taman KOBENA di Tampoi, Johor Bahru yang mana pengurusan oleh Koperasi KOBENA ini kurang baik. Mengapa kurang baik? Saya hendak ceritakan iaitu projek ini bukan besar. Lebih kurang 600 unit sahaja tetapi ambil tempoh lebih kurang lima tahun baru dapat serahkan. Mengapa? Kerana walaupun mereka boleh siapkan bangunan itu (physical completion) dalam tempoh dua tahun, tetapi masalahnya bila diperiksa oleh pegawai dari pihak berkuasa tempatan (Majlis Perbandaran Johor Bahru) didapati bahawa dibina tidak mengikut pelan.

Apa yang tidak mengikut pelan? Iaitu tangki najis yang conventional pada masa itu belum dikenakan sistem oxidation pond. Mereka meluluskannya dengan tangki najis dan penapis yang berasingan. Pihak pengurusan KOBENA boleh berpakat dengan pihak arkitek dan pihak kontraktor dengan menggantikan tangki najis dan penapis yang conventional, yang perlu lebih kurang perbelanjaan RM2,500 untuk membina manhole, tangki najis dan penapis, tetapi mereka boleh senyap-senyap ganti dengan tangki najis dan penapis jenis "Hume" yang kosnya lebih kurang RM250 sahaja, dipasang di sana. Kapasiti tangki dan efficiency penapis ini kurang baik. Jenis tangki najis dan penapis "Hume" yang kosnya lebih kurang RM250 ini cuma boleh digunakan oleh site office yang sementara, iaitu lepas bangunan siap tanam sahaja, tidak guna lagi.

Untuk rumah-rumah yang kekal ini ia perlukan jenis tangki najis dan penapis yang kapasitinya untuk sekurang-kurangnya 10 orang duduk di sana kerana ianya rumah teres tiga bilik. Kita anggap selalunya pihak berkuasa tempatan menghendaki mereka mengadakan tangki najis dan penapis untuk kediaman 10 orang.

Oleh kerana semua sudah siap, bila sampai pemeriksaan baru sedar, pihak pegawai pemeriksa dari Pihak Majlis Perbandaran Johor Bahru tegas, kata buat laporan yang betul iaitu bangunan ini terutama tangki najis dan penapis tidak dibina mengikut pelan yang diluluskan. Certification pengakuan oleh pihak arkitek adalah palsu dan ini terpaksa dibawa kepada perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada masa itu. Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada masa itu perlu panggil satu mesyuarat yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri jadi macam hakim. Semua para profesional dan pegawai atasan dari KOBENA datang ke pejabat Menteri Besar dan pegawai-pegawai dari Majlis Perbandaran Johor Bahru (MPJB) pun datang bersama dengan Yang di-Pertua, sama-sama dan di sana mereka sudah mengakui dengan sendiri bahawa mereka sudah salah, tidak ikuti pelan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar memutuskan bahawa semua tangki najis dan penapis yang sudah dipasang itu mesti dibuka balik dan perlu digantikan dengan apa yang diluluskan dalam pelan. Oleh kerana jalan sudah siap, masalah level dan parit sudah siap dan tiada tempat untuk loji pembersihan najis yang berpusat, perlulah diadakan satu jenis tangki najis dan penapis jenis yang berlainan. Kalau hendak ikut yang biasa outlet effluent untuk tangki penapis adalah di bawah dan kalau begini semua jalan akan rosak dan levelnya akan menjadi satu masalah. Terpaksalah pegawai daripada Majlis Perbandaran Johor Bahru bersama dengan arkitek buat rekaan yang baru dan adakan satu jenis tangki penapis yang 'reverse flow'.

'Reverse flow' itu iaitu lain daripada yang lama atau yang conventional. Outlet tangki penapis ini dibuat di atas. Biasanya kalau tangki najis dan tangki penapis yang dahulu yang conventional ikut aliran air iaitu daripada atas ke bawah. Oleh kerana semua sudah siap kena satu bentuk tangki penapis yang baru dan perlu mengadakan sejenis tangki penapis jenis 'reverse flow' iaitu air di bawah dengan paip daripada bawah ke atas supaya dengan 'retention period' ada cukup masa untuk aktiviti kuman anaerobic & aerobic baru boleh keluar kepada parit tepi jalan.

Dengan kurangkan kos ini, pihak Pengurus Besar Koperasi KOBENA untuk projek itu pun terpaksa letak jawatan dan ganti dengan seorang jurutera dan buat kerja itu. Ini pun ambil kurang dua tahun baru siap. Ini sudah boleh dikatakan projek itu – dalam masa yang ada satu ketika berhenti kerja - lebih kurang lima tahun baru dapat serahkan rumah kepada ahli-ahli KOBENA oleh kerana pada masa itu mereka tidak di bawah Akta Pemaju Perumahan.

Ini adalah satu masalah sebab itu adalah wajar sekarang kita masukkan mereka dikawal oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini saya ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pelantikan Timbala n-timbangan Pegawai dan penurunan kuasa oleh pegawai kepada jabatan-jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan, ini satu perkara yang baik. Walaupun kuasa ini diturunkan supaya tidak membebankan pegawai seorang sahaja, dengan kandungan ni boleh turunkan kuasa kepada timbala n dan pihak berkuasa tempatan. Ini adalah baik dan saya harap dengan ini akan dapat memajukan segala proses yang berkaitan dengan pemajuan perumahan.

Saya pun mengalu-alukan tambahan deposit untuk permulaan lesen daripada RM100,000 kepada RM200,000. Tentang kenaikan denda lima kali ini pun baik supaya kita harap pemaju akan sedar bahawa kepentingan untuk menjaga kepentingan para pembeli

Tuan Mah Siew Keong: *[Bangun]*

Tuan Chang See Ten:okay.

Tuan Mah Siew Keong: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Tadi Yang Berhormat cakap sekarang deposit telah ditambah kepada RM200,000. Apakah pandangan Yang Berhormat sebab deposit RM200,000 ini dikenakan kepada semua pemaju? Ada suara oleh kerana ada pemaju yang bina 1,000 unit rumah dan ada pemaju yang bina 10 unit rumah tetapi kita adakan satu deposit yang sama rata. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Chang See Ten: Terima kasih Yang Berhormat bagi Teluk Intan. Saya anggap ini akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri sendiri kerana apa kriteria menaikkan deposit daripada RM100,000 kepada RM200,000. Adalah baik Yang Berhormat Menteri sendiri jawab kerana ada pemaju yang besar, ada pemaju yang kecil tetapi deposit sama. Ini lebih baik Yang Berhormat, kita beri peluang kepada Yang Berhormat Dato' Menteri. Lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pindaan kepada Seksyen 7 (h)(i) dan (j), di sini saya mengalu-alukan kerana ini boleh dikatakan pindaan ini bertujuan untuk mengawal tindakan pemaju semasa penyerahan pemilikan kosong (vacant position) dan sekiranya permohonan Sijil Layak Menduduki enggan diterima oleh pihak berkuasa tempatan. Ini adalah baik iaitu pihak pegawai dari kementerian turut bersama tolong pihak pemaju supaya tiada pegawai daripada pihak berkuasa tempatan yang dengan sengaja hendak melambatkan pengeluaran CFO.

Ini adalah satu perkara yang baik. Tentang hal ini saya pun ingin memaklumkan Yang Berhormat Dato' Menteri iaitu di kawasan Johor Bahru sekarang kerja – ini terkeluar sedikit tetapi untuk makluman kerana ada aduan dari pembeli rumah - kerja perkhidmatan angkat sampah di kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan di Majlis Bandaraya Johor Bahru telah diswastakan kepada SWM. Biasanya cukai pintu dikira tatkala tarikh CFO dikeluarkan, tetapi malangnya dengan penswastan perkhidmatan angkat sampah ini sekarang satu tahun lepas CFO dikeluarkan baru dimulakan perkhidmatan angkat sampah. Ini perlu dibetulkan

kerana pihak berkuasa tempatan sudah tahu apa projek perumahan di sini, sudah lebih awal dua tahun mereka sudah masukkan pelan. Mengapa lepas CFO perlu tunggu satu tahun baru mula memberikan perkhidmatan angkat sampah? Dan dalam tempoh satu tahun itu pemaju sendiri perlu kutip sampah.

Ada satu taman perumahan di kawasan saya - Taman Nusa Perintis 2 di Gelang Patah - Di mana pemaju kutip RM20 daripada tiap-tiap rumah untuk kerja angkat sampah sebelum pihak berkuasa tempatan mulakan kerja itu berikan kontrak kepada SWM untuk mulakan perkhidmatan. Ini sudah tidak adil kepada pembeli dan kepada pemaju kerana mereka sudah dikenakan cukai pintu. Tatkala CFO dikeluarkan mereka perlu bayar. Kalau mereka perlu bayar lagi kepada pemaju untuk kutipan sampah, ini tidak baik. Boleh dikatakan imej pihak berkuasa tempatan itu terjejas kerana ini adalah kelemahan pengurusan dalam hal ini. Sebab itu saya harap pihak kementerian dapat ambil perhatian tentang hal ini.

Yang kedua, ada pemaju bekerjasama dengan pihak kerajaan JKR dan pihak berkuasa tempatan, dan saya sendiri dapat kerjasama daripada JKR Daerah dan pihak berkuasa tempatan panggil pemaju-pemaju datang bersama supaya melalui kerjasama mereka dapat mempertingkatkan jalan-jalan di satu kawasan iaitu melebarkan jalan raya daripada dua lorong kepada empat lorong dengan centre divider. Pemaju buat kerja melebarkan seperti di kawasan saya di Taman Sutera 2.

Pemaju belanja RM15 juta buat jalan empat lorong dengan centre divider dengan jambatan, tetapi bila sudah siap, ada dua perkara yang pemaju hadapi masalah. Satu ialah lampu tepi jalan di centre divider itu tidak dapat dinyalakan. Kenapa? Kerana pihak berkuasa tempatan kata pemaju ini belum bina rumah di sana dan tiada kutipan cukai pintu. Pihak berkuasa tempatan akan menghadapi kerugian hendak bayar bil-bil api. Saya kata kepada Tuan Yang di-Pertua pihak Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah bahawa ini untuk kepentingan orang ramai. Mereka sudah bina jalan ini. Kalau dalam kawasan mereka atau kawasan perumahan mereka, itu lain kira. Sekarang mereka turut tolong belanja RM15 juta buat jalan sambung kepada Jalan Sutera 2, sambung kepada jalan raya Jalan Skudai untuk menyenangkan orang ramai lalu lintas. Ini satu tanggungjawab sosial yang paling baik daripada pemaju, tetapi malangnya pihak berkuasa boleh kata bahawa belum ada orang duduk sana, jadi api tidak akan dinyalakan. Ini adalah satu masalah Tetapi saya tanya pemaju, kita ada bayar cukai pintu untuk kita punya

tanah. Tanah walaupun belum dimajukan dengan perumahan tetapi mereka ada bayar cukai pintu.

Ini satu masalah saya harap pihak berkuasa tempatan perlu peka dan prihatin tentang keselamatan orang ramai dan ini saya harap Yang Berhormat Dato' Menteri dapat ambil perhatian ini dan saya harap boleh mempengaruhi Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Johor Bharu Tengah supaya untuk kepentingan orang ramai bila pemaju sudah bermurah hati membina jalan dan adakan lampu tepi jalan, tolong nyalakan lampu tepi jalan ini kerana kalau tak menyala, orang ramai tak tahu dia akan salahkan Tenaga Nasional Berhad, salahkan pihak berkuasa tempatan mengapa tidak mahu menyala. Ini satu masalah

Tuan Yang di-Pertua, tentang pindaan Seksyen 7K ini adalah sangat penting. Kita banyak bahas tentang Akta Strata dan tentang perbadanan pengurusan management corporation, hingga masa sekarang belum dapat selesai lagi.

Di kawasan saya Taman Tuanku Tun Aminah sudah lebih kurang 15 tahun, strata title, hak milik strata sudah dapat tetapi tidak dapat mewujudkan MC dan di Bandar Selesa Jaya pun sama lebih 10 tahun pun belum ada strata title. MC tidak dapat ditubuhkan. Pindaan ini adalah penting kerana dengan ini boleh dikatakan kementerian ini akan dapat tahu daripada pemaju tentang proses permohonan hak milik strata untuk rumah-rumah mereka, untuk kepentingan pembeli supaya kerana Akta Hak Milik Strata sudah dipinda, menyenangkan pihak pemaju bila pohon CFO mereka boleh pohon Strata Title sekali gus. Tidak macam dahulu, tidak boleh. Tidak ada sebab mereka tidak pohon strata title semasa pohon untuk CFO. Ini boleh diadakan dengan serentak.

Jika mereka benar-benar buat kerja begini dan jika mereka menghadapi masalah daripada pihak berkuasa, pihak pegawai daripada kementerian boleh turut tolong. Di sini saya sarankan kepada Yang Berhormat Dato' kalau boleh kita meminta semua pihak berkuasa negeri terutama kerana MC ini di bawah Jabatan Tanah dan Galian supaya mereka wujudkan satu bahagian atau unit khas strata title. Dan Unit Khas Strata Title ini kalau diwujudkan di Jabatan Tanah dan Galian di tiap-tiap negeri, mereka akan dapat tolong bila satu projek sudah ada hak milik strata, pihak Unit Strata Title akan terus menguruskan panggil mesyuarat dengan kerjasama daripada pemaju panggil mesyuarat daripada pembeli-pembeli daripada projek perumahan itu untuk adakan MC. Kerana MC tidak perlu daftar. Kerana ia diakui oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian tetapi masalah sekarang, kerana

seperti di Johor, masih belum ada lagi iaitu satu unit khas hak milik strata dan MC. ini adalah penting dan saya harap supaya bila ini dipinda, kerja ini dapat diselaraskan dengan penubuhan unit khas strata dan MC itu, dan bila ini diadakan, tiap-tiap tahun mereka ada mesyuarat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, di belakang.

Dato Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gelang Patah, dekat dengan kawasan saya. Kita memang menghadapi masalah termasuk kawasan saya berhubung dengan hak milik strata. Tanah ini rumah lima tingkat atau enam tingkat atau sepuluh tingkat memang nak selesaikan dia tak tahulah makan masa kerana ada problem kerana ada masalah tanah. Biasa orang kalau rumah bawah itu biasa senanglah. Depan rumah itu tanah dia dan di sebelah, dia boleh potong-potong-potong, senang. Tetapi rumah flat ini, rumah pangsa satu lima ekar tanah, 10 tingkat. Jadi memang jadi masalah, tanah dekat mana nak katakan tanah dia. Saya duduk tingkat 11, tanah saya dekat mana tak ada dekat bawah itu juga macam mana hendak bagi. Cari jalan yang baik.

Saya tak tahu Yang Berhormat setuju atau tak kalau kita cadangkanlah macam adakan satu geran besar, masukkan semua nama dalam tu. Adalah 5 ekar, gasaklah ada berapa tingkat. Nak kata tanah dia pun susah. Tanah itu, itulah sikit, orangnya ramai. Jadi dalam geran besar masuk semua tanah, blokkkan. Ha ni 7A Tingkat 3, Yang Berhormat Datuk Lim Si Cheng, B, saya, begitu juga yang lain.

Jadi bila nak tukar milik, tukarkan nombor itu daripada 7A dulu Lim Si Cheng tukarkan kepada Tan Kok Hong, umpamanya. Ya tak. Jadi senang saja tak ada masalah. Itu boleh selesai, saya ingat memanglah lekeh betul cerita ni. Yang masalah tanah rumah pangsa, macam Yang Berhormat fikir-fikirlah cari jalan yang mudahlah. Setuju?

Tuan Chang See Ten: Saya fikir kes ini perlu tinjauan yang lebih mendalam. Kemungkinan Yang Berhormat Dato Menteri boleh jawab. Saya tak berani nak jawab ini, kerana ini ada perkara yang khusus kerana...*[Disampuk]* Yang Berhormat bagi Kluang kata complicated.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya pun ingin ambil perhatian tentang perkara yang mana selepas pindaan ini diluluskan dalam Dewan Rakyat dan lepas itu sama ada projek-projek yang lama yang sudah ada lesen daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan terlibat dalam apa-apa pindaan yang

diadakan dalam undang baru ini. Kerana jika tidak, saya kluatir projek-projek yang lama yang masih ada projek yang tergendala kemungkinan tidak dapat diselesaikan dan jika boleh, apa langkah-langkah yang pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan turut menolong supaya dapat melicinkan atau mempercepatkan proses ini.

Di kawasan saya Gelang Patah ada satu taman, Taman Gelang Emas. Projek ini cuma 137 unit rumah sahaja. Dimulakan tahun 1987. Masa itu saya masih belum jadi Wakil Rakyat tetapi hingga sekarang belum selesai. Pemaju sendiri sudah kata dia tidak mampu kerana banyak tukar tangan. Sebab itu ini baik kerana ada pindaan di undang-undang ini iaitu bila mereka hendak jual mesti memaklumkan kepada pihak kementerian.

Pada masa dahulu tak ada..., mereka bertukar tangan berapa orang. Sampai projek ini kerana tukar kepada beberapa orang, mereka untung, yang last sekali sudah tak boleh untung dan sudah tidak mampu melanjutkan dan para pembeli sudah menghadapi masalah. Dan saya ingin mengambil peluang keemasan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pegawai-pegawai di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu sejak 1995, selepas saya jadi wakil rakyat (Ahli Parlimen), saya datang ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan minta tolong dan mereka turun padang. Pergi ke Gelang Patah dua kali berdialog dengan pembeli. Bersama dengan mereka tubuhkan sebuah syarikat yang mana semua... boleh dikatakan kebanyakan tak dapat, semua lebih kurang 70%, mereka sama-sama tubuhkan satu syarikat dan sekarang mereka sudah hampir nak siapkan semua kerja tetapi ada masalah iaitu tentang pejabat-pejabat utiliti yang masih memberikan sedikit masalah kepada mereka dan saya sedang berusaha dengan pengurusan syarikat ini supaya pihak utiliti dan pihak berkuasa tempatan akan menolong mereka supaya mereka dapat CFO. Kerana sudah lama 1987 hingga sekarang. Supaya mereka akan dapat di kawasan sana.

Ini adalah satu perkara yang saya ingin dapat kerjasama daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walaupun projek ini telah lama tetapi ia tidak akan dikenakan kerana pindaan ini tetapi kerjasama daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, masih penting. Dan projek yang lain di kawasan saya yang lama itu yang ada masalah saya pun harap mereka dapat tolong kerana di seluruh negara pun memang ada lagi banyak projek perumahan

yang masih menghadapi masalah, yang mendatangkan banyak masalah kepada para pembeli.

Mereka perlu bayar sewa rumah sekarang. Rumah yang mereka beli sudah lama ingat 2 tahun boleh dapat rumah, tak dapat. Boleh tengok di sana tetapi belum siap, tak boleh duduk dan ini sudah jadi satu masalah, bunga bank kena bayar, sewa kena bayar. Pada masa sekarang lagi teruk kerana keadaan ekonomi negara ini tidak begitu baik. Ada yang sudah diberhentikan kerja oleh syarikat di Singapura. Ini ialah masalah yang saya sampaikan.

Dengan kata-kata yang demikian saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong. Sekian terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi, ya, ya. Sila

4.23 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya Yang Berhormat Menteri kerana telah membentangkan satu rang undang-undang pindaan kepada Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) tahun 1966, setelah sekian lama orang ramai terutama para pembeli rumah mendesak akta induk dipinda sepenuhnya supaya kelemahan undang-undang yang ada dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap bahawa pembentangan rang undang-undang yang memuatkan 30 fasal memang wajar pada saat ini memandangkan para pembeli sudah tidak dapat bertahan dengan kerakusan dan kehendak para pemaju yang menyebabkan para pembeli teraniaya dan menjadi mangsa selama beberapa dekad. Ini bukan sahaja memberi faedah kepada para pembeli tetapi juga kementerian sendiri bagi kemudahan tindakan dan pelaksanaan berkuat kuasa ke atas para pemaju yang cuba mempermainkan undang-undang.

Skop pindaan sangat luas yang menunjukkan berapa seriusnya masalah perumahan yang dihadapi oleh rakyat. Meskipun tahun demi tahun projek pembinaan rumah baru semakin bertambah tetapi tidak seimbang dengan masalah yang timbul bersangkutan jual beli dan perkhidmatan lepas jualan yang dihadapi oleh para pembeli

Walaupun sasaran pembinaan rumah bagi tempoh tahun 1996 hingga 2000 telah dicapai iaitu sasaran 800,000 unit dan pencapaian ialah 859,480 unit rumah, tetapi agihan mengikut jenis rumah didapati tidak selaras dengan sasaran asal kerana sektor swasta yang terdiri dari pemaju-pemaju perumahan lebih menumpukan pembinaan rumah kos sederhana dan tinggi berjumlah 556,458 unit atau 291.8% daripada sasaran rancangan, sedangkan rumah kos rendah hanya dapat disiapkan sebanyak 190,597 unit yang mana 129,598 unit dibina oleh sektor swasta sendiri dan bakinya oleh sektor awam.

Ini menunjukkan para pemaju swasta lebih mementingkan keuntungan segera daripada hasrat membantu kerajaan merealisasikan pembinaan rumah yang mencukupi untuk setiap lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, selain rakyat masih berdepan dengan pemaju perumahan palsu yang melarikan wang deposit para pembeli yang tertarik atas pujuk rayu pemaju, terdapat masalah iaitu projek perumahan terbengkalai, setelah para pembeli membuat beberapa bayaran kemajuan ataupun setelah pihak bank melunaskan pinjaman yang diberi kepada pemaju terbabit, mereka mendapati projek perumahan tidak dapat disiapkan mengikut tempoh perjanjian.

Selain itu, para pembeli menghadapi masalah yang tidak memahami perjanjian bertulis penjualan dan pembelian rumah yang banyak ditulis dalam bahasa Inggeris dan para pembeli dikehendaki menandatangani perjanjian tanpa diberikan keterangan yang cukup oleh pihak pemaju. Tidak ada pemaju yang mengambil daya usaha untuk memberikan perumahan yang jelas kepada para pembeli yang tidak memahami bahasa perjanjian. Walaupun kementerian pernah mengeluarkan arahan supaya surat perjanjian jual beli dibuat dalam bahasa yang mudah difahami tetapi tidak ada juru bahasa atau pegawai yang bersedia membantu pembeli memahami isi kandungannya.

Penerangan hanya berkisar kepada perkara asas yang bila memahami masalah di belakang dari para pembeli, dipersalahkan setelah berlaku salah faham dengan pemaju. Contohnya, bila projek perumahan lewat disiapkan, para pemaju dikehendaki membayar ganti rugi kelewatan menyiapkan projek, bila tuntutan dibuat oleh pembeli, para pemaju akan berdolak-dalik dan enggan melayani tuntutan pembeli, terdapat kes bila bayaran ganti rugi dibuat menerusi peguam, maka peguam menyimpan pula wang tersebut untuk faedah mereka, mereka menggunakan pelbagai alasan untuk tidak membayar segera kepada pembeli.

Saya ingin menggesa kementerian supaya membuat pemeriksaan ke atas akaun perumahan para pembeli yang disimpan oleh peguam bagi menentukan bahawa akaun amanah itu disegerakan dengan baik dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, para pembeli juga menghadapi masalah berhubung membayar rumah yang diurus oleh bank pinjaman kerana mereka lewat membayar kepada pemaju maka pemaju akan mendebitkan faedah yang

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut berdiri Yang Berhormat, hendak minta penjelasan. Hendak beri jalan?

Tuan Fong Kui Lun: Boleh, okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sedikit sahaja. Tadi Yang Berhormat ada menyebut berhubung dengan deposit. Rakan-rakan lain pun ada yang menyebutkan tadi. Saya ingatlah kalau deposit ini kepada RM200,000 tak cukup, biar tinggi lagi sebab pemaju-pemaju perumahan ini semuanya yang bermodal, ada duit, sebab kita lihat kebanyakan boleh dikatakan mencari alasan mereka menghadapi masalah hinggakan rumah-rumah yang dibina, satu, yang tidak dapat diduduki, terbengkalai, masalahnya pembeli sudah pun menandatangani agreement, perjanjian, pemotongan dibuat, pemaju terlepas begitu sahaja.

Jadi, kalau bolehlah saya rasa biar tinggi sedikit deposit ini, biar sampai jadi satu pengajaranlah amaran kepada pemaju-pemaju. Kita hendak pemaju-pemaju yang berkemampuan, bukan setakat mengambil kesempatan bila ada skim perumahan, sebagai contoh, semuanya mengambil peluang. Jadi, biarlah supaya kerana kita tahu permintaan (demand), dengan izin, rumah-rumah ini masih lagi meningkat dan kita tahu keselesaan terutamanya di kawasan-kawasan di luar daripada Kuala Lumpur sebagai contohlah, supaya ada satu jaminan pemaju-pemaju yang bertanggungjawab supaya apabila sesuatu projek itu didirikan nya biarlah sampai selesai, tidak akan berlaku masalah kepada pembeli-pembeli.

Sebab berlaku dan ini sudah berulang kali kita bercakap, kita pun minta kepada menteri, mereka yang membeli rumah terutamanya yang berpendapatan rendah, termasuk kakitangan awam, sudah sign agreement, sudah ambil loan dan sebagainya, rumah tak siap tak tahu di mana, mereka menghadapi beban untuk membayar pinjaman, kalau saya kalau bolehlah sebagai satu amaran dan peringatan biar deposit ini dipertinggi lagi, bukan setakat RM200,000, biar berjuta pun tidak

mengapalah, supaya mereka yang benar-benar yang bertanggungjawab boleh selesai pembinaan rumah ini bertanggungjawab. Ini saya minta penjelasan dari Yang Berhormat dari pembangkang.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Larut. Kita boleh nampak di negeri asing seperti di negara Australia hanya membayar deposit 10% tetapi tunggu rumah siap baru pembeli dapat masuk dan tidak akan rugi banyak, sebab di luar negara seperti di Australia mereka hanya bayar 10% sahaja, rumah siap baru pindah. Dan pembeli ada peluang untuk memeriksa sama ada sudah siap ataupun tidak. Kalau tidak bersetuju tidak bayar bakinya, inilah satu cara saya harap kementerian boleh mengambil perhatian bahawa kita boleh mempelajari dari negara asing seperti Australia atau United Kingdom.

Tuan Yang di-Pertua, kerana mereka lewat membayar kepada pemaju, maka pemaju akan mendebitkan faedah yang tinggi kepada bil pembeli supaya pembayaran kerana kelewatan pihak bank membayar wang pinjaman kepada pemaju.

Masalah ini sering menimbulkan perbalahan antara tiga pihak tetapi jika pihak pemaju bukan bermurah hati atau masih degil enggan membatalkan faedah denda lewat membayar ini, mengakibatkan para pembeli tidak dapat mengambil kunci rumah setelah rumah siap untuk diduduki. Ini bukan sahaja berlaku ke atas pembeli rumah yang berurusan dengan bank swasta untuk membiayai pinjaman rumah mereka, tetapi pembeli daripada sektor awam juga menanggung akibat yang teruk bila pihak Perbendaharaan lewat membayar kepada peguam atau pemaju terbabit. Sebagai wakil rakyat saya pernah mendatangi pengadu seumpamanya menyebabkan mereka tidak boleh menduduki rumah yang dibeli dalam masa yang sama, mereka masih terus menyewa rumah di luar serta gaji mereka telah dipotong bagi membayar balik pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian patut mengarahkan para pemaju perumahan supaya bersikap tolak ansur dengan para pembeli bermasalah kerana mereka sebenarnya boleh berbudi bicara untuk melupuskan atau membatalkan mana-mana faedah kerana kelewatan bayaran yang tinggi dikenakan ke atas pembeli.

Para pembeli juga dibebani dengan bayaran pembelian tinggi selain harga rumah mereka dikehendaki membayar wang perkhidmatan bagi dua peguam yang menyiapkan perjanjian.

- (i) untuk perjanjian dengan pemaju; dan
- (ii) untuk pinjaman bank.

Mengapa ada pemaju yang boleh bermurah hati menanggung kos guaman, mengapa ada pemaju yang tidak, sebenarnya mereka boleh berbuat demikian dengan menyerahkan kos guaman itu dalam kos pembelian rumah yang boleh dibayar ansuran kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga masalah mengenai pemaju menerusi syarikat perunding, pengurusan mereka mengutip wang untuk memohon hak milik strata dan sijil kelayakan menduduki bagi pihak pembeli. Terdapat banyak projek perumahan yang dikeluarkan sijil menduduki sementara yang tidak diketahui oleh pemaju dengan pihak berkuasa tempatan. Mereka sudah mengutip wang untuk memohon hak milik strata tetapi sehingga beberapa tahun tidak diselesaikan, kalau tidak silap saya lebih kurang 80% pemaju menghadapi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana pemaju yang sudah diletakkan di bawah pegawai pemegang harta atau di bawah *receivership*, masalah bertambah teruk kerana pemaju melepaskan tanggungjawab dan pihak pejabat pemegang harta tidak mempedulikan hal ini. Mana-mana pemaju yang mengutip wang *sinking-fund*, dengan izin, untuk berbelanja penyenggaraan bangunan terdapat tidak mengurus tabung tersebut dengan betul. Kerosakan kemudahan tidak diperbaiki. Jika pemaju atau syarikat pengurusan mereka tidak membayar bil air, ini menimbulkan masalah kepada para pembeli kerana Jabatan Bekalan Air akan memotong bekalan jika tidak membayarnya, sedangkan para pembeli telah membayar setiap bulan caj bekalan air. Ini tidak adil kepada para pembeli, bila seorang dua pembeli tidak membayar bil air maka bekalan akan dipotong untuk kesemua unit blok kediaman.

Saya ingin menggesa kementerian supaya dapat membantu menyelesaikan masalah bekalan air dan caj bil bulanan kepada setiap unit pembeli supaya bekalan air berterusan dan caj bil terus kepada pembeli dapat dibuat, yang mana jika dapat kes pembeli tidak membayar bil. Maka tindakan memotong bekalan boleh dilakukan ke atas pembeli tersebut sahaja dan tidak menyebabkan unit lain terpotong bekalan. Saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Menteri supaya kementerian menubuhkan satu unit khas dipanggil Biro Aduan Perumahan supaya para pembeli yang bermasalah dapat terus mengadu kepada biro tersebut dan biro tersebut hendaklah diberikan kuasa dan logistik untuk menyelesaikan aduan-aduan yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh rang undang-undang yang dibentangkan ini saya tertarik untuk turut membahaskan beberapa fasal yang menimbulkan kontroversi. Pertama, Fasal 6 yang meliputi projek perumahan oleh syarikat koperasi dan agensi-agensi kerajaan seperti DBKL dan perbadanan kemajuan negeri-negeri termasuk syarikat perumahan negara. Ini bererti masalah perumahan negara semakin terfokus kepada satu kementerian bagi menjalankan pelaksanaan dan penguatkuasaan. Ini kemungkinan mana-mana pembeli rumah dalam projek tersebut boleh membuat aduan kepada tribunal tuntutan pembeli rumah. Kadangkala aduan orang ramai mengenai masalah rumah yang dibeli daripada koperasi dan perbadanan negeri tidak diambil berat oleh agensi tersebut. Mereka tidak ada ruang untuk mengadu.

Kedua, mengenai Fasal 11 yang bertujuan menaikkan syarat permohonan pemaju bagi modal berbayar di mana pemaju dikehendaki membayar deposit RM100,000 masa kini kepada deposit baru RM200,000 sememangnya wajar, tetapi saya masih samar-samar tentang jika sekiranya pemaju itu gagal menyiapkan projek adakah depositnya akan dirampas jika 75% pembeli bersetuju membatalkan perjanjian jual beli yang pemaju mempunyai kemampuan untuk membayar balik kepada pembeli. Apa yang mereka bayar dalam kes ini apakah akaun kemajuan perumahan akan dirampas atau tidak. Para pembeli mahu apa yang mereka beli dan ditandatangani tidak akan menimbulkan masalah jika projek tidak berjaya.

Langkah mewujudkan tribunal, tuntutan pembeli rumah sememangnya dialu-alukan dengan kuasa yang dibekalkan kepadanya. Tribunal sebenarnya telah membantu kerja-kerja mahkamah kerana rujukan masih dibuat atas perkara yang diselesaikan. Namun, apakah tribunal dapat berbuat jika pesalah enggan mematuhi arahan atau perintah tribunal. Kesamaran ini mungkin dapat diberi penjelasan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Jelutong.

4.41 ptg.

Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat menaruh harapan yang tinggi ke atas rang undang-undang ini kerana mereka sudah menderita sekian lama atas kekurangan-kekurangan yang terdapat di bawah undang-undang yang sedia ada. Selepas membaca rang undang-undang yang dinanti-nantikan, saya ingin mengatakan bahawa rang undang-undang ini masih mempunyai banyak kekurangan kerana selain daripada penubuhan tribunal bagi aduan membeli rumah atau *tribunal for home buyer claims*, rang undang-undang tidak memberi penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah, malah dia membebankan industri perumahan tanpa objektif yang munasabah. Pandangan-pandangan saya adalah berasaskan daripada fasal-fasal berikut yang terdapat di dalam rang undang-undang ini.

Yang pertama ialah Fasal 11 yang mengenakan deposit minimum RM200,000 untuk setiap lesen yang dipohon.

Tuan Yang di-Pertua, fasal ini mengatakan deposit minimum. Ini bermakna deposit ini boleh lebih daripada RM200,000 untuk setiap lesen, tetapi kriteria untuk mengenakan deposit ini tidak diperuntukkan. Bagi seorang pemaju yang memajukan satu skim dengan 2,000 buah rumah, deposit RM200,000 adalah *chicken feed*, dengan izin. Tetapi seorang usahawan kecil hendak membina lima buah rumah sahaja deposit RM200,000 mungkin modal keseluruhan untuk projek beliau.

Tuan Yang di-Pertua, bukankah lebih baik jikalau deposit itu dikenakan mengikut nilai projek yang dicadangkan. Fasal ini juga tidak memberitahu kita bagaimana deposit ini akan digunakan selepas ianya dilucuthakkan atau di'*forfeiture*'. Adakah ianya dapat digunakan untuk menyempurnakan rumah atau dibayar kepada pembeli-pembeli rumah sebagai ganti rugi. Semua ini tidak diterangkan dalam rang undang-undang ini. Saya juga tidak pasti sama ada kementerian mengkaji berapa ramai pemaju yang ada di negara kita. Mengikut pengetahuan saya negara kita mempunyai lebih daripada 2,000 pemaju. Lazimnya pemaju menjalankan beberapa projek dengan serentak. Jikalau dengan puratanya, setiap pemaju mempunyai dua lesen, ini bermakna kementerian akan mengeluarkan 4,000 lesen. Kali ini dengan deposit minimum RM200,000 setiap lesen, kita akan menguburkan RM800 juta di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Semasa kerajaan hendak menjalankan *pump priming* untuk mengelakkan kemerosotan ekonomi negara mengapa kita commit deposit ini kepada *capital*

grave yard, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya deposit ini boleh dimasukkan ke dalam akaun pemaju atau *housing developer account* yang diwujudkan di bawah Housing Developers (Housing Development Account) Regulations 1991 untuk kegunaan seperti mana yang ditentukan di bawah peraturan yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah bukanlah dengan deposit tetapi masalahnya adalah dengan pemantauan dan penguatkuasaan yang tidak lengkap dan kekurangan oleh kementerian atas housing development account ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak faham mengapa deposit ini disimpan hanya sampai *expiry of the defect liability period* dan bukannya sampai pengeluaran Certificate of Fitness for Occupation (CFO). Jikalau kita hendak melindungi hak-hak pembeli kerana ada kes-kes menunjukkan CFO masih tidak dapat dikeluarkan selepas *expiry of the defect liability period*.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh adalah berkaitan dengan Fasal 18 yang mengadakan peruntukan bagi penamatan statutory perjanjian jual beli. Tuan Yang di-Pertua, fasal ini adalah sangat restrictive sampailah ianya tidak berkesan untuk melindungi hak-hak pembeli-pembeli rumah kerana fasal ini hanya boleh digunakan jikalau;

- (i) projek perumahan tidak dimulakan enam bulan selepas menandatangani perjanjian jual beli dan;
- (ii) persetujuan kedua-dua pemaju dan 75% daripada pembeli rumah.

Pertanyaan saya adalah seperti berikut:

- (i) apakah statistik projek yang dibiarkan begitu selepas hanya perjanjian ditandatangani jika dibandingkan dengan projek-projek perumahan yang dijalankan
- (ii) apakah definisi '*commencement*'. Apa kementerian boleh buat jikalau selepas perjanjian ditandatangani, pemaju *commence earth work*, lepas itu projek dibiarkan begitu sahaja. Bolehkah fasal ini digunakan? Saya rasa tidak.
- (iii) fasal ini hanya boleh di*initiated* oleh pemaju. Jikalau pemaju tidak *initiate* apa kementerian boleh buat? Sekali lagi saya rasa tidak ada apa-apa kementerian boleh buat di bawah rang undang-undang ini.

- (iv) Jikalau kita mesti dapat persetujuan pemaju dari 75% dari pembeli-pembeli, persetujuan akan mengambil masa berbulan-bulan, sementara itu siapa akan bayar kerugian seperti sewa dan faedah yang terpaksa ditanggung oleh pembeli-pembeli rumah. Nampaknya pembeli rumahlah yang akan tanggung kerana di bawah fasal ini pulang balik (refund) adalah tanpa faedah.

Perkara yang ketiga adalah berkaitan dengan Fasal 21 yang memberi kuasa menyeluruh kepada Inspektor untuk memasuki, menggeledah dan menyita dan kuasa untuk memeriksa dan menahan orang. Kuasa menyeluruh ini adalah membimbangkan kerana ia *criminalize* semua pemaju. Apabila Parlimen menggubal undang-undang, undang-undang itu mestilah *equitable* atau adil untuk semua pihak termasuklah pemaju dan juga pembeli-pembeli rumah. Walaupun di bawah seksyen baru 10A (1) Majistret boleh mengeluarkan waran untuk memasuki, menyita, memeriksa, menahan orang dan sebagainya tetapi di bawah Seksyen 10A (3), Inspektor boleh memasuki, menyita, menahan orang dan sebagainya jikalau beliau berpendapat waran Majistret akan lambat dikeluarkan.

Dengan subseksyen-subseksyen yang bertentangan ini, Inspektor mana akan memohon waran Majistret jikalau beliau tahu tindakan beliau akan dilindungi di bawah Public Authorities Protection Act 1948 seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen baru 22B di bawah rang undang-undang ini.

Kuasa yang berlebihan ini juga boleh didapati di bawah Seksyen 10B (1) yang baru di mana *for the purpose of search, the Inspector may detain such person for such period as may be necessary to have a search carry out.*

Tuan Yang di-Pertua, *detention* seseorang adalah untuk menolong penyiasatan tetapi apa kaitannya di antara *power of search* dengan *detention*. Tuan Yang di-Pertua, kita diberitahu kononnya kuasa berlebihan ini adalah diperlukan untuk mendakwa lebih ramai pemaju dengan lebih mudah. Pertanyaan saya adalah di bawah kuasa-kuasa yang sedia ada, berapa kes dakwaan telah dibuat oleh kementerian? Adakah kuasa-kuasa baru ini betul-betul diperlukan atau kuasa-kuasa yang sedia ada sudah mencukupi tetapi tidak digunakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat ialah perkara yang amat dikesali dalam rang undang-undang ini adalah masalah-masalah lama pembeli-pembeli rumah berikut yang tidak disentuh langsung dalam rang undang-undang ini. Yang

pertama adalah bahawa rang undang-undang ini hanya berkuat kuasa atas projek perumahan sahaja dan tidak sentuh langsung projek komersial dan industri di mana masalah yang sama juga dialami oleh pembeli-pembeli bangunan komersial dan industri.

Yang kedua adalah pengarah syarikat pemaju seharusnya dipertanggungjawabkan terhadap pembeli di mana syarikat pemaju tidak dapat membayar pampasan atau *damages* kepada pembeli kerana tidak menepati perjanjian jual beli.

Yang ketiga, tempoh liabiliti kecacatan di bawah perjanjian jual beli *standard* seharusnya dipanjangkan kepada 24 bulan dan seharusnya bermula apabila sijil layak menduduki dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan bukan dari tarikh *physical completion* seperti yang diamalkan sekarang. Isu-isu seperti *sinking fund*, *maintenance charges*, *administrative charges*, pengeluaran *strata title* dan sebagainya untuk rumah pangsa juga tidak disentuh di bawah rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kementerian dapat meneliti kekurangan-kekurangan yang dikatakan tadi dan saya berharap ianya dapat diatasi dengan pindaan-pindaan yang tertentu ke atas *subsidiary legislation* yang boleh dibuat di bawah akta ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Kedah.

4.53 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pindaan akta ini terutama sekali dengan terpindanya akta ini kawalan boleh dibuat terhadap pemaju-pemaju di peringkat negeri, pemaju-pemaju koperasi, perbadanan-perbadanan, Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri. Dengan adanya akta ini Kementerian Perumahan dapat *interfere direct* dengan mengikut lunas undang-undang terhadap pemaju-pemaju terutamanya yang terlibat di peringkat negeri.

Tuan Yang di-Pertua, memang kalau kita lihat pembangunan dalam negara kita untuk orang luar yang datang ke sini sungguh menakjubkan. Baru-baru ini *committee* antarabangsa daripada Senate Thailand yang diketuai oleh—Kraisak Choonhavan, dia Pengerusi bahagian antarabangsa Senate Thailand yang amat berkuasa. Beliau datang ke Malaysia bertemu kami Ahli-ahli Parlimen daripada PAS.

Yang pertama katanya dia amat hairan melihat KLIA. Ertinya kagumlah dengan keindahan besarnya KLIA. Kemudian dia tergamam melihat Putrajaya, *shock* melihat keindahan Putrajaya yang begitu cantik.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Bukan 'syok' dalam bahasa Kedah, *shock*, terkejut.

Kemudian, dia terkejut melihat kehidupan orang di luar bandar. Itu komen Senator Thailand itu. Jadi, mula-mula dia rasa hairan, kemudian tergamam, yang ketiga terkejut bila melihat. Dia kata hal di luar bandar lebih teruk daripada Thailand, katanya. Ini, seorang yang melihat sepintas lalu dalam masa beberapa hari berada di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara dan beberapa contoh tentang perumahan dalam negara kita khususnya di negeri Kedah. Kuala Kedah adalah kawasan yang ingin ditempatkan semula di kawasan perumahan yang tersusun dan Kuala Kedah ini rata-rata penduduknya terdiri daripada nelayan yang miskin. Tanah-tanah mereka telah diambil dan diratakan tanah itu sejak tahun 1985 iaitu di Seberang Kota, Kuala Kedah, dikatakan hendak buat rumah pangsa, tetapi nelayan tidak bersetuju kerana rumah pangsa tidak sesuai dengan mereka. Mereka hendak naikkan pukut, jala di tingkat empat, tingkat lima, barangkali tidak sesuai.

Kemudian, menjelang pilihan raya tahun 1990 dibuat rumah contoh. Selalu dibuat bila menjelang pilihan raya. Maka datanglah pihak pemerintah merasmikan rumah contoh. Rumah contoh, tinggallah rumah contoh itu sampai berkulat. Pada tahun 1995 dibuat rumah contoh kedua dan bila dibuat rumah contoh kedua, para nelayan lihat rumah itu, ini bakal rumah mereka, mereka mengundi lagi Barisan Nasional. Pada tahun 1999, lagi rasmi rumah contoh, iaitu sudah berapa tahun, daripada tahun 1985 diratakan. Penduduk-penduduk Kuala Kedah tidak buat rumah baru, tidak menambahkan rumah mereka kerana mereka hendak berpindah ke rumah baru.

Maka, duduklah mereka dalam kekotoran, paritnya dengan keadaan yang kotor, sehingga baru-baru ini muncul orang minyak. Orang minyak pun marah melihat kepada keadaan rumah yang ada di situ. Bagus Tuan Yang di-Pertua munculnya orang minyak, PAS dan UMNO bersatu untuk cari orang minyak. *[Ketawa]* Saya tidak pernah lihat lagi PAS dan UMNO bersatu dalam mencari orang minyak. Kalau begitu, orang minyak itu perlu keluar selalulah. *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya ingat elok bersatu, yang lain lebih begitu[Ketawa]

Tuan Mohamad bin Sabu: Memang perkara-perkara tahyul ini, Tuan Yang di-Pertua, popular di kalangan orang-orang Melayu lagi. Tuan Yang di-Pertua, kemudian selepas tahun 1999, bila parti pembangkang menang di Parlimen Kuala Kedah, Dewan Undangan Negeri dimenangi oleh Menteri Besar, barulah projek itu dimulakan. Alhamdulillah, projek perumahan itu dimulakan dan syarikat yang membuatnya ialah Syarikat Ambang Kashi. Sudah tentulah projek seperti ini, pihak pemaju tidak mendapat keuntungan yang besar dan kemungkinan besar rugi kerana rumah yang akan dijual tidak tahu lagi berapa harganya. Buat dahulu, harganya belum ditentukan.

Setelah projek itu berjalan hampir dua tahun dan sekarang berhenti pula pembinaannya. Katanya, kerajaan negeri memang tidak cukup duit dan kita minta pula pihak Lembaga Perumahan Negara masuk untuk menambahkan modal sebab projek ini projek untuk rakyat, saya yakin pemaju tidak mendapat keuntungan. Lainlah daripada rakan-rakan saya yang bercakap tadi, soal pemaju yang kaya dan akan menjual rumah kepada orang-orang yang mampu seperti di Lembah Klang ini. Tetapi, saya yakin pemaju ini menghadapi masalah untuk meneruskan projek mereka dan mereka di antaranya berkata barangkali modal akan ditambah untuk mereka teruskan buat projek menjelang pilihan raya 2004 akan datang. Tidak kiralah. Tetapi, yang pentingnya rumah ini hendaklah disiapkan dan penduduk-penduduk pula tidak diberitahu berapa harga rumah itu sehingga sekarang.

Mereka diminta menandatangani satu borang di mana dalam borang itu mengatakan rumah ini hak kamu, harganya akan ditentukan kemudian. Mereka juga tidak diberitahu rumah dan tempat tinggal mereka sekarang di tepi-tepi laut itu, adakah akan dibayar pampasan? Saya harap pihak Kementerian Perumahan bersama dengan Kerajaan Negeri Kedah dapat selesaikan masalah ini seboleh-bolehnya sebelum pilihan raya akan datang sebab ia tidak menandatangani beban kepada kerajaan baru yang akan memerintah Kedah selepas 2003 nanti, insya-Allah. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, perumahan-perumahan seperti ini.....[Disampuk]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, Parit Sulong, ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Kuala Kedah dia *confident*. Saya hendak tanya, selepas bercerai dengan DAP ini, bolehkah menang balik Kuala Kedah ini? Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Insya-Allah. Bercerai tetapi kasih berkekalan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat, ya teruskan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya harap perumahan-perumahan seperti ini, Kerajaan Persekutuan atau Lembaga Perumahan Negara jangan segan-silu untuk membantu. Walaupun, saya tidak kira di sini kawasan Menteri Besar dan penghuninya nanti boleh dikatakan bukan penyokong parti kami kebanyakannya. Tetapi soal perumahan kepada rakyat di Kuala Kedah ini perkara yang cukup besar dan kerajaan hendaklah mengeluarkan bantuan segera untuk pihak pemaju ini menyiapkan projek ini. Menterinya ada di sini, kita harap masa jawab hari Isnin nanti, cakap 'ya', ya. Boleh menyiapkan projek ini? Sebab kalau tidak 'ya', MCA pun bermasalah di Kedah sekarang sebab mereka mahu ketua lama. *[Ketawa]* Mereka tidak mahu ketua baru, saya dengar khabar begitu.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga tempat-tempat yang lain, tempat-tempat yang kita lihat pemaju mendukung dasar kerajaan sama ada di Perak, sama ada di Johor, pemaju yang mendukung dasar kerajaan iaitu membina rumah-rumah harga murah dan sebagainya dan mereka untung tidak banyak. Kita harap Lembaga Perumahan Negara bantu pemaju yang mendukung dasar kerajaan ini. Pemaju yang membina kondominium, pemaju yang membina rumah mewah, itu lainlah. Mereka terdiri daripada pemaju-pemaju yang mencari keuntungan, bukan sangat mendukung dasar kerajaan. Kasihan pemaju-pemaju seperti ini, yang membuat rumah murah, penempatan semula nelayan, penempatan semula tempat banjir dan sebagainya, mereka mendukung dasar kerajaan tetapi mereka sebaliknya menanggung kerugian. Pemaju seperti inilah perlu dibantu Kementerian Perumahan, menteri yang muda, yang berwibawa boleh lihat perkara ini secara serius.

Begitulah juga bila dasar kerajaan, kerajaan kena pikul. Misalnya dasar kerajaan, ini contoh sahajalah iaitu hendak mewujudkan *anchor bank*, iaitu bank yang banyak dijadikan sepuluh. Ini dasar kerajaan. Bila dasar kerajaan, kenapa pekerja menjadi mangsa. Ertinya, dasar kerajaan itu, sepatutnya kerajaan kena pikul pekerja-pekerja itu, mencari jalan untuk menyelamatkan mereka. Tetapi, kadangkala

dasar kerajaan, kerajaan tinggalkan begitu sahaja pekerja-pekerja. Dasar kerajaan membeli semula MAS dan Perdana Menteri sebut misalnya, contoh sahajalah ini. Contoh dasar kerajaan, untuk menyelamatkan pekerja - sekarang kita dengar riuh rendah kakitangan MAS akan dibuang. Ertinya, dasar kerajaan yang dijalankan oleh kerajaan, mesti kerajaan pikul. Maksud saya begitu. Kita tidak mahu suatu dasar kerajaan dibuat, akhirnya yang menjadi mangsa rakyat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulong berdiri lagi. Hendak bagi jalan?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini sekadar untuk memperbetul rekod. Yang kecoh kakitangan MAS hendak kena buang bukan fasal kerajaan hendak ambil balik MAS tetapi oleh kerana senario seluruh dunia bahawa memang syarikat penerbangan adalah industri yang pertama sekali yang terbabat dengan peristiwa yang berlaku di Amerika Syarikat. Orang sudah tidak hendak terbang. Itu, bukan MAS sahaja. Mengapa tidak kutuk syarikat penerbangan di Amerika Syarikat yang sudah tutup, sudah lingkup, sudah kena *bailout* pun. Janganlah bawa cepat hendak kenen teru s. Orang di Ulu Seri Medan kampung saya mungkin dengar cakap Yang Berhormat tetapi dalam sini janganlah keliru. Saya minta itu sahaja.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ah, tak keliru. Penyusunan semua MAS sebelum kejadian itu, sebelum kejadian 911. Sebelum 911 telah berlaku penyusunan semula itu, bukan kerana penyusunan semula itu berlaku selepas daripada serangan itu. Begitu juga tambang MAS naik, bukan kerana peristiwa 911. Dia dinaikkan sebelum daripada itu. Jadi sekarang ini nampaknya pembuat dasar di Malaysia ini sudah ada alasan – apa berlaku kerana peristiwa 9 November, eh, 9 September. Jadi kerana 9 September. Ini

Seorang Ahli: 11 September.

Tuan Mohamad bin Sabu: Oh, 11 September, minta maaf. Jadi 11 September. Semua sekarang hendak di *blamekan* kepada situ. Sebenarnya penyusunan semula MAS dibuat sebelum itu dan kakitangan MAS berjumpa kita – penjual tiketnya dan sebagainya, mengatakan bahawa “kami tidak tahu nasib kami, kemungkinan kami akan dibuang. Salah mereka yang menyusun atur, yang menyusun semula dan pentadbiran dahulu kami akan menjadi mangsa.”

Pembelian semula MAS daripada dasar kerajaan. Sebab itu kerajaan kena jaga. Kalau mereka kena buang mereka marah, bila marah banyaklah menyokong pembangkang. Kami tidak mahu kami untung cepat. *[Ketawa]*

Tuan Yang di Pertua, ini saya harap sungguh-sungguh, saya sekali lagi pemaju-pemaju yang mendukung dasar kerajaan ini kita ada tabung RM1 bilion yang di bawah Yang Berhormat Bagan Datok dengan Kementerian Perumahan kita bantu pemaju-pemaju seperti ini – pemaju yang menyokong dasar kerajaan, tidak kira di negeri mana. Mereka mengeluh bila jumpa kita soal keuntungan, soal hendak meneruskan kerja, soal pembayaran daripada kerajaan negeri dan sebagainya, dan Kementerian Perumahan kena bantulah pemaju seperti ini. Bukan semua pemaju jahat, bukan semua pemaju hendak kepada keuntungan. Banyak juga pemaju yang sukarela untuk mengambil projek-projek yang membantu dasar kerajaan.

Tuan Yang di Pertua, satu contoh lagi kita lihat macam kita lihat iklan – iklan rumah. Kita naiklah kereta di lebuhraya, kita boleh nampak iklan-iklan. Bayar RM1,000, Loan 100%, enam bulan masuk. Cuba kita pergi tengok bayar RM1,000, dia akan minta bayaran itu, bayaran ini, dia tidak cakap bayaran *lawyer*, dia tidak cakap bayaran *transfer*, tidak cakap bayaran kebersihan. Tetapi kalau kita tengok iklan, sedap – Bayar RM1,000. Kalau kita pergi England “Pay £50, Move In” – bayar 50 paun, masuk. Itu rumah orang miskin. Di sini bayar RM1,000, Loan 100%, boleh masuk dalam masa enam bulan. Bohong. Sepatutnya iklan-iklan di sini Kementerian Perumahan penguat kuasanya pergi buang iklan-iklan seperti itu, tarik buang. Tidak boleh. Kalau kita pergi bayar tengok RM1,000, hendak dapat 100% dengan bayaran-bayaran sebagainya, apa yang diiklankan itu hanyalah untuk menarik kita mengambil borang dan bayar RM1,000 permulaan itu.

Kita lihat tanah di sini, misalnya contoh lagi, dekat dengan Sungai Penchala, pinggir Taman Tun Dr. Ismail, tanah itu di antaranya tanah kepunyaan Sultan Kedah dan rakan-rakannya, Sultan yang kami kasihi. Projek di situ dibuat kondo berunsur Islam – kondominium, iaitu ada dua kolam renang, lif dibuat lif yang besar yang muat boleh isi mayat. Kadang-kadang perumahan ini dia buat lif terlalu kecil. Kalau kita hendak bawa turun mayat daripada atas mayat itu kena berdiri, mayat itu tidak boleh tidur. *[Ketawa]* Mayat kalau berdiri dia boleh jadi hantu – *ghost* *[Ketawa]*. Macam Lembaga Tabung Haji sekarang ini – tabung hilang, tinggal lembaga *[Ketawa]*. Lembaga ini dalam bahasa orang Putih dia *ghost* – hantu. Jadi "Tabung" hilang tinggal "Haji". *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, ini satu contoh yang baik, iaitu dibuat lif yang muat boleh mayat ditidurkan dalam lif itu. Kita harap rumah pangsa, kondominium mesti buat lif seperti ini iaitu lif yang kalau berlaku kematian mengejut maka dia boleh diturunkan dalam keadaan mayat itu tidur, bukan mayat itu duduk atas kerusi atau berdiri.

Ini suatu contoh konsep perumahan yang baik dibuat kondominium, di tanah kepunyaan Sultan Kedah dan rakan-rakan ini. Janjinya dalam masa dua tahun siap tetapi sampai sekarang sudah enam tahun baru siap di peringkat 60%. Kalau di tanah seorang yang ternama begini pihak pemaju boleh mempermainkan sehingga janji dua tahun sampai enam tahun belum siap, Bayangkanlah tanah-tanah atau pun tempat-tempat yang dimajukan tanah orang biasa, maka pihak pemaju boleh mempermainkan hebat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh yang diberikan itu dan telah dipercakapkan, kita tahu hal perumahan ini yang banyak sekali bercakap daripada DAP, MCA, Gerakan kerana mereka wakil rakyat dalam bandar dan mereka banyak telah tegur tetapi kita lihat digunakan alasan kemelesetan ekonomi untuk menangguhkan projek-projek dan mereka yang misalnya telah membayar 70% bayaran untuk duduk kondominium, dua tahun patut siap, sekarang empat tahun mereka terpaksa sewa rumah, rumah sendiri tidak siap, kemelesetan ekonomi berlaku, perbelanjaan meningkat. Maka bayangkanlah pembeli-pembeli rumah ini menghadapi masalah yang cukup besar. Itulah sahaja untuk dijawab oleh Menteri dan kita harap menteri bersimpati kepada mereka yang membeli rumah dan juga pemaju-pemaju yang mendukung dasar kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Parit Sulong.

5.12 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. saya hanya ringkas. Saya merujuk kepada Fasal 6 iaitu mengenai seksyen 6(1)(a). Seksyen ini memerlukan bahawa deposit ditambahkan bagi pemaju-pemaju yang hendak mendapatkan lesen. Saya cuma prihatin sedikit, penambahan ini memang elok niatnya iaitu untuk mendapatkan *quality developer*. Tetapi bagaimanakah syarikat-syarikat pemaju yang kecil dan kecil ini selalunya sinonim dengan bumiputera. Ini saya bimbang sedikit, mungkin penambahan ini walaupun niatnya baik mungkin akan mewujudkan satu lagi sektor masyarakat yang merasa kurang puas hati dengan kewujudan undang-undang yang berniat baik ini.

Saya harap kita mempertimbangkan dan saya minta penjelasan rasional daripada pihak kementerian mengapakah untuk mendapatkan pemaju yang baik ini yang boleh mempunyai kewibawaan kewangan ini perlu dicerminkan dari satu bentuk deposit yang besar. Mungkin ada perkara-perkara lain yang boleh diketengahkan dalam bentuk undang-undang untuk memastikan bahawa pemaju yang menjalankan kerja itu adalah pemaju yang boleh *deliver the goods*, yang boleh menyempurnakan tugasnya dan pemaju yang tidak akan menimbulkan kesukaran kepada rakyat. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat Kepong dahulu. Cepat sedikit Yang Berhormat, ya. Selepas Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Tambun dan selepas Yang Berhormat Tambun, Menteri menjawab.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak, tidak, mana boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya kira berdiri.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini bagi tanpa notis. Cukup notis. Kita sudah bagi notis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu tidak kiralah, saya tidak tentukan siapa, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya bagi notis saya hendak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, sebab sepatutnya bila habis orang bercakap, siapa yang hendak bercakap berdirilah, kalau tidak ada berdiri, saya terpaksa buat keputusan. Tidak mengapa, duduk dahulu. Ya, Yang Berhormat dari Kepong, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tahulah ramai yang hendak berucap kerana sekarang hari Khamis, sudah kembali ke kawasan masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya faham Yang Berhormat, sebab itu saya beri peluang siapa yang berdiri. Teruskan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya pun sudah bagi had masa. Dengan membentangkan rang undang-undang untuk meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) ini, kita berharap semua kemusykilan, semua masalah yang wujud kerana pembinaan kawasan-kawasan perumahan ini dapat diselesaikan sedikit sebanyak tetapi ada beberapa perkara di dalamnya yang mungkin tidak dapat dilaksanakan, saya pun tidak tahulah termasuklah dia hendak lantik tambahan Timbalan Controller dan sebagainya. Nampaknya baik tetapi masalah itu masih wujud.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 ini, banyak masalah masih berlaku. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, di Batu 7, Jalan Kepong, ada satu projek kerjasama di antara Dewan Bandaraya dengan pemaju. Dengan adanya perjanjian di antara DBKL dengan pemaju maka pangsapuri-pangsapuri dipindahkan dan didapati masalah wujud walaupun ada perjanjian termasuk perjanjian jual beli dan sebagainya. Didapati misalnya tingkap, tingkap untuk pangsapuri yang tinggi, sampai tingkat 15, 16, itu tingkap-tingkap dibuat. Kemudian kalau ada hujan lebat, ada ribut yang kencang maka semua unit pangsapuri ini dimasuki air. Jadi, banjir di atas. Biasanya banjir di tanah sahaja tetapi sekarang banjir di langit.

Inilah beberapa perkara yang songsang sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sebab hujan datang dari atas, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Dari atas. *[Ketawa]* Dan banjir di langit. Ini pun pelik binti hairan juga. Dan, bukan satu, dua unit, semua unit yang mempunyai tingkap talar, tingkat khas itulah, tingkap yang lut sinar yang dapat cahaya mentari masuk, untuk menyeri, menceriakan para penduduk di dalamnya. Tetapi ini bukan menceriakan, membanjiri para penduduk di dalam pangsapuri ini.

Mereka pun buat aduan, saya pun bantu mereka membuat aduan kepada pemaju rumah. Tetapi kerana berbilangan pangsapuri yang terlibat, yang banyak maka tidak dapat diubahsuaikan kerana belanja sangat besar. Ini bermakna, dengan adanya rang undang-undang ini mungkinlah perkara seumpama ini dapat dielakkan. Kalau tingkap talar tidak sempurna walaupun satu ribu unit mesti ditukar ataupun dibuat cara-cara yang baik untuk mengelakkan hujan memasuki tingkap dan membanjiri unit-unit pangsapuri kita. Lebih baik kita namakan tingkap membanjir, tingkap banjir, lebih tepat juga. Ini masalah di Metro Premier.

Ada baik juga, bukan semua itu tidak baik. Di situ mungkin kita akan – tidak lama lagi ada klinik untuk orang biasa. Itu pun baik juga. Tetapi, walau bagaimanapun, ada cacat cela di sini. Dan juga bangunan itu baru siap beberapa bulan tetapi nampaknya lif-lif itu sudah rosak. Dan, kalau kita kira lif yang digunakan oleh pihak pemaju, nampaknya lif yang dipakai, *secondhand* punya.

Diharapkan dengan diluluskan rang undang-undang seumpama ini, kita dapat mengelakkan dan memastikan yang semua lif yang dibeli oleh pihak pemaju adalah lif yang bukan *secondhand*, lif *firsthand*, yang terbaik sekali untuk para penduduk di kawasan-kawasan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara lagi yang hendak saya cungkikan satu persatulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Silakan, silakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Walaupun, Tuan Yang di-Pertua, dia menganggap saya tidak ada modal sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: [Ketawa] Teruskan, teruskan, Yang Berhormat. Banyak Yang Berhormat punya modal.

Dr. Tan Seng Giaw: Banyak, ya. Masalah di sini macam ini, rang undang-undang dalam bahasa Inggeris, tidak boleh dielakkan kerana rang undang-undang sah pun di dalam bahasa Inggeris dan huraiannya dalam Bahasa Malaysia. Dan, kadang kala kita hendak menterjemahkan susah sikit, mengambil masa.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya Fasal 11 – bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 118. Pindaan yang dicadangkan kepada perenggan 6(1)(a) Akta 118 mengenakan deposit minimum dibuat kepada pengawal oleh suatu syarikat yang memohon suatu lesen di bawah Akta 118. Di bawah pindaan yang dicadangkan kepada perenggan 6(1)(b) Akta 118, deposit minimum seseorang atau suatu kumpulan orang yang memohon untuk mendapatkan lesen di bawah Akta 118 akan dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM200,000.

Saya pun tidak tahulah apakah kriteria yang digunakan untuk menaikkan kepada RM200,000 untuk depositnya. Mungkin kita boleh tingkatkan lagi kepada mungkin RM500,000, mungkinlah, kerana sebelum ini pun kita dapati

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Yang Berhormat, saya pohon penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Perlis, Perlis tidak banyak perumahan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, tidak apa.

Dr. Tan Seng Giaw: Pasal bilangan penduduk yang kecil, sampai di su kan
....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi Yang Berhormat, tidak bagi jalan, hendak bagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Temasya sukan Malaysia kita ini, bila ada Perlis pun kalau menang pingat pun sangat sedikit. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, tidak apa. Sila, sila. Ya.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Tuan Yang di-Pertua, saya terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong kerana memberi saya jalan walaupun hati saya tersinggung sikit kerana beliau jadikan saya pak lawak dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, penjelasan yang saya mohon adalah memandangkan Ahli Yang Berhormat merupakan Ahli Parlimen yang begitu lama dan sudah tentu saya menghargai penilaian beliau terhadap program *legislation* kerajaan, yang mana rang undang-undang ini merupakan satu yang pada pertimbangan saya adalah satu *legislation* yang *milestone*, yang *landmark*, dengan izin.

Penjelasan yang saya mohon daripada Ahli Yang Berhormat adalah adakah dalam pertimbangan beliau sebagai Ahli Parlimen yang agak *senior*, apakah dengan pindaan rang undang-undang ini yang mana rang undang-undang yang akan menjadi undang-undang yang baru bagi kawal selia sektor pemaju perumahan ini, adakah ianya akan merupakan undang-undang yang lengkap yang akan dapat digunakan untuk menangani segala isu-isu menyentuh sektor perumahan yang kita sering baca dan dengar dan bercakap mengenainya.

Sekali lagi, adakah dengan pindaan ini, kita akan perolehi satu undang-undang yang lengkap atau komprehensif, cukup *comprehensive*, dengan izin, bagi pemerintah dan pentadbir menangani semua dan segala isu-isu yang telah berbangkit selama ini, sama ada menyentuh pembeli, pemaju atau lain-lain

komponen sektor perumahan itu sendiri. Apakah pertimbangan, penilaian atau dengan izin, *judgement* Ahli Yang Berhormat bagi Kepong? Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang baik kerana Yang Berhormat pernah menjadi Timbalan Yang di-Pertua juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tahu.

Dr. Tan Seng Giaw: Di bawah dia pun saya sedikit sebanyak ihsan jugalah semasa dahulu. Sebab itu saya kenang jugalah. Soalan ini baik tetapi dengan tabii manusia sekarang walaupun ada peraturan-peraturan yang baik juga tidak akan menyelesaikan masalah dengan menyeluruh. Dan mungkin kita dapat menyaksikan rang undang-undang yang baru tidak lama lagi untuk menambahkan ataupun untuk mengubahsuaikan beberapa perkara supaya kita boleh menangani masalah-masalah kerana Tuan Yang di-Pertua, masalah ini bukan sahaja kerana kementerian. Ada kalanya kementerian yang betul. Ada kalanya pemaju yang salah dan ada kalanya pembeli pun ada salah juga dan bukan semua itu masalah yang datang daripada kementerian. Kadang kala saya nampak dia ada berikhtiar tetapi tidak dapat menyelesaikan kemusykilan kerana faktor-faktor yang lain. Itu masalah. Dan kalau di Perlis pun.....

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sekali lagi ya.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *will this bill turn out to be a good enough law?* Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Jawapannya bukan. *It will not because of the nature of the building industry...*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dengan izin ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kerana kita mesti lihat daripada sini. Di bidang industri pembinaan di negara kita ini boleh ditafsirkan sebagai masih ketinggalan zaman. Sebab apa saya cakap sedemikian? Semasa dahulu apabila kita hendak upah tukang simen misalnya ataupun tukang pengecat dan sebagainya, kita tidak payah kriteria untuk mentafsirkan. Ini ada kebolehan, kelayakan setinggi macam ini dan kemudian kita bagi upah macam ini.

Sekarang tidak ada. Setakat ini kerana kita kekurangan buruh, kekurangan tenaga skil dalam bidang pembinaan dan kita terpaksa adakan satu rang undang-undang di dalam ini supaya kita dapat satu ubahan kriteria untuk mutu dan sebagainya semua pekerja-pekerja, tenaga mahir dan bukan mahir di dalam bidang pembinaan.

Kita mesti adakan semua ini sebelum kita boleh menguatkuasakan rang undang-undang seumpama ini dengan lebih sempurna. Selagi kita tidak ada satu dasar ataupun satu usaha yang menyeluruh untuk mentafsirkan semula, untuk menilai semula sektor pembinaan kita, rang undang-undang ini tidak akan jadi lebih sempurna. Itu masalah. Tambahan kita mesti ada kajian yang menyeluruh untuk bidang perumahan juga kerana bagi saya setakat ini tidak ada dasar yang menyeluruh untuk menangani semuanya. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, pada Rancangan Malaysia Ketujuh yang lepas, Rancangan Malaysia Keenam ya, Ketujuh...yang lepas...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ketujuh. Yang lepas tujuh ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekarang lapankah? Yang ketujuh. Kita tengok kerana kita hendak fikir dengan tenaga mahir dalam bidang pembinaan kita itu pening kepala.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang lagi, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Panjang, mesti panjang. *[Ketawa]*. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua anggap saya tidak ada modal lagi. Apabila saya kata panjang lagi ia mungkin sedikit ada, mungkin tidak ada modal tetapi saya boleh bagi satu jaminan iaitu modal itu banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya percaya Yang Berhormat banyak modal tetapi masa Yang Berhormat. Masa sudah **5.30.**

Dr. Tan Seng Giaw: 5.30 dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jadi kita sambung minggu depan Yang Berhormat ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga hari Isnin minggu depan jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin
Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S.,
S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri
Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N.,
D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M.,
D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Nege ri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S .A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasar Salak)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)

- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)

- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- ” Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Am bak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- ” Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- ” Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- ” Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- ” Dato Goh Siow Huat (Rasah)

- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pæir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- Yang Berhormat Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)

- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D .K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato' Shannon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- Yang Berhormat Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)

- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- ” Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- ” Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- ” Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato’ Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.

- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT
PEGAWAIPEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin H asim
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KETIGA

Jilid III

Bil. 47

Khamis

11 Oktober 2001

K A N D U N G A N

JAWAPAN -JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Petunjuk Geografi (Pindaan) 2001
(Halaman 23)

Rang Undang-undang Pemaju Perumahan
(Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2001 (Halaman 75)